

"BETA berharap perubahan-perubahan yang dibuat ini akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kelicinan jentera pentadbiran dalam kerajaan beta, yang mana matlamat yang dihasratkan ialah satu pentadbiran yang cekap, bersih, amanah lagi jujur demi untuk kebaikan dan kemakmuran Negara Brunei Darussalam serta kesejahteraan rakyat dan penduduknya, insya-Allah." - Titah ketika mengisytiharkan penyusunan semula Menteri-menteri Kabinet dan Perubahan Sebuah Kementerian Baru pada 30 November 1988.



Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

"DAN perangilah kerana menegakkan dan mempertahankan agama Allah akan orang-orang yang memarahi kamu dan janganlah kamu menceroob dengan memulakan peperangan kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroob." - Surah Al-Baqarah ayat 190



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bergambar ramai bersama Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang dilantik.

KASIH
MEMBAWA
SEJAHTERA
LALAI
MEMBAWA
BINASA

ANTARA
YANG
MENARIK

Haluan:
Sumbangan besar
golongan profesional
Pakistan dihargai

- Muka 2

Kebawah DYMM
berkenan kurniakan
Pingat Kebesaran
Negara

- Muka 4

50 tahun bukan masa
yang pendek

- Muka 6

Kebawah DYMM tinjau
Pusat Kesihatan
Rimba

- Muka 8 dan 9

Institusi kepolisian
menarik perhatian
DPMM

- Muka 12 dan 13

Kadar pinjaman bank
dihadkan - 'Amalkan
budaya menabung,
belanja berhemat'

- Muka 2 ANEKA

Senda gurau : Di mana
batasnya?

- Muka 4 ANEKA

TAHUKAH AWDA

PADA tahun 1996, perpustakaan awam mempunyai 184,621 buah buku dalam bahasa Melayu, 164,028 buah buku dalam bahasa Inggeris dan 1,082 buah buku dalam lain-lain bahasa. Sehingga bulan Mac 2000, jumlah buku dalam bahasa Melayu bertambah kepada 209,110 buah, buku bahasa Inggeris bertambah kepada 176,650 buah dan buku-buku dalam bahasa lain bertambah kepada 1,143 buah yang keseluruhannya berjumlah 386,903 buah. Di samping perpustakaan awam, kerajaan juga menyediakan sembilan buah perpustakaan di institusi pengajian tinggi, 31 buah di sekolah-sekolah menengah, 122 buah di sekolah-sekolah rendah, tujuh buah di Kementerian Kewangan dan 44 buah di jabatan-jabatan kerajaan. - Sumber: RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KELAPAN 2001-2005 (t:191).

MENTERI, TIMBALAN MENTERI MENGANGKAT SUMPAH

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan berangkat ke Majlis Mengangkat Sumpah bagi Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan Menteri di Istana Nurul Iman.

Majlis Mengangkat Sumpah berlangsung di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Atur cara majlis bermula dengan membacakan Surat Perlantikan oleh Grand Chamberlain, Yang Amat Mulia Pengiran Penggawa Laila Bentara Istiadat Diraja Dalam Istana Pengiran Haji Alauddin.

Mendahului Majlis Mengangkat Sumpah ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Haji Ariffin Mohd. Noor, Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim dan Hamadi Haji Mohammad

Diikuti pula Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah ibni Al-Mahrum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri.

Selepas itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman bin Dato Setia Haji Mohamed Taib, Menteri Pendidikan yang sebelum ini Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Disusuli kemudian Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain bin Haji Serudin, Menteri Hal Ehwal Uga-ma.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Dr. Haji Awang Ahmad bin Haji Jumat, Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama yang sebelum ini Menteri

Pembangunan.

Selanjutnya ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apeng, Menteri Perhubungan yang sebelum ini Menteri Kesihatan.

Kemudian diikuti Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan bin Begawan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Haji Mohd. Yusof, Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri yang sebelum ini Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Selepas itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Indera Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Suyoi bin Haji Osman, Menteri Kesihatan yang sebelum ini Timbalan Menteri Pendidikan.

Disusuli seterusnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Hamzah Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Abdullah bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Pembangunan

yang sebelum ini Setia-usaha Tetap Kementerian Perhubungan.

Seterusnya ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Dewa Mejar Jeneral (B) Dato Seri Pahlawan Haji Awang Mohd. Daud, Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan yang sebelum ini pernah menjadi Pemerintah Ang-

katan Bersenjata Diraja Brunei

Selanjutnya pula Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Utama Dato Seri Paduka Haji Awang Yahya bin Begawan Mudim Dato Paduka Haji Bakar, Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri yang sebelum ini Setiausaha Tetap Jabatan

Perdana Menteri.

Kemudian ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Menteri Kewangan II (Kedua) yang sebelum ini Timbalan Menteri Kewangan.

Lihat muka 16



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Perlantikan kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.



دَعْنِ نَامَ اللَّهِ يَغْمِهَا
ثَمُورُهُ دَانَ مَهَا فَيَابِغِ

Dari Sidang Pengarang

1 JUN 2005 BERSAMAAN 1426

23 ربيع الآخر

ROMBAKAN MENTERI- MENTERI KABINET

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada 24 Mei 2005 mengumumkan mengenai rombakan keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet Negara Brunei Darussalam. Serentak dengan rombakan itu, baginda juga mengumumkan perantaraan-perantaraan baru barisan Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri bagi tempoh lima tahun akan datang sehingga 2010 bermula dari tarikh pengumuman itu. Titah khas pengumuman itu disiarkan menerusi radio dan televisyen ke seluruh negara kira-kira jam 5.20 petang.

Rombakan kabinet minggu lalu itu merupakan kali ketiga sejak Negara Brunei Darussalam mencapai kemerdekaan lebih 20 tahun yang lalu dengan pembentukan pertama barisan Menteri-menteri Kabinet pada 1 Januari 1984. Rombakan pertama berlaku pada Oktober 1986 dan kedua pada 30 November 1988. Walau bagaimanapun rombakan yang diumumkan oleh baginda itu masih mengekalkan 12 kementerian sejak 17 tahun yang lalu. Kementerian-kementerian berkenaan ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Pertahanan, Kementerian Kewangan, Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri, Kementerian Pendidikan, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan dan Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Dalam rombakan baru itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga mengumumkan pewujudan satu jawatan baru Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri yang disandang oleh Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah. Tiga jawatan Menteri baru juga diwujudkan iaitu Menteri Tenaga (Minister of Energy) di Jabatan Perdana Menteri, Menteri Kewangan II (Kedua) dan Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua). Lima jawatan Timbalan Menteri yang baru juga diwujudkan bagi Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Kementerian Perhubungan, Kementerian Kesihatan dan Kementerian Pembangunan. Berikut dengan rombakan itu, keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet mengandungi 14 orang dan 10 orang Timbalan Menteri.

Jika kita amati-amati, rombakan itu jelas sejajar dengan hasrat baginda untuk mengalih lagi jentera pentadbiran kerajaan dan untuk meningkatkan lagi usaha-usaha pembangunan serta kemajuan Negara Brunei Darussalam yang berterusan di masa akan datang, di samping sebagai cara untuk memberikan peluang kepada beberapa individu tertentu untuk berbakti serta berkhidmat kepada bangsa dan negara.

Alhamdulillah, sejak negara mengamalkan sistem berkemeterian 20 tahun yang lalu, Negara Brunei Darussalam telah dapat berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan negara-negara lain. Bahkan negara telah membuktikan kemampuan yang tinggi yang sebanding dengan orang lain dengan berjaya mencapai objektif-objektif negara dalam pelbagai jurusan, dan yang penting kita juga berjaya mengekalkan keamanan serta kesejahteraan untuk dinikmati oleh setiap lapisan rakyat dan penduduk.

Ini bertepatan dengan titah baginda semasa mengumumkan mengenai keahlian Majlis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet. Antara lain baginda bertitah, "Pendeknya kerajaan beta telah berhasil membawa rakyat dan penduduk negara ini menikmati keamanan dan kesejahteraan tersebut, sebagai hasil dari cara hidup kita menghormati dan mematuhi undang-undang serta peraturan, iaitu suatu cara kehidupan orang-orang bertamadun yang sangat-sangat diidamkan oleh semua negara di dunia."

Sehubungan dengan itu, baginda penuh mengharap agar Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri yang baru dilantik akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah serta teguh pula memegang ikrar dan konsep taat setia yang tidak berbelah bahagi kepada raja. Baginda menegaskan, segala ikrar dan peraturan hendaklah betul dan benar, jangan disulam dengan kepura-puraan walaupun sedikit, kerana tujuan kita semua ialah untuk mencari keselamatan. Baginda juga mahu agar mereka yang diberikan jawatan dan kuasa akan menjalankannya dengan lurus dan adil bagi mencapai keredaan Allah jua.

Semogalah rombakan dan perantaraan baru itu akan terus membawa Negara Brunei Darussalam ke mercu kejayaan yang lebih gemilang lagi dalam semua aspek pembangunan dan kemajuan. Hasrat dan matlamat kita hanya bertekad satu tujuan dan satu destinasi dengan mengharap semoga perubahan-perubahan itu akan dapat meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan kelincian jentera pentadbiran dalam kerajaan yang mana matlamat yang dihajati ialah suatu pentadbiran yang cekap, bersih, amanah lagi jujur demi untuk kebaikan dan kemakmuran bumi kita yang bertuah ini serta bagi kesejahteraan semua lapisan rakyat dan penduduk jua.

HALUAN...

Sumbangan besar golongan profesional Pakistan dihargai

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Bismillahir Rahmanir Rahim

ALHAMDULILLAH! Rabbil 'Aalameen, Wabihee Nasta'eenu 'Alaa Umuuriddunya Waddeen, Wassalaatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Mursaleen, Sayyidina Muhammaddin, Wa'alaa Aalibiee Wasabbihee Ajma'een. Waba'du.

Tuan Perdana Menteri, beta dengan amat berbesar hati mengalu-alukan kedatangan Tuan ke Negara Brunei Darussalam, juga diucapkan selamat datang kepada Tuan dan Puan Begum Rukhsana.

Beta berharap akan dapat membalas sedikit sebanyak layanan penuh mesra yang sentiasa rakyat beta terima tatkala melawat Pakistan.

Kami amat gembira menerima kedatangan Tuan ke negara kami.

Beta juga ingin menyampaikan salam mesra kami kepada Presiden Musharraf jua kerajaan serta rakyat Tuan.

Presiden Musharraf pula mengadakan kunjungan ke negara ini lima tahun yang lalu.

Tatkala beta mengadakan kunjungan negara ke Pakistan pada tahun lepas, kita telah menegaskan lagi perhubungan yang kukuh yang diagih sejak lama di antara kedua-dua kerajaan dan rakyat kita.

Di waktu yang sama, sewajarnya kita perlu meneliti cara-cara bagi memberikan pengertian yang positif dan praktikal dalam abad baru ini.

Justeru itu, beta amat sukacita atas usaha yang dijalankan pada tahun-tahun kebelakangan ini.

Sedikit demi sedikit kita sedang mewujudkan beberapa kerjasama formal yang amat berharga dalam pelbagai bidang.

Ini meliputi spektrum kerjasama yang meluas dari ehwal sosial, budaya mahupun keagamaan malahan juga dalam bidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan pertahanan.

Mereka diberikan dimensi yang hangat lagi mesra oleh begitu banyak konteks peribadi yang diagih oleh rakyat kita.

Ini jelas diperlihatkan dari sumbangan besar yang diberikan oleh golongan profesional yang berbakat, kaum peniaga serta para pekerja dari Pakistan dalam pembangunan negara kita.

Tuan Perdana Menteri, kami amat menghargai kesemua ini.

Di waktu yang sama, juga pada tahap yang lebih meluas beta ingin melafazkan ucapan terima kasih kepada kerajaan Tuan atas sumbangan yang dihulurkan bagi rantau kami.

Ini tidak hanya menggiatkan hubungan dua hala yang sihat di antara kedua-dua buah negara kita, malahan juga dengan kesemua negara-negara jiran di rantau ini.

Ianya memang jelas terbukti dengan respond yang sangat baik yang Tuan berikan dalam situasi genting seperti yang dihadapi oleh mangsa-mangsa Tsunami pada bulan Disember lalu.

Ini merupakan kenyataan yang menyentuh perasaan dan bertenaga yang penuh dengan belas kasihan serta berperikemanusiaan.

Ianya menyebabkan

kami amat gembira menjadi penyokong kuat bagi hasrat negara Pakistan untuk memainkan peranan yang aktif dalam usaha ASEAN untuk mewujudkan Asia Tenggara yang kukuh, mantap lagi makmur.

Demi memperlihatkan hasrat rakyat tuan bagi mengagih segala matlamat serta cabaran, kami amat gembira bilamana tuan menandatangani Perjanjian Persahabatan dan Kerjasama. Di samping itu kami amat mengalu-alukan penyertaan Tuan dalam Forum Serantau ASEAN.

Pakistan selaku hos Dialog Kerjasama Asia merupakan contoh yang



TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Santap Malam sempena lawatan negara Tuan Yang Terutama Shaukat Aziz, Perdana Menteri Republik Islam Pakistan pada 7

Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh Hajah Zahara Haji Abdul Manan
zahara.manan@information.gov.bn

nyata komitmennya terhadap benua yang kita kongsi sama.

Kehadiran Tuan ke arah ini juga mesyuarat-mesyuarat ASEAN yang lain akan meningkatkan lagi dengan mendalam skop segala perundingan serantau kita.

Memang menjadi satu kegembiraan juga satu keistimewaan bagi mendapatkan kepakaran, bakat serta nasihat bijaksana negara Tuan sebagai sebahagian daripada proses

ASEAN yang menyeluruh.

Kami mengalu-alukan Pakistan sebagai rakan kongsi serantau yang baru dan berharga, di samping sahabat yang cukup lama dan amat dihormati bagi rakyat kami sendiri.

Tuan Perdana Menteri, dengan semangat ini, kami mengucapkan salam penuh mesra persaudaraan dan kerjasama dari kami.

Wabillillah Taufik Walhidayah, Wassalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Bekas pengikut Al-Arqam dikurniakan pembebasan

SENGKURONG, 24 Mei.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah melimpahkan kurnia pembebasan dari perintah tahanan ke atas Awang Mohd. Ashadi bin Haji Sulaiman, bekas pengikut Kumpulan Al-Arqam yang telah ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri kerana penglibatan beliau dalam usaha untuk menghidupkan semula Kumpulan Al-Arqam yang diharamkan di negara ini.

Awang Mohd. Ashadi diberi pembebasan dari perintah tahanan setelah beberapa bulan menjalani

Program Pemulihan Aqidah di Unit Tahanan dan Pemulihan, Jerudong.

Awang Mohd. Ashadi dalam pengakuan bertulisnya telah menyesali dan menginsafi segala keterlanjuran atas penglibatan beliau dalam usaha untuk menghidupkan semula Kumpulan Al-Arqam yang telah diharamkan di negara ini.

Hasil dari Program Pemulihan Aqidah yang diikuti oleh Awang Mohd. Ashadi itu telah mendapati beliau telah kembali kepada ajaran Islam mengikut Ahli Sunnah Waljamaah.

Majlis Mengangkat Sumpah dan Ikrar Taat Setia bagi Awang Mohd. Ashadi disaksikan dan di-

langsung di hadapan Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri, Dato Paduka Awang Haji Idris bin Haji Belaman yang juga selaku Setiausaha Jawatankuasa Penasihat Tahanan dan Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Dato Paduka Awang Haji Adnan bin Haji Hanafiah di Masjid Syarif Ali di sini.

Beliau juga dengan sukarelanya membuat pengakuan sumpah taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam serta berjanji akan memberikan kerjasama kepada pihak kerajaan pada masa-masa akan

Oleh Aliddin bin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn



AWANG Mohd. Ashadi bin Haji Sulaiman, bekas pengikut Kumpulan Al-Arqam (tengah) mengangkat sumpah dan ikrar taat setia ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam. - Gambar oleh Abdullah Haji Awang Demit.

DPMM berangkat meneruskan lawatan ke beberapa buah balai polis di Daerah Brunei dan Muara

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektur Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan meneruskan lawatan ke beberapa buah balai polis di Daerah Brunei dan Muara setelah berkenan mengadakan lawatan ke Daerah-daerah Polis Belait.

Lawatan Duli Yang Teramat Mulia bermula dengan Sembahyang Fardu Zuhur Berjemaah di Surau Ibu Pejabat Polis Gadong sebelum berkenan berangkat ke Majlis Santap dan seterusnya beramah mesra bersama pegawai-pegawai dan lain-lain peringkat polis yang berlangsung di Songket Ballroom, The Mall, Gadong.

Di majlis tersebut, Duli Yang Teramat Mulia telah berkenan menerima sumbangan berjumlah \$5,505.00 untuk Dana Pengiran Muda Mahkota Al-Muhtadee Billah Untuk Anak-anak Yatim yang disumbangkan oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimuliakan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bagi pihak Koperasi SEPADU iaitu koperasi bagi anggota polis.

Lawatan Duli Yang Teramat Mulia di sebelah petang didahului dengan lawatan ke Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei di Bandar Seri Begawan di mana atur cara keberangkatan didahului sembah taklimat oleh Pemangku Pegawai Pemerintah Daerah Polis Brunei, Superintendent Mohd. Faisal bin Haji Adimin.

Liputan Abu Bakar Haji Abdul Rahman,
bakar.rahman@ information.gov.bn
Azrin Mohd. Hassan
dan Shukri Hidayat Hj. Abu Bakar

Dalam sembah taklimat tersebut, Superintendent Mohd. Faisal Al-Sufri telah menyambangkan mengenai struktur organisasi, fungsi dan peranan serta pencapaian Daerah Polis berkenaan.

Di akhir sesi taklimat Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyabdakan mengenai keberkesanan pengawalan lalu lintas dan tatarannya bagi kawasan-kawasan sekolah di ibu negara.

Duli Yang Teramat Mulia juga seterusnya berkenan untuk menghadiri sesi bergambar ramai ber-

sama anggota-anggota polis di balai tersebut dan seterusnya berkenan meninjau secara lebih dekat mengenai kegiatan harian, kelengkapan dan kemudahan serta beberapa pameran di Balai Polis Bandar Seri Begawan dan bangunan sekitarnya, di samping disambangkan penerangan oleh pegawai-pegawai yang ditugaskan.

Keberangkatan lawatan Duli Yang Teramat Mulia di Balai Polis Pusat Bandar Seri Begawan diakhiri dengan junjung ziarah bersama anggota-anggota Polis serta kaki-

tangan di Balai Polis tersebut dan seterusnya meneruskan lawatan ke Balai Polis Berakas.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektur Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Berakas, Superintendent Haji Abdul Murad.

Lawatan didahului dengan sembah taklimat oleh Superintendent Haji Abdul Murad mengenai sejarah ringkas Balai Polis Berakas dan Daerah Polis Berakas, struktur organisasi, fungsi dan peranan, skop jajaan Daerah Polis Berakas serta pencapaian Daerah Polis berkenaan.

Di akhir sesi sembah taklimat, Duli Yang Teramat Mulia telah menyabdakan mengenai kadar jenayah di bawah penguasaan Daerah Polis berkenaan.

Bangunan Balai Polis Berakas yang ada sekarang dahulunya dikenali sebagai Bangunan Balai Polis Lapangan Terbang Berakas yang diketuai oleh Inspektur Polis Awang Yahya bin Haji Tinggal dengan keramaian anggota 26 orang pada tahun 1973 dan tiga tahun kemudian Balai Polis Lapangan Terbang Berakas mula dikendalikan sebagai Balai Polis Berakas.

Kemudiannya, pada Oktober 1995, kawasan jajaan Balai Polis Berakas telah diperluaskan lagi kemudiannya dijadikan Daerah Polis. Kini ianya dixe-

nali sebagai Daerah Polis Berakas dengan seramai 170 orang anggota polis yang bertugas di sini.

Duli Yang Teramat Mulia seterusnya dijunjung untuk meninjau secara lebih dekat bilik-bilik, kegiatan harian, kelengkapan dan kemudahan di Ibu Pejabat Daerah Polis Berakas, di samping disambangkan penerangan oleh pegawai-pegawai yang bertugas.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan aktiviti 'kawad kaki' sebelum berkenan menyaksikan secara lebih dekat pameran kes-kes jenayah dan kemalangan jalan raya.

Lihat muka 4

Masyarakat Brunei jadi fakir, miskin ketika menjelang raya

BERAKAS, 24 Mei. - Sebahagian masyarakat Brunei menjadi fakir dan miskin hanya pada waktu menjelang Hari Raya sahaja.

Ini berdasarkan jumlah pemohonan yang diterima dan yang telah dipertimbangkan oleh Unit Kutipan dan Agihan Zakat Majelis Ugama Islam Brunei (MUIB) untuk mendapatkan Bahagian Fakir Miskin bagi menjelang Hari Raya 2004 yang lalu dan bantuan persekolahan pada penghujung tahun 2004 berjumlah 2,732 orang dengan tanggungan mereka seramai 8,710 orang.

Jumlah ini jika dibandingkan dengan jumlah penduduk Negara Brunei Darussalam yang seramai 357,000 orang ini bermakna jumlah orang miskin pada Hari Raya 2004 adalah 3.2 peratus.

"Ini sangat menakutkan, berbanding dengan angka orang yang meneri-

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@ information.gov.bn

ma bantuan bulanan hanya 2,403 orang iaitu kurang satu peratus dari jumlah penduduk," jelas Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya di Majlis Perasmian Bengkel Mengemaskinkan Senarai Fakir Miskin Bagi Amil-amil Seluruh Negara berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah di sini.

Yang Berhormat seterusnya berkata, ke arah mengemaskinkan lagi senarai pemohon-pemohon yang layak untuk menerima bantuan menjelang Hari Raya dan bantuan persekolahan, pihak MUIB telah membuat beberapa langkah untuk menyelesaikan perkara tersebut. Antaranya ialah melakukan siasatan menyeluruh terhadap penerima bantuan-bantuan Hari Raya berkenaan dan telah menjalankan usaha di seluruh negara bagi mengenal pasti mereka benar-benar layak dan termasuk dalam kategori fakir miskin.

Yang Berhormat seterusnya menasihatkan kepada Amil-amil supaya borang yang diedarkan hendaklah diberikan kepada orang-orang yang dikenal pasti dan mereka itu sebenarnya termasuk dalam kategori fakir miskin atau muafal yang layak untuk menerima bantuan zakat.

hormat berkata, mengikut perangkaan tahun 2004 jumlah fakir miskin yang menerima bantuan setiap bulan berbentuk kewangan dan makanan asasi adalah seramai 429 orang dengan tanggungan mereka seramai 1,974 orang.

Selain itu, tambah Yang Berhormat, mereka juga diberikan agihan zakat menjelang Hari Raya dan bantuan persekolahan pada setiap penghujung tahun.

Di majlis itu Yang Berhormat seterusnya menjelaskan, Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Program E-Kerajaan yang telah diluluskan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sedang mengusahakan satu projek yang bertujuan untuk mewujudkan sistem berkomputer pengurusan zakat yang menyediakan perangkaan data senarai fakir miskin yang kemas kini.

Selepas perasmian itu diikuti pembentangan dua kertas kerja iaitu 'Tugas dan Peranan Amil Menurut Hukum Syarak' disampaikan oleh Hakim Mahkamah Tinggi Syariah, Dato Seri Setia Awang Haji Metussin bin Haji Bakri dan 'Sistem Pengurusan Zakat (SPZ)' dibentangkan oleh Encik Samsul Muarif Lokman daripada Konsortium Pe-



YANG Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika berucap merasmikan Bengkel Mengemaskinkan Senarai Fakir Miskin Bagi Amil-amil Seluruh Negara. Majlis berlangsung di Pusat Da'wah Islamiah. - Gambar oleh Ramil Tengah.

runding Jury.

Dalam kertas kerja pertama untuk dibentangkan oleh Dato Seri Setia Awang Haji Metussin antara lain menyentuh pengurusan zakat dari segi pengutipan zakat dan penyerahan hasil kutipan zakat kepada MUIB serta penyerahan agihan atau bahan zakat kepada asnaf yang berhak di negara ini terutama sekali dari golongan fakir dan undang-undang.

Manakala kertas kerja kedua yang disampaikan oleh Encik Samsul Muarif Lokman antara lain menyentuh mengenai sistem sebagai sebuah sistem 'web-based' yang mengandungi modul-modul kutipan, agihan, pengurusan amil, perakaunan, penyelidikan dan pentadbiran sistem.

Di samping mendedgar dua tajuk kertas kerja, para peserta yang terdiri daripada Amil-amil, Imam-imam dan Ketua-ketua Kampung yang dilantik juga mendengar taklimat dan panduan-panduan berkaitan dengan pengurusan kewangan zakat oleh pegawai-pegawai Jabatan Audit.

Bengkel yang berlangsung selama tiga hari

adalah anjuran MUIB dengan tujuan untuk menyampaikan beberapa penerangan dan panduan-panduan khususnya kepada Amil-amil yang dilantik berhubung pengurusan zakat dari segi pengutipan zakat dan penyerahan hasil kutipan zakat kepada MUIB serta penyerahan agihan atau bahan zakat kepada asnaf yang berhak di negara ini terutama sekali dari golongan fakir dan miskin.

Menurut siaran akhbar

MUIB pada tahun 2004 lalu sejumlah \$10,625,274.44 daripada Kumpulan Wang Zakat telah digahikan oleh MUIB kepada lebih 3,000 keluarga fakir miskin di negara ini melalui pelbagai bantuan kewangan bulanan, bantuan persekolahan, makanan asasi, perumahan, perubatan, perubatan serta-merta dan sebagainya.

Siaran akhbar itu menambah bantuan tersebut dihasratkan bagi mem-

bantu fakir miskin mengatasi dan menyelesaikan masalah-masalah yang mereka hadapi.

Bantuan tersebut jelas siaran akhbar itu lagi berupa modal dan peralatan perubatan yang telah diberikan oleh MUIB adalah bagi menggalakkan agar penerimaanya dapat berdikari dan mencari pendapatan sendiri serta melepaskan mereka daripada terus-menerus dibelenggu oleh kemiskinan.

Dilantik jadi Pengerusi SPA

BANDAR SERI BEGAWAN, 25 Mei. - Pada menjunjung titah perintah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dengan ini Jabatan Perdana Menteri memaklumkan bahawa Kebawah Duli Yang

Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam mengurniakan titah perintah supaya Dato Paduka Awang Haji Abdul Wahab bin Juned, Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri (gambar kiri) dilantik menjadi Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) mulai hari ini, Rabu 16 Rabiulakhir 1426 bersamaan 25 Mei 2005.

Ralat
CERITA di bawah tajuk 'Rombakan krahlian Majelis Mesyuarat Menteri-menteri Kabinet' muka depan PELITA BRUNEI keluar 25 Mei 2005 dalam para ketiga hendaklah dibaca 'Rombakan serukir Menteri-menteri Kabinet dan Timbalan-timbalan Menteri diumumkan 17 tahun lalu pada 30 November 1988.' - PENYUNTING

Terdahulu Yang Ber-

Kebawah DYMM berkenan kurniakan Bintang Kebesaran Negara



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama (D.P.K.T.) kepada Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar Haji Mohd. Nor yang membawa gelaran Dato Paduka Seri (atas). - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BAGINDA berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar Haji Mohd. Nor. Istiadat Mengadap berlangsung di Istana Nurul Iman (kanan). - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan menerima mengadap Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar Haji Mohd. Nor. Istiadat Mengadap ber-

Oleh Dk. Hajah Saidah Pg. Hj. Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

langsung di Istana Nurul Iman di sini.

Semasa Istiadat Mengadap tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia berkenan mengurniakan Bintang Kebesaran Negara Brunei Darussalam Darjah Paduka Keberanian Laila Terbilang Yang Amat Gemilang Darjah Pertama

(D.P.K.T.) yang membawa gelaran Dato Paduka Seri kepada Panglima Angkatan Tentera Malaysia itu.

Di Istiadat Mengadap berkenaan, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar diiringi oleh Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang

Terutama Datuk Ali Abdullah.

Juga hadir Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Dato Laila-raja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman dan Setiausaha Tetap Kementerian Pertahanan, Awang Haji Mustappa.



Kebawah DYMM Raja Isteri berkenan menerima mengadap

BANDAR SERI BEGAWAN, 28 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha berkenan menerima mengadap Datin Seri Siti Hapsah binti Omar, isteri Penglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar Haji Mohd. Nor di Istana Nurul Iman.

Pada Majlis Mengadap itu Datin Seri Hapsah diiringi oleh Datin Wan

Oleh Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

Kamariah binti Wan Abdul Rahman, isteri Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Datuk Ali bin Abdullah dan Datin Hajah Kalthum binti Haji Suhaili, isteri Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Turut mengiringi ialah Datin Rohani binti Ali,

isteri Leftenan Jeneral Datuk Wan Abu Bakar bin Omar dan Datin Bibi Sabariah binti Amin, isteri Brigedier Jeneral Dato Khairul Bakri bin Mustafa.

Hadir sama di Majlis Mengadap itu Yang Dimuliakan Seri Laila Pengiring Diraja Datin Seri Utama Hajah Dayang Rosnah.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Raja Isteri Pengiran Anak Hajah Saleha ketika berkenan menerima mengadap Datin Seri Siti Hapsah binti Omar, isteri Panglima Angkatan Tentera Malaysia, Yang Berbahagia Laksamana Dato' Sri Mohd. Anwar Haji Mohd. Nor.

Lawatan DPMM ke Daerah Polis Berakas

Dari muka 3

Sejumlah 27 buah kampung dengan keramaian penduduk kira-kira 65,000 orang di bawah pengawasan Daerah Polis Berakas. Daerah Polis Berakas juga turut membuat perbandingan perangkaan kes-kes jenayah bagi tahun 2003 - 2004 mengikut akta Negara Brunei Darussalam. Menurut Daerah Polis ini, jumlah kes-kes jenayah telah meningkat daripada 1,500 kes pada tahun 2003 kepada 2,241 kes pada tahun lepas.

Setelah itu, Duli Yang Teramat Mulia berkenan untuk menerima junjung ziarah ahli-ahli pangkat rendah anggota polis Daerah Polis Berakas sebelum sesi bergambar

ramai.

Duli Yang Teramat Mulia kemudian meneruskan atur cara keberangkatan lawatan ke Pos Kejiranan Polis yang terletak di kawasan Rancangan Perumahan Negara Perpindahan Kampong Lambak Kanan diikuti dengan Sembayang Fardu Asar di Masjid Kampong Perpindahan Lambak Kanan.

Lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia berakhir dengan lawatan ke Ibu Pejabat Polis Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Keberangkatan tiba Duli Yang Teramat Mulia dijunjung oleh Pegawai Pemerintah Polis Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei, Superintendent Pengiran Ishak yang kemudiannya disem-

bahkan dengan taklimat mengenai struktur organisasi, fungsi dan peranan serta pencapaiannya.

Di sesi tersebut Duli Yang Teramat Mulia telah menyabdakan mengenai Pelan Tindakan Polis Lapangan Terbang dalam menangani jenayah ke atas pesawat terbang.

Sejurus selepas itu, Duli Yang Teramat Mulia kemudiannya dijunjung berangkat ke Bilik Kawalan Keselamatan Lapangan Terbang bagi sembah taklimat mengenai kemudahan-kemudahan keselamatan bagi memantau dan mengawal keselamatan sekitar Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Turut dipamerkan ialah pelbagai barangan merbahaya yang dirampas dari penumpang-penun-

pang pesawat udara, di samping kemudahan mesin pengimbas x-ray bergerak.

Keberangkatan lawatan kerja Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ke Pasukan Polis Diraja Brunei membuktikan keprihatinan Duli Yang Teramat Mulia terhadap pelaksanaan tugas dan tanggungjawab pasukan polis dan menjadi pemangkin kepada semua kakitangan kerajaan termasuk para anggota polis dan awam untuk menjalankan

tugas dan tanggungjawab masing-masing dengan lebih iltizam, dedikasi dan efisien.

Lawatan kerja berkenaan merupakan kesinambungan dan dukungan berterusan kepada usaha-usaha Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memastikan agensi-agensi penguat kuasa akan sentiasa peka dan responsif terhadap perkembangan semasa demi memastikan kemakmuran dan kesejahteraan negara dalam sama-sama menanai wawasan negara.



LAGI gambar-gambar lawatan Duli Yang Teramat Mulia akan dimuatkan keluaran PELITA BRUNEI 8 Jun 2005.

DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri ketika membuat lawatan ke Balai Polis Daerah Brunei dan Muara. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Kebawah DYMM berkenan mengurniakan dan menerima Surat Watikah Perlantikan

Liputan Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh Haji Ariffin
Mohd. Noor dan Pg. Hj. Bahar
Pg. Haji Omar

BANDAR SERI BEGAWAN, 26 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada seorang perwakilan negara ke luar negeri dan menerima Surat Watikah Perlantikan tiga perwakilan asing ke negara ini berlangsung di Istana Nurul Iman.

Mula-mula baginda berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Adam bin Haji Ahmad.

Baginda kemudian berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan dari tiga perwakilan asing ke negara ini di hadapan Pesuruhjaya Tinggi British, Tuan Yang Terutama John Donald William Sarville, diikuti Duta Besar Chile yang tidak menetap, Tuan Yang Terutama Alexander Alexeevich Karchava.

Sejurus Majlis Mengurniakan dan Menerima Surat Watikah Perlantikan, baginda kemudian berkenan mengadap keempat-empat Tuan Yang Terutama secara berasingan di ruang lain Istana Nurul Iman.

Mula-mula diterima mengadap Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Adam, 56 tahun, bekas Pengarah Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Tuan Yang Terutama berkelulusan Sarjana Muda dalam bidang Syariah dari

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) dan memperolehi ijazah Sarjana Muda Kepujian (Jayyid Jiddan) dalam bidang Bahasa Arab dan Sejarah dari Universiti Al-Azhar, Mesir selain memiliki Diploma Pendidikan dari UKM.

Antara jawatan yang pernah Tuan Yang Terutama pegang termasuklah Penolong Pegawai Perkembangan Ugama, Pengetua Sekolah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah, Kadi Daerah Tutong, Kadi Daerah Brunei dan Muara, Kadi Daerah Temburong, Penolong Pengarah Hal Ehwal Syariah dan Pengarah Pusat Da'wah Islamiah sebelum bersara dari perkhidmatan.

Sementara itu Pesuruhjaya Tinggi British ke negara ini, Tuan Yang Terutama John Donald William Sarville, 45 tahun pula pernah memegang jawatan sebagai Kaunselor di Pejabat Luar Negeri dan Komanwel, Timbalan Ketua Perwakilan di Havana,

Sekretari Pertama (Politik) Kedutaan British di Vienna, Sekretari Pertama di Jakarta dan terakhir di Pejabat Luar Negeri dan Komanwel.

Duta Besar Chile, Tuan Yang Terutama Patricio Torres berkelulusan Sarjana Muda dari Universiti Fordham New York dalam bidang Ekonomi dan Sarjana Program Sains Politik dan City University New York selain mengikuti Akademi Diplomatik.

Tuan Yang Terutama pernah berkhidmat selaku Pengarah Umum Kaunselor dan Imigresen, Timbalan Pengarah Hal Ehwal Alam Sekitar, Menteri Kaunselor di Jepun, Timbalan Pengarah Kementerian Luar bagi Amerika, Menteri Kaunselor di Kedutaan Jerman dan Charge d'Affairs Kedutaan Chile di Jerman dan Konsul Umum di Berlin.

Duta Besar Russia, Tuan Yang Terutama Alexander Alexeevich Karchava, 57 tahun lulusan Institute Eastern Langu-

age, Universiti Negara Moscow dan Public Science Academy selain boleh berbahasa Inggeris, Thai dan Laos.

Tuan Yang Terutama pernah berkhidmat selaku Menteri Kaunselor di Kedutaan Russia di Republik Singapura, Timbalan Pengarah Jabatan Asian Kedua, Kementerian Luar Russia, Timbalan Pengarah Jabatan Negara dan ASEAN dan Duta bertaraf menteri kelas kedua.

Hadir pada Majlis Menerima Mengadap perwakilan-perwakilan asing itu Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Lela Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Rahman; Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua), Yang Berhormat Pehin Orang Kaya

Pekerna Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan mengurniakan Surat Watikah Perlantikan kepada Duta Besar Negara Brunei Darussalam ke Kesultanan Oman, Tuan Yang Terutama Dato Seri Setia Awang Haji Adam bin Haji Ahmad.



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Pesuruhjaya Tinggi British ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama John Donald William Sarville.



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Duta Besar Chile ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Patricio Torres.



BAGINDA ketika berkenan menerima Surat Watikah Perlantikan Duta Besar Russia ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Alexander Alexeevich Karchava.

DPMM berkenan menerima mengadap

BEGAWAN, 25 Mei. - Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri petang tadi telah berkenan untuk menerima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura.

Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri telah berkenan untuk menerima mengadap Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Leftenan Jeneral Ng Yat Chung, Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura yang sedang berada di negara

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

ini bagi lawatan rasmi bermula dari 24 hingga 25 Mei 2005.

Turut hadir di Majlis Mengadap tersebut adalah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Hirubalan V. P.; Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Pengiran Dato Paduka Haji Abu Bakar bin Pengiran Seri Indera Pengiran Haji Ismail dan Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Yang Dimuliakan Pehin Datu Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi bin Haji Mohd. Yusoff.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah, Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri berkenan menerima mengadap Ketua Angkatan Bersenjata Republik Singapura, Tuan Yang Terutama Dato Paduka Seri Leftenan Jeneral Ng Yat Chung. - Gambar oleh Ramli Tengah.

Hubungan pertahanan Brunei - Filipina terus diperkukuh

Oleh Sukri Hidayat Haji Abu Bakar

BERAKAS, 16 Mei. - Hubungan persahabatan dua hala Negara Brunei Darussalam dan Republik Filipina yang telah terjalin erat sejak sekian lama telah diperkukuh dan dipertingkatkan lagi melalui pertukaran lawatan antara kedua-dua buah negara dalam pelbagai bidang terutama sekali di bidang pertahanan.

Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sangamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith telah menerima kunjungan hormat Ketua Turus Angkatan Tentera Republik Filipina, Tuan Yang Terutama Jeneral Efen L. Abu AFP. Kunjungan tersebut diadakan di Bolkliah Garrison di sini. Turut hadir semasa kunjungan tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi,

Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

Sebaik tiba di Bolkliah Garrison, Tuan Yang Terutama menerima tabik hormat dan seterusnya memeriksa perbarisan kawalan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota Batalion Ketiga Angkatan Tentera Darat Diraja Brunei.

Sebelum itu, Pemerintah Angkatan Bersenjata Diraja Brunei juga menerima kunjungan muhibah Tuan Yang Terutama secara berasingan. Kunjungan berkenaan bertujuan bagi mengadakan perbincangan dan bertukar-tukar maklumat mengenai ketenteraan serta bagi memperkukuhkan lagi hubungan yang sedia terjalin di antara kedua-dua buah negara.

Tuan Yang Terutama Jeneral Efen L. Abu berada di Negara Brunei Darussalam bagi lawatan rasmi selama dua hari.

Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami kumpul lebih \$3 juta

BERAKAS, 25 Mei. - Tabung Bantuan Mangsa Bencana Tsunami hari ini menerima lima lagi sumbangan derma dari jabatan-jabatan kerajaan dalam majlis yang berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) di sini.

Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain mula-mula menerima sumbangan berjumlah \$72,668.26 diserahkan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Haji Abu Bakar.

Kemudian Yang Dimuliakan menerima sumbangan melalui Jabatan Hal Ehwal Masjid bernilai \$36,421.75 yang diserahkan oleh Pengarah Hal Ehwal Masjid, Awang Haji Ismail bin Haji Abdul

Oleh Siti Seri Leila Imelda Farrah Zohre Haji Abdullah

Manap.

Sementara Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri menyumbang sejumlah \$2,475.00 diserahkan oleh Pegawai Pentadbir Kanan, Awang Ismail bin Chuchu hasil kutipan derma yang dikumpulkan Sempena Sambutan Hari Keluarga jabatan tersebut.

Yang Dimuliakan seterusnya menerima sumbangan ihsan daripada penghuni-penghuni Penjara Jerudong, Penjara Maraburong, Penjara Wanita dan Rumah Al-Islah, bernilai \$2,401.00 yang disampaikan oleh Pengarah Penjara, Awang Haji Ahmad bin Haji Dollah.

Juga menyampaikan

Awam, Awang Haji Mohd. Taip bin Dato Hulubalang Haji Abdul Wahab sebanyak \$1,010.00.

Setakat ini Tabung Bantuan Mangsa Bencana

Tsunami telah berjaya mengutip derma keseluruhan sebanyak \$3,073,793.78 yang mana \$3,034,471.33 dari jumlah tersebut diterima dalam bentuk wang tunai.



YANG Dimuliakan Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain menerima sumbangan derma daripada Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Haji Abu Bakar.

MELIRIK MASA SILAM

(Haji Ahmad Arshad menulis ...)

50 TAHUN BUKAN MASA YANG PENDEK

SELALU benar kita mengikuti orang bercakap mengenai masa. Rata-rata orang juga mengatakan mengenai betapa perlunya 'masa' itu. Ia juga dianggap sangat bererti bagi semua sudut kehidupan. Orang juga bercakap mengenai umur dan mengenai betapa perlunya ia diberi pengertian yang menjurus kepada makna hidup yang tidak sia-sia. Hal ini lebih banyak ditekankan terhadap ilmu yang perlu diraih dan digarap, digunakan, di'utilised', yang semata-mata disandarkan kepada makna hidup dan berhidup dalam serba kesempurnaan. Tidak kurang juga menekankan mengenai 'masa' ini untuk berjuang dan berusaha pada meningkatkan taraf hidup dan status diri agar ia lebih memberi makna. Sekali lagi 'makna' itu tidak ditinggalkan. Nampaknya ia mempunyai hikmah yang sangat besar dalam hidup seseorang. Kalau ia terabai, maka ia bermakna akan meninggalkan hidup 'yang tidak bermakna' dan tentunya akan ketinggalan dalam banyak sudut yang mendukung hidup yang bermakna itu tadi.

Maka, kaitan masa 50 tahun itu dengan pembangunan kita dan negara kita ternyata sangat relevan dalam kehidupan yang kita lalui di sepanjang tempoh waktu yang agak panjang itu. Mungkin ada orang beranggapan bahawa tempoh masa 50 tahun itu adalah masih dianggap pendek kalau ianya ditujukan kepada pembangunan negara dan pembinaan bangsa. Mungkin betul bagi setengah-setengah negara orang dan mungkin tidak betul pula bagi negara yang kita kasahi Negara Brunei Darussalam ini. Orang lain membangun agak lama, sementara kita tidak begitu - atau, mungkin lama benar baru kita membangun sedangkan orang lain sudah lama membangun.

Lalu, apa ukuran yang diguna pakai untuk mengenali 'membangun' itu.

Dalam hubungannya dengan negara kita, semua percekukan yang demikian itu, agaknya, tidaklah begitu penting sangat kerana mungkin kita mempunyai cara yang tersendiri atau mungkin ada kelainan dari segi pendekatan dan perlaksanaannya. Apa yang penting ialah terus melangkah maju. Sama ada cepat atau lambat adalah tidak penting. Apa yang penting ialah berkeselamatan, aman dan sejahtera lagi selesa serta tanpa aral melintang. Pokoknya, tidak ada sebarang kesusahan. 'Biar lambat asal selamat' mungkin dianggap sudah lama lapuk, tetapi bagaimana halnya dengan 'cepat-cepat' yang akhirnya lambat?

Kalau kita lihat kembali ke tahun-tahun 1950-an dan memerhatikan keadaan kita dan negara kita di persekitaran tempoh waktu itu, serta dalam waktu yang sama kita melihat-

lihat di persekitaran orang lain, mungkin kita akan mudah beranggapan bahawa perbezaannya tidaklah jauh sangat termasuklah dari segi manusianya. Mungkin kita jauh tertinggal dari segi pelajaran dan ekonomi namun kita mempunyai serba sedikit kemampuan seperti keupayaan kita mendatangkan para bijak pandai luar untuk membantu pembangunan kita di peringkat asasnya terutama di bidang pendidikan, kemudahan-kemudahan asas dan kemajuan-kemajuan lain yang berasaskan pertanian dan lain-lain hasil bumi termasuk minyak.


Tahun-tahun 1950-an itulah yang dapat dianggap sebagai pertolakan orang-orang kita yang terdahulu itu memandangkan keluar dan memulakan aksi yang positif dalam pembangunan diri yang sekali gus nantinya dapat berpartisipasi untuk sama-sama menganggotai dan menjiwai lanjutan pembangunan umatnya

serta penerokaan di pelbagai bidang pembangunan negara. Kelangsungan era pembangunan awal ini, kita semakin diramai-ramakan oleh orang lain yang berkebolehan pada bidang-bidang yang diperlukan, tidak terkecuali pendidikan dengan tenaga-tenaga pengajarnya yang tertarik dengan keadaan kita, dan sebilangannya pula menjadi orang kita, lalu bahu-membahu, sama-sama menyumbang khidmat untuk negara.

Demikian juga pada bidang-bidang yang lain terutama bidang infrastruktur yang dapat dilihat pada waktu itu, biarpun tumbuh perlahan tetapi ia sangat bersesuaian dengan keadaannya yang sangat sulit untuk melaksanakannya kerana keupayaan teknologi sangat jauh dari kehebatan yang ada pada masa kini. Namun, keadaan itu sudah dapat menampakkan kemahiran orang-orang kita biarpun tanpa persekolahan yang teratur, tetapi sekolah mereka yang penting ialah melalui pengalaman, dan kegigihan atau 'kejajaman' mereka untuk mengetahui dan menghayati sesuatu yang baharu itu adalah juga merupakan kunci khazanah fakir yang sangat membantu kecemerlangan mereka. Dengan demikian, tercurahlah titik peluh mereka di sebalik terbentangnya jalan-jalan raya dan terpacaknya bangunan-bangunan kukuh daripada batu, pasir dan simen menggantikan kayu, daun nipah dan rotan pambandut.

Bidang kejuruteraan di laut dan di darat sudah banyak yang dikendalikan oleh anak negeri yang berkebolehan sekalipun tidak mudah untuk mendapatkan pengetahuan yang lebih tinggi. Keterbatasan itu adalah dari akibat beberapa kesulitan baik yang menyangkut sosiobudaya, ekonomi mahupun politik yang meligari suasana persekitaran waktu itu termasuk dasar pelajaran yang banyak bergantung kepada acuan luar.

Kini, pesat, cepat, tangkas, bergaya, berupaya dalam penjana pembangunan negara dalam bidang-bidang yang lebih meluas bahkan tidak terfikir di waktu 50 tahun yang lalu seperti pembukaan kawasan-kawasan baru, perumahan yang cukup teratur dan sempurna, keupayaan anak negeri menerajui pemerintahan dan pentadbiran, sumber ekonomi yang meyakinkan, pegangan dan praktis beragama yang sangat kukuh dengan kekuatan Islam yang sangat padu, aspirasi ilmu dan kepakaran yang sangat tinggi untuk rakyatnya dan keupayaan berinteraksi dengan rakan-rakan negara sahabat mengenai hal-ehwal kerantauan dan dunia. Itu antara keupayaan selepas 50 tahun berlalu. Apakah faktor masa lambat, masa cepat menjadi nilai pencapaiannya dan dapat dicapai dalam keadaan yang sangat menyenangkan? Apa pun, ianya adalah pencapaian yang sangat berjaya dalam banyak sudut kesejahteraan dan suasana yang aman damai yang sangat merealisasikan.



NEGARA Brunei Darussalam antara tahun-tahun 1950 - 1960-an (kiri) dan Negara Brunei Darussalam ketika ini (kanan).

Bacaan dikir dalam buku rumi tidak menyamai sebutan bahasa Arab

BUNUT, 21 Mei. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama berkata, kebanyakan buku dikir yang dipakai pada masa ini dengan menggunakan tulisan rumi semasa membawakan lagu dikir.

"Ini sepatutnya tidak boleh digalakkan kerana umumnya kalau seseorang itu boleh membaca Al-Quran maka ia dengan sendirinya boleh membaca lagu dikir kerana bahasanya sama," jelas Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seti Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim di Majlis Pertandingan Akhir Dikir Syarifil Anam Dewasa Senegara yang berlangsung di Masjid Kampong Bunut.

Yang Berhormat menegaskan, memakai tulisan

rumi tidaklah boleh menyamai sebutan bahasa Arab dan ini sudah tentu tidak akan menyampaikan kita kepada maksud memperbaiki sebutan huruf dan kalau tidak dijaga, kita akan kembali kepada masalah dahulu iaitu belajar dikir hanya melalui pendengaran sahaja.

Yang Berhormat seterusnya menjelaskan bahawa huruf Sad (ص) tidak ada dalam tulisan rumi yang hanya ada huruf 'T' begitu juga dengan huruf Nya (ن) juga tidak ada dalam tulisan rumi.

Sungguhpun begitu, kata Yang Berhormat, membaca dikir tidak sama dengan membaca Al-Quran kerana membaca Al-Quran ada dengan hukum yang tersendiri un-

pamanya tajwid, waqaf, ibtida' dan lain-lain sedangkan dikir tidak ada.

Yang Berhormat berharap kepada pembawa Dikir Syarifil Anam yang baru ini supaya membawakannya dengan cara yang betul jangan dicampur aduk dengan lagu-lagu lama yang sudah diperbetulkan sejak tahun 1991 lagi.

Yang Berhormat menjelaskan, sejak diperkenalkan Dikir Syarifil Anam dalam bentuknya yang baru pada tahun 1991 iaitu Dikir Syarifil Anam yang baru (yang digubah dari lagu lama) itu telah berkembang luas dalam masyarakat Brunei kepada semua golongan.

"Kesedaran untuk

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

memperbaiki perkara-perkara yang tidak teratur terutama dalam hal sebutan huruf dan irama lagu yang meleret-leret sehingga mengubah erti perkataan telah tersebar dengan penuh keikhlasan kerana tujuan-tujuan kita yang utama berdiri itu ialah untuk membesarkan Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam dan untuk mendapat ganjaran pahala dari Allah Subhanahu Wataala dengan sebab selawat dan pujian-pujian kepada Baginda itu," kata Yang Berhormat.

Yang Berhormat menjelaskan, hanya lagu 'Tana-

qal' sahaja yang belum dapat diubah suai atau disesuaikan kerana pemilihan lagu yang sesuai belum dijumpai lagi.

Yang Berhormat sendiri sudah merangka-rangka satu lagu dan insya-Allah meminta pertolongan kepada imam-imam atau pihak lain untuk menyudahkannya dan diharapkan mendapat kejayaan.

Masjid Kampong Tamoi johan dalam kedua-dua bahagian lelaki dan perempuan dalam Pertandingan Akhir Dikir Syarifil Anam Dewasa Senegara.

Naib johan dalam baha-

gian lelaki dimenangi oleh Masjid Kampong Salambigar dan Masjid Kampong Bunut pula di tempat ketiga.

Sementara naib johan bahagian perempuan pula dimenangi oleh Masjid Kampong Bunut dan tempat ketiga oleh Masjid Hassanal Bolkiyah, Tutong.

Sebanyak 16 pasukan yang terdiri dari lapangan pasukan lelaki dan lapangan perempuan mengambil bahagian dalam pertandingan tersebut.

Pertandingan Dikir Syarifil Anam Dewasa Senegara dianjurkan bersama oleh Jawatankuasa Takmir Masjid Kampong Bunut, Majlis Perundingan Kampong Tasek Meradun-

Bunut, Brunei Gas Carrier Sendirian Berhad dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Masjid.

Penyampaian hadiah kepada para pemenang dalam pertandingan itu telah disempurnakan oleh Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seti Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim.

Johan dalam pertandingan itu menerima hadiah berupa piala rebutan yang disumbangkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Maharaja Setia Laila Diraja Sahibul Irshad Pengiran Anak Haji Abdul Rahim bin Pengiran Indera Mahkota Pengiran Anak (Dr.) Kamaluddin Al-Hajj.



Yang Berhormat Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seti Setia Ustaz Haji Awang Yahya bin Haji Ibrahim ketika hadir di Majlis Pertandingan Akhir Dikir Syarifil Anam Dewasa Senegara yang berlangsung di Masjid Kampong Bunut. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

HSBC anjurkan seminar pelaburan

Oleh Noor Khadijah Tengah dan Siti Seri Leila Imelda Farah Zohre Hj. Abdullah

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Seminar Pelaburan 'Global Economic Outlook For 2nd Half of 2005' anjuran Hongkong dan Shanghai Bank (HSBC) telah diadakan hari ini bagi para pelanggan HSBC berlangsung di Mutiara Ballroom, Hotel Sheraton Utama, di sini.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HSBC, Simon William dalam ucapan aluannya menyatakan tujuan seminar itu ialah untuk memberikan penerangan mengenai pasaran dan isu-isu yang perlu di ambil kira sebelum membuat pelaburan pada setengah tahun ini.

Beliau juga berharap agar para peserta akan memperolehi pengetahuan mendalam dan faedah dari strategi

pelaburan dan pasaran Henderson Global di samping mengenai ekonomi sejagat.

Penceramah undangan dalam seminar tersebut ialah Pengarah Ekonomi dan Strategi Henderson Global Investors, London, Mr. Tony Dolphin, seorang pengulas media mengenai isu-isu ekonomi dan pelaburan pasaran di samping yang mempunyai pengalaman luas dalam penganalisaan mengenai pulangan aset relatif termasuk faedah tetap, harta dan ekuiti serta hubungannya dengan persekitaran ekonomi.

Mr. Tony Dolphin me-

mulakan ceramahnya mengenai apa yang telah berlaku sepanjang tahun ini dalam pelaburan sejagat sambil memeringkan pandangan 'Syarikat Henderson Global' mengenai kedudukan ekonomi dunia menjelang pertengahan tahun 2005.

Beliau juga menjelaskan mengenai kedudukan ekuiti dan bon, di samping memberikan penilaian mengenai pelbagai isu utama ekonomi seperti implasi di Amerika Syarikat, kadar faedah di Amerika Syarikat, perbelanjaan pengguna dan harga minyak di negara tersebut yang mendatangkan impak

kepada ekonomi dunia, di samping merupakan faktor yang kuat mempengaruhi sentimen pelabur.

HSBC Brunei pada masa ini menyediakan para pelabur dengan pelbagai pilihan pelaburan dalam dana-dana Henderson terutama Dana Pasifik Dradon, Dana Equiti Global, Dana Hon Henderson Global dan Dana Timbangan Henderson Global.

Hongkong dan Shanghai Bank Corporation Limited merupakan pengasas dan anggota utama dalam kumpulan HSBC merangkumi lebih 9,800 buah pejabat di 77 buah negara dan wilayah dengan aset US\$1,277 bilion sehingga 31 Disember 2004 dan salah sebuah bank dan organisasi perkhidmatan wang terbesar.

Institusi Muzium penghubung antara masyarakat

Oleh Samle Haji Jait
samli.jait@information.gov.bn

BANDAR SERI BEGAWAN, 18 Mei. - Jabatan Muzium-Muzium Brunei yang sudah berusia 40 tahun dianggap mencapai peringkat usia dewasa dan perlu menoleh ke belakang serta menyemak segala liku-liku perjalanan pentadbiran dan perkembangan semua perancangan yang telah dilaksanakan.

Sejak penubuhannya, jabatan berkenaan juga bergiat aktif dalam kegiatan-kegiatan pertubuhan antarabangsa seperti ASEAN-COCI dan UNESCO dengan melibatkan pegawai-pegawai dan kakitangan jabatan tersebut bertindak selaku 'duta budaya' melalui penglibatan dalam mesyuarat-mesyuarat pakar, seminar dan persidangan antarabangsa malah projek-projek pengkajian kerjasama serantau.

"Lawatan kerja saya ke Jabatan Muzium-Muzium dan cawangan-cawangan telah menarik perhatian dan mencerminkan semangat juang warga Jabatan Muzium-Muzium melaksanakan tanggungjawab dengan sempurnanya," jelas Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub ketika melan-

carkan sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2005 di Lobi bangunan Muzium Brunei hari ini.

Beliau melihat tema sambutan 'Museums Bridging Culture' melalui perspektif global seluruh pelusuk dunia untuk mengenali dan memahami kepentingan budaya dalam pembangunan dan pembentukan keperibadian sesebuah bangsa dengan diperkemudai dan dipercepatkan melalui jaringan internet.

Katanya, institusi Muzium bertindak selaku jambatan penghubung antara masyarakat di negara ini seperti termaktub dalam Perlembagaan Tahun 1959 sebagai satu rumpunan bangsa 'Melayu'.

Dari perspektif kajian budaya, menurutnya, ketujuh-tujuh puak tersebut mempunyai bahasa, kepercayaan dan alam hidup yang serba berbeza, maka Jabatan Muzium-Muzium Brunei merupakan salah satu agensi kerajaan yang memikul tanggungjawab yang besar dalam cuba membentuk suatu identiti kenegaraan dan bahasa Melayu yang mengamalkan falsafah Melayu Islam Beraja.



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub ketika menyaksikan pameran sempena sambutan Hari Muzium Antarabangsa 2005 sejurus melancarkannya (kiri). Sementara gambar kanan, Dato Paduka menyampaikan cenderamata kepada pegawai-pegawai muzium yang berkhidmat dengan cemerlang. - Gambar oleh Halim Haji Sulaiman.

Yang Mulia juga menggariskan muzium sering dipertingkatkan sebagai gudang tempat menyimpan barang-barang purba atau antik justeru menjadi penghubung antara generasi yang menghubungkan antara waktu lalu dengan waktu masa kini dan juga akan datang.

Katanya, peninggalan budaya nenek moyang tersimpan dalam bentuk barang-barang peralatan budaya, ristaan sejarah budaya melalui buku, rakaman video dan audio dan pamer-

an-pameran di galeri-galeri bangunan muzium-muzium.

Tema berkenaan juga menjadi hubungan antara institusi-institusi kerajaan terutamanya institusi akademik di mana penerokaan ilmu yang lebih mendalam dan terperinci perlu diungkayahkan, di samping mendorong kepada usaha kerjasama di kalangan ahli-ahli masyarakat Melayu termasuk Majlis Perundingan Kampong masing-masing.

"Usaha membuat pendataan ke atas bahan-bahan

budaya dan alam sekitar serta menghasilkan beratus-ratus penerbitan dalam bentuk buku, video dan audio di samping membentuk satu rangkaian tugas mengikat kepakaran bagi meningkatkan pembangunan budaya tradisi dan warisan lama semula jadi di negara ini merupakan usaha yang mencerminkan kemajuan setapak ke hadapan dalam meneroka dan membina corak pembangunan masyarakat setempat melalui kaedah-kaedah terkini dalam dunia



ilmu dan teknologi.

Selain berperanan sebagai pemangkin kepada penerusan dan perkembangan budaya sesebuah masyarakat atau bangsa pada era globalisasi, Yang Mulia berharap institusi Muzium perlu membuat penjejajaran arah tuju dan kualiti perkhidmatan kepada para pelanggan.

Sempena sambutan itu, Jabatan Muzium-Muzium Brunei juga melancarkan buku Pertuturan IV yang mengandungi 14 cerita-ceri-

ta rakyat yang dikumpulkan daripada dua orang penutur dan diungkayahkan hasil kerjasama pegawai-pegawai dan kakitangan Arkib Negara Jabatan Muzium-Muzium Brunei.

Buku lanjutan dari edisi lalu itu memuatkan cerita berbentuk pelajaran, pengetahuan dan nasihat bagi faedah generasi masa kini dan akan datang, guru-guru terutama mereka yang mengajar mata pelajaran sivistik atau tatarakyat, masyarakat umum dan ahli penyelidik.



KEPRIHATINAN ... KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berinteraksi bersama penghidap penyakit buah pinggang yang sedang menjalani rawatan di Pusat Dialisis Rimba (atas dan kiri).

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam ketika berinteraksi bersama penghidap penyakit buah pinggang yang sedang menjalani rawatan di Pusat Dialisis Rimba



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam memastikan peralatan yang relevan bagi keperluan rawatan (kiri). Sementara gambar kanan, seorang pesakit luar yang kebetulan berada di situ tidak melepaskan peluang berinteraksi bersama baginda.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia bergambar ramai bersama pegawai dan kakitangan di Pusat Kesihatan Rimba sebelum mengakhiri lawatan.

RIMBA, 24 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah membelanjakan berjuta-juta ringgit bagi menyediakan infrastruktur asas perubatan, peralatan perubatan yang serba moden serta tenaga doktor dan jururawat bagi memastikan taraf kehidupan rakyat dan penduduk negara yang sihat dan sejahtera.

Keperihatinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam memedulikan tahap kesihatan rakyat dan penduduk terus terserlah apabila mengadakan lawatan tidak berjadual ke Pusat Kesihatan Rimba, hari ini.

Sepanjang lawatan itu, baginda lebih menumpukan dan ingin mengetahui sejauh mana kemudahan dan kesesuaian pesakit yang menerima rawatan serta melihat sendiri keberkesanan peranan yang dijalankan oleh pusat tersebut.

Di Bahagian Rawatan Buah Pinggang, baginda menunjukkan keperihatinan dengan berinteraksi secara langsung kepada pesakit-pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di situ.

Ketika ini lebih 200 pesakit buah pinggang sedang menjalani rawatan yang dibahagikan kepada tiga sesi rawatan termasuk sesi pagi, tengah hari dan malam.

Dayangku Jamilah yang menjalani rawatan sakit buah pinggang sejak 11 bulan yang lalu melahirkan rasa gembira di atas keberangkatan baginda itu sambil menyifatkannya sebagai pendorong semangat kepada pesakit-pesakit yang menerima rawatan di situ.

Dayang Hajah Rubiah binti Pehin Khatib Makmun berusia 72 tahun turut mengongsi kegembiraan selepas berkesempatan berinteraksi secara langsung bersama baginda yang telah menunjukkan keperihatinan mengenai kemudahan rawatan yang telah disediakan.

Sementara itu, pesakit yang menjalani rawatan dialisis paling muda, Dayang

Rafidah 17 tahun yang mengalami interaksi... Beliau datang ke pusat kesihatan untuk menjalani rawatan... Beliau berkata, beliau sangat bersyukur kerana kerajaan menyediakan kemudahan perubatan pada Pusat Kesihatan Rimba... Beliau juga berharap agar pesakit-pesakit buah pinggang yang menerima rawatan di situ dapat menjalani rawatan dengan lebih baik... Beliau juga berharap agar kerajaan dapat menyediakan lebih banyak kemudahan perubatan di pusat kesihatan ini.

wah M atan



beberapa klinik setiap minggu bagi mengulas pesakit terutama selepas berpindah buah pinggang atas dasar pesakit luar.

Selain Pusat Dialisis Rimba, rawatan serupa juga diberikan di Pusat Dialisis Kiarong dan Pusat Dialisis Hospital RIPAS bagi menampung rawatan yang semakin bertambah.

Turut menarik perhatian baginda ketika berangkat melawat di sini ialah di Bahagian Kejuruteraan Perubatan Hayat yang menjadi pusat penyediaan, memelihara dan memperbaiki alat-alat perkakas perubatan yang dibekalkan ke semua rumah sakit juga menjadi perhatian semasa lawatan baginda di situ.

Bahagian itu kini telah membekalkan lebih 5,000 pelbagai jenis perkakas perubatan yang moden bagi membantu peranan operasi semua rumah sakit, pusat kesihatan dan klinik yang berkesan dan efisien.

Bilik peralatan bersih, rekod perubatan, rawatan pesakit luar dan bilik doktor juga menjadi tumpuan baginda di mana sepanjang lawatan itu baginda berkenan mendengar sembah taklimat oleh Setiausaha Tetap Kementerian Kesihatan, Awang Serbini bin Haji Ali.

Baginda juga meninjau ke bilik obat yang menyediakan pelbagai jenis ubat bagi pesakit luar dengan purata 300 sehingga 400 pesakit setiap hari.

Perkhidmatan yang mantap di Klinik Kesihatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak juga menjadi perhatian baginda sebelum mengadakan sidang taklimat tertutup bersama Setiausaha Tetap dan pegawai-pegawai kanan Kementerian Kesihatan.



Liputan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn
Gambar-gambar oleh
Haji Ariffin Mohd. Noor

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia berkenan menguji tahap tekanan darah di ruang pemeriksaan awal (atas). Sementara gambar kanan, baginda berkenan meninjau di kawasan luar Pusat Kesihatan Rimba, manakala gambar bawah kiri, baginda berinteraksi bersama pegawai dan jururawat di Bahagian Rawatan Buah Pinggang.



TEGAS ... Baginda menunjukkan perhatian serius mengenai keberkesanan pusat berkenaan (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan bergambar bersama sebahagian jururawat di Klinik Kesihatan Ibu-ibu dan Kanak-kanak.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia juga menegur mengenai peralatan pemadam api yang tidak berfungsi (atas). Sementara gambar kiri, baginda berkenan menerima junjung ziarah seorang pesakit buah pinggang yang sedang menerima rawatan.

Pegawai-pegawai Kadet Marin diseru

Tunjukkan kewibawaan, keupayaan orang-orang Brunei

JERUDONG, 13 Mei. - Kejayaan Pegawai-pegawai Kadet Marin bukan sahaja menjadi kebanggaan malah merupakan sumber inspirasi kepada kadet-kadet baru selain sebagai perangsang kepada anak-anak tempatan yang lain untuk menceburi profesion tersebut.

Para Pegawai Kadet Marin dinasihatkan untuk sentiasa menjaga nama baik dan imej Negara Brunei Darussalam dengan menunjukkan kewibawaan dan keupayaan di mana orang-orang Brunei sendiri juga dapat bersaing dengan warganegara lain dalam apa jua bidang yang diceburi.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adnan menyatakan perkara tersebut ketika berucap selaku tetamu kehormat Majlis Konvokesyen Pegawai Kadet Marin Khas 2001 dan Majlis Penandatanganan Kontrak Kadet Marin Pengambilan 2005 berlangsung di Bilik Royal Berkshire, Jerudong Park Country Club (JPCC) di sini.

Dalam majlis itu, Yang Dimuliakan juga menekankan kepada para belia agar tidak melepaskan peluang yang telah disediakan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam bagi mendapatkan profesion dalam bidang tertentu sama ada di sektor kerajaan atau swasta.

"Sikap memilih kerja

hanya merugikan diri sendiri sedangkan peluang pekerjaan di negara ini khususnya di sektor swasta adalah sangat luas jika kita melihat perangkaan pekerja asing di negara ini yang dianggarkan berjumlah 75,273 orang," jelas Yang Dimuliakan.

Yang Dimuliakan juga mengimbas titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam sempena Sambutan Maulud Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam bagi tahun 1426 Hijrah/2005 Masihi mengenai masalah pengangguran di negara ini di mana mengikut statistik bulan Februari tahun 2005 jumlah anak-anak tempatan yang mendaftar untuk mencari pekerjaan ialah seramai 7,784.

Yang Dimuliakan berpendapat, anak-anak tempatan yang mempunyai pelbagai bidang kelulusan dan profesion akan menjadi sumber tenaga manusia yang berkualiti tinggi serta mampu bersaing dengan masyarakat antarabangsa. Menyubung itu juga Brunei Gas Carriers (BGC) secara berterusan berusaha untuk melahirkan lebih banyak lagi anak-anak tempatan yang berkelulusan dan berkemahiran dalam bidang pengurusan dan operasi.

"Strategi jangka panjang ini adalah selaras dan menjurus ke arah visi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan

Oleh Refa'ah Ali Osman

Negara Brunei Darussalam dalam merealisasikan dan menggalakkan lebih ramai lagi penglibatan anak-anak tempatan dalam sektor swasta termasuk dalam industri minyak dan gas," tegasnya lagi.

Setakat ini BGC dan Brunei Shell Tankers Sendirian Berhad (BST) mempunyai 78 orang Pegawai Marin yang terdiri dari anak-anak tempatan.

Juga hadir di majlis tersebut ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Laila Setia Dato Paduka Haji Awang Abdul Rahman bin Haji Ibrahim, Timbalan Menteri Kewangan dan juga selaku Pengerusi Lembaga Pengarah Syarikat BST dan BGC Sendirian Berhad.

Sementara itu Pengerusi Jawatankuasa, Haji Ibrahim bin Haji Mohd. Yassin, Pemangku Pengarah Urusan Syarikat BGC Sendirian Berhad berucap dalam kata alu-aluan antara lain menyatakan mengenai kejayaan Program Membruneisasikan anak-anak Kapal LNG Negara Brunei Darussalam yang mana langkah ini bermanfaat demi menjaga kepentingan negara.

Acara kemuncak majlis tersebut ialah penyampaian sijil kepada 11 orang graduan yang telah menamatkan latihan akademik dan vokasional di Pusat Maritim Warsash, United Kingdom dalam jangka masa tiga tahun. Selepas itu, disusuli pula penganugerahan 'Best National Vocational Qualification (NVQ) Engineering Portfolio Award' kepada salah seorang Pegawai Marin, Awang Muhammad Zulhimi bin Awang Matassim.

Anugerah yang berprestij itu disampaikan setiap tahun bagi pencapaian yang terbaik secara keseluruhan, manakala penganugerahan 'Best NVQ Portfolio' ini diraih dua tahun berturut-turut oleh anak Brunei.

Majlis diteruskan dengan penandatanganan kontrak bagi enam orang Kadet Marin pengambilan 2005 di bawah tajaan Skim Latihan Kadet Marin anjuran BST Sendirian Berhad dan Syarikat BGC Sendirian Berhad. Turut menandatangani bersama wakil daripada Syarikat BST Berhad, Alan Marcel Luitjen; Pengarah Urusan Syarikat berkenaan dan Alan Chivers, Pengerusi Syarikat Shell Ship Management Limited.



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain bergambar ramai bersama Awang Kiumar. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassin.

Golongan istimewa diseru contohi semangat pengembara dari Iran

BERAKAS, 16 Mei. - Golongan istimewa di negara ini diseru supaya mencontohi dan mengambil iktibar daripada semangat Kiumar Ali Mardani, seorang pengembara istimewa berkerusi roda dari Iran agar mereka bersikap mandiri dan bersemangat dalam menghadapi pelbagai cabaran hidup.

Pengarah Belia dan Sukan, Awang Japar bin Bangkol berucap demikian di Majlis Ramah Mesra Bersama Kiumar Ali Mardani berlangsung di Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) petang ini.

Kiumar Ali Mardani yang tiba di negara ini pada 29 April lepas memulakan pengembaraan menjelajahi tiga daerah di negara ini bermula pada 5 Mei dari Pusat Belia, Bandar Seri Begawan.

Beliau tiba di Daerah Tutong pada 7 Mei dengan diberikan sambutan meriah oleh orang ramai di Pusat Bahagia diketuai oleh Pe-

Oleh Siti Seri Lella Imelda Farrah Zohre Hj. Abdullah dan Noor Khadijah Hj. Tengah

gawai Daerah Tutong, Awang Mutalib bin Haji Idris.

Pada hari yang sama Kiumar Ali Mardani bertolak ke Kuala Belait dan tiba di Pusat Bahagia Eric Goh pada 9 Mei disambut oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar serta para penduduk daerah tersebut.

Sepanjang pengembaraan di Negara Brunei Darussalam, Kiumar tidak menghadapi sebarang kesukaran dan telah pun berjaya membuat penjelajahan dalam masa enam hari sahaja.

Kiumar Ali Mardani dalam sesi temu bual bersama pengacara telah mengongsikan pengalamannya sepanjang pengembaraan menjelajahi dunia dengan hanya berkerusi

roda di 18 buah negara termasuk Negara Brunei Darussalam.

Menurut beliau pengalaman yang menggembirakannya ialah semasa pengembaraannya yang pertama di Turki di mana beliau telah berjumpa seorang kanak-kanak yang bertumur dalam lingkungan sembilan tahun yang telah membantunya menukarkan tayar kerusi roda tetapi kanak-kanak itu tidak meminta ganjaran malahan ia hanya meminta tandatangan beliau lalu memamerkannya di bengkel tempat budak itu bekerja.

Manakala pengalaman pahit yang pernah beliau alami ialah ketika mengalami kemalangan, dipenjarakan selama empat bulan kerana tamat tempoh visa, dirompak wang tunai sejumlah US\$1,000.00 dan mengalami kecederaan di

kepala. Kiumar Ali Mardani menyatakan bahawa Negara Brunei Darussalam merupakan negara yang memberikan layanan terbaik sejauh ini.

Pada kesempatan itu Kiumar Ali Mardani juga menyampaikan pesanan persahabatan dan misi keamanan daripada orang-orang istimewa di Iran dan menyeru kepada mereka yang kurang upaya supaya aktif dalam sukan.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Digadong Seri Lela Dato Seri Paduka (Dr.) Haji Awang Hussain selaku tetamu kehormat majlis berkesudian mengalungan kalungan bunga dan menyampaikan derma oleh seorang hamba Allah.

Kiumar Ali Mardani akan meneruskan lagi pengembaraannya dari Bandar Seri Begawan ke Republik Filipina.

Logo 'Pilihan Lebih Sihat' beri keyakinan kepada pengguna

RIMBA, 14 Mei. - Penggunaan Logo 'Pilihan Lebih Sihat' akan memudahkan orang ramai membuat pilihan dalam amalan penjagaan kesihatan diri, di samping meningkatkan keyakinan dan mengalihkan pengguna kepada pilihan makanan yang lebih sihat.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memberikan sokongan padu ke arah pelaksanaan sistem penggunaan logo 'Pilihan Lebih Sihat' kepada pembekal dan peniaga makanan untuk membekalkan produk makanan yang lebih menyihatkan di pasaran tempatan.

Pemangku Ketua Pengarah Perkhidmatan Kesihatan, Dr. Hajah Rahmah binti Haji Mohd. Said menyatakan perkara tersebut di Majlis Sesi Taklimat Penggunaan Logo Pilihan Lebih Sihat berlangsung di Institut Perkhidmatan Awam.

Menurut beliau peringkat permulaan barangan yang akan mendapat per-

Oleh Noor Khadijah binti Tengah

logoan ialah minyak makan atau minyak masak sahaja tetapi akan dilartakan kepada produk makanan lain mengikut kriteria yang ditetapkan.

Dr. Hajah Rahmah juga menyarankan supaya pengambilan minyak dikurangkan kerana pengambilan lemak dan minyak berlebihan dikaitkan dengan kes obesiti, penyakit jantung koronari, sesetengah jenis barah dan diabetes.

Ini kerana, menurut beliau, antara tahun 1990 hingga tahun 2004 mencatatkan penyakit jantung menduduki purata tertinggi yang menyebabkan kematian di Negara Brunei Darussalam.

Walaupun bagaimanapun, beliau menjelaskan bahawa pengambilan sederhana beberapa jenis minyak seperti sumber 'omega fatty acids' boleh memberi kesan positif

kepada kesihatan jantung.

Konvokesyen Kebangsaan Pormosi Kesihatan 2004 Logo 'Pilihan Lebih Sihat' ini merupakan kesinambungan dalam Pelancaran Logo Pilihan Sihat dan Buku Koleksi Resipi Sihat 2, Sempena Hari Jantung Sedunia 2004 oleh Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong.

Sementara itu, Ketua Bahagian Pemakanan Masyarakat; Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Dayang Hajah Masni binti Haji Ibrahim menerangkan bahawa penandaan Logo 'Pilihan Lebih Sihat' adalah terbuka kepada semua pembekal atau peniaga jenis makanan yang lebih menyihatkan setelah mendapat kebenaran oleh Kementerian

Kesihatan yang akan membuat pemeriksaan secara rutin di pasaran.

Beliau menambah, permohonan-pemohon bolehlah menghadapkan permohonan kepada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan untuk mendapatkan kebenaran penggunaan logo bagi produk yang telah dikenal pasti dengan tidak mengenakan apa-apa bayaran bagi perkhidmatan tersebut pada masa kini.

Dayang Hajah Masni menjelaskan produk makanan yang perlu dilabel dengan Logo Pilihan Lebih Sihat ialah minuman tanpa gula tambahan atau kurang gula, produk makanan yang kaya serat, kurang lemak, gula, garam dan juga produk makanan menggunakan minyak atau lemak jenis lebih sihat.

Sesi soal jawab juga diadakan pada akhir taklimat tersebut yang dihadiri oleh para peniaga dan pembekal makanan di negara ini.

ABDB adakan tahlil di Kubah Makam Diraja

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 Mei. - Sempena hari ulang tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) yang diraikan pada setiap 31 Mei, hari ini telah mengadakan Majlis Tahlil bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddin Sa'adul Khairi Waddien dan Al-Marhum Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit

Oleh Sukri Hidayat Hj. Abu Bakar

di Kubah Makam Diraja di Jalan Tutong.

Antara yang hadir di majlis tersebut ialah Timbalan Menteri Pertahanan, Yang Amat Mulia Pengiran Sanggamara Diraja Mejar Jeneral (B) Pengiran Haji Ibnu Ba'asith dan Pemerintah ABDB, Yang Dimuliakan Pehin Dato Lailaraja Mejar Jeneral Dato Paduka Seri Haji Awang Halbi.



SETIAUSAHA Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair berucap melancarkan Persidangan Tahunan Ke-9 Persatuan Arkib Audio Visual Asia Tenggara Pasifik (SEAPAVAA). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Perlantikan, penetapan dan pertukaran 18 orang pegawai kanan

BANDAR SERI BEGAWAN, 21 Mei. - Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam melalui Jabatan Perkhidmatan Awam sukacita memaklumkan bahawa pegawai-pegawai berikut :

Awang Haji Mohd. Zin bin Haji Salleh, Pengarah Kemajuan Perumahan, Jabatan Kemajuan Perumahan ditukar ke Jabatan Kerja Raya dan sebagai Pemangku Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Haji Mat Salleh bin Haji Matussin, Pengarah Jalan Raya, Jabatan Kerja Raya ditukar ke Jabatan Kemajuan Perumahan sebagai Pengarah Kemajuan Perumahan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Haji Suhaimi bin Haji Abd. Ghafar, Pengarah Kemajuan di Jabatan Kerja Raya ditukar sebagai Pengarah Perkhidmatan Air di Jabatan Kerja Raya mulai 20 Muharram 1426/1 Mac 2005; Awang Haji Md. Lazim bin Haji Matali, Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah dilantik sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah mulai 22 Safar 1426/2 April 2005 dan Awang Haji Mohd. Serudin bin Haji Timbang, Timbalan Pengarah Kehakiman Negara di Jabatan Kehakiman Negara dilantik sebagai Pemangku Ketua Pendaftar Mahkamah Rayuan Syariah mulai 22 Safar 1426/2 April 2005.

Dayang Zainab binti Haji Tuah, Pendaftar Mahkamah Tinggi Syariah dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Kehakiman Negara di Jabatan Kehakiman Negara mulai 22 Safar 1426/2 April 2005; Awang Yusof bin Amba, Pengarah Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan dinaikkan pangkat dan ditetapkan dalam jawatan sebagai Pengarah Dasar dan Perancangan di Kementerian Kesihatan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Nasir bin Haji Damit, Penolong Juruaudit Agung Tingkat I di Jabatan Audit dinaikkan pangkat sebagai Penolong Kanan Juruaudit Agung di Jabatan Audit mulai 16 Syaaban 1425/1 Oktober 2004; Awang Chong Fu Li, Penolong Juruaudit Agung Tingkat I di Jabatan Audit dinaikkan pangkat sebagai Penolong Kanan Juruaudit Agung di Jabatan Audit mulai 16 Syaaban 1425/1 Oktober 2004 dan Dayang Hajah Hasnah binti Ibrahim, Timbalan Pengarah Perikanan di Jabatan

Perikanan dilantik sebagai Pemangku Pengarah Perikanan di Jabatan Perikanan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005.

Awang Yahya bin Haji Idris, Pemangku Pengarah Dasar Pertahanan di Kementerian Pertahanan ditetapkan dalam jawatannya sebagai Pengarah Dasar Pertahanan di Kementerian Pertahanan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Haji Abdul Manap bin Othman, Pegawai Pentadbir Kanan di Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam ditukar ke Pejabat Sultan Flight, Kementerian Kewangan sebagai Pegawai Pentadbir Kanan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Haji Mohammad Abdoh bin Dato Seri Setia Haji Abdul Salam, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Agensi Pelaburan Brunei ditukar ke Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam sebagai Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan mulai 7 Rabiulakhir 1426/15 Mei 2005 dan Awang Haji Saiful Rizal bin Pehin Orang Kaya Pekerma Lela Dato Paduka Haji Awang Chuchu di Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan ditukar ke Kementerian Pertahanan sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat I mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005.

Awang Haji Md. Yunus bin Bolhassan, Pemangku Pegawai Pentadbir Kanan di Kementerian Pembangunan ditukar ke Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan sebagai Pemangku Timbalan Pengarah Pendaftaran Kebangsaan mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Awang Ajman bin Haji Meludin, Pegawai Pentadbir Tingkat I di Pejabat Daerah Belait ditukar ke Kementerian Pembangunan dalam jawatan iaitu sebagai Pegawai Pentadbir Tingkat I mulai 7 Rabiulakhir 1426/16 Mei 2005; Pengiran Haji Naseruddin bin Pengiran Haji Tejudin, Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ditukar ke Jabatan Teknologi Maklumat dan Stor Negara dan dilantik sebagai Timbalan Pengarah Teknologi Maklumat dan Stor Negara mulai 28 Rabiulawal 1426/7 Mei 2005 dan Awang Haji Zulkifli bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah, Timbalan Pengarah Urusan Tabung Amanah Pekerja di Tabung Amanah Pekerja ditukar ke Jabatan Kastam dan Eksais Diraja dan dilantik sebagai Pemangku Timbalan Pengawal Kastam dan Eksais Diraja mulai 28 Rabiulawal 1426/7 Mei 2005.

Pengarkiban digital rakam peristiwa lebih canggih

GADONG, 2 Mei. - Kaedah pengarkiban digital di negara ini diharap akan dapat menggantikan penyimpanan konvensional bahan audio visual yang merakamkan peristiwa bersejarah kebangsaan menjelang hujung tahun ini.

Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah berkata demikian semasa melancarkan Persidangan Tahunan Ke-9 Persatuan Arkib Audio Visual Asia Tenggara Pasifik (SEAPAVAA) yang berlangsung di Centrepoint di sini.

Yang Berhormat berkata, segala warisan budaya yang tamadun unik bagi setiap negara akan pupus sekiranya tidak dipelihara melalui rakaman dan arkib

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

yang sempurna dan ini akan membolehkan generasi masa depan mengimbas kembali perkembangan dan sejarah masa lalu di negara mereka.

Generasi muda, jelas Yang Berhormat, perlu diberikan akses mudah yang boleh mengimbas semula mengenai apa yang dicapai oleh orang terdahulu dari mereka dalam membawa perkembangan dan kemajuan yang mereka miliki sekarang.

Yang Berhormat menambah, inya juga membolehkan mereka menghargai dan menilai jerih payah yang telah diharungi oleh pemimpin dan generasi terdahulu dalam menghadapi kenehan serantau dan global agar mereka dapat

belajar dan menghargai dalam meneruskan usaha bagi kualiti kehidupan yang baik serta mengekalkan kemerdekaan dan kedaulatan negara mereka.

Yang Berhormat juga menyentuh mengenai perkembangan teknologi digital merupakan salah satu evolusi yang terpenting dalam perhubungan dunia moden.

"Stesen televisyen utama misalnya telah pun menggunakan teknologi berkenaan sebagai asas kompetitif dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik kepada pelanggan mereka," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat berkata, kewujudan televisyen digital, komputer per-

sendirian dan alat elektronik pengguna menjanjikan peluang yang menarik bagi pengeluaran dan penggunaan, malahan teknologi digital telah pun disesuaikan bukan hanya bagi sektor perhubungan dan hiburan tetapi juga sektor lain termasuklah pendidikan, kesihatan dan ketenteraan.

Teknologi digital menjadi salah satu bahagian yang terpenting dan asasi bagi strategi-strategi perniagaan utama yang membolehkan sesebuah organisasi merealisasikan sepenuhnya potensi mereka untuk menyampaikan perkhidmatan berkualiti tinggi dalam cara yang paling berkesan.

Dalam pengarkiban yang menggunakan teknologi digital boleh menghasilkan salinan yang hampir sempurna dengan jangka hayat simpanan yang lebih lama dan penyimpanan yang lebih baik diperlukan oleh semua negara anggota.

Presiden SEAPAVAA, Belinda Capul dalam ucapan alu-aluannya antara lain berkata, teknologi digital berpotensi tinggi dalam mengekalkan dan memberikan akses kepada warisan negara.

Beliau menjelaskan, persidangan mengambil peralihan pengarkiban analog kepada digital dilanda Asia Tenggara Pasifik dan kepentingannya kepada semua arkib terutama arkib-arkib audio visual.

Persidangan dan perhimpunan agung selama empat hari itu disertai oleh lebih 90 orang peserta dari ASEAN dan negara-negara Pasifik.



PEMANGKU Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani mengetuai rombongan Pasukan Polis Diraja Brunei ke Persidangan ASEANPOL Ke-25 di Bali. - Gambar oleh Harun Haji Rashid.

Hadiri Sidang ASEANPOL di Bali

Oleh Aliddin Haji Moktal
aliddin.moktal@information.gov.bn

BERAKAS, 16 Mei. - Serombongan enam orang pegawai kanan Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) hari ini bertolak meninggalkan Negara Brunei Darussalam menuju ke Denpasar, Bali, Republik Indonesia bagi menghadiri Persidangan ASEANPOL Ke-25.

Rombongan yang diketuai oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin bin Jalani akan berada di Denpasar selama empat hari dan akan kembali ke

tanah air pada 21 Mei ini.

Dalam Persidangan ASEANPOL antara lain akan membincangkan isu-isu mengenai keganasan, penyeludupan manusia dan jenayah rentas sempadan.

Persidangan ASEANPOL disertai oleh 10 jabatan polis dari negara-negara ASEAN dan diadakan setahun sekali agar jabatan-jabatan polis ASEAN dapat membincangkan isu-isu semasa yang membabitkan kerjasama polis di rantau ini.



Penyerahan Poster ABDB

BERAKAS, 26 Mei. - Dalam sama-sama menyemarakkan Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB) Ke-44 Tahun, Jabatan Penerangan telah menerbitkan sebuah poster. Satu Majlis Penyerahan Poster-poster berkenaan telah dilangsungkan di Jabatan Penerangan hari ini. Poster diserahkan oleh Pengarah Penerangan,

Awang Haji Bujang bin Haji Masu'ut kepada wakil ABDB, Leftenan Kolonel Haji Ramli (gambar atas). Poster juga kemudian diserahkan kepada wakil-wakil unit lain dalam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei. Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menyambut Hari Ulang Tahunnya yang ke-44 pada 31 Mei.

INSTITUSI KEPOLISIAN MENARIK PERHATIAN DPMM

SERIA, 26 Mei - Pasukan Polis Diraja Brunei (PDB) menempah sejarah sekali lagi hari ini dengan menerima keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah yang juga Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri.

Duli Yang Teramat Mulia meluangkan masa di sebelah pagi dengan berangkat ke Ibu Pejabat Daerah Polis Belait di Panaga, manakala di sebelah petang Duli Yang Teramat Mulia meneruskan

lawatan ke Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei, Ibu Pejabat Daerah Polis Berakas dan Ibu Pejabat Polis Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.

Keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia hari ini merupakan keberangkatan ke tiga Duli Yang Teramat Mulia ke institusi polis selepas dilantik menjadi Timbalan Inspektor Jeneral Pasukan Polis Diraja Brunei dan yang pertama sejak menjadi Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri dua hari lalu.

Keberangkatan tiba

Liputan
**Dayangku Hajah Saidah
 Pengiran Haji Omaralli**
 saidah.omaralli@information.gov.bn
**Gambar-gambar oleh
 Harun Haji Rashid**



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai tugas yang dilaksanakan oleh unit yang dilawati Duli Yang Teramat Mulia (atas).

TELITI ... Duli Yang Teramat Mulia meninjau lebih dekat kerja-kerja yang dilaksanakan oleh Bahagian Pembayaran Kes Compound, Pembayaran Kesalahan Trafik dan Pengeluaran Ikatan Jamin (atas kanan).

DULI Yang Teramat Mulia menyaksikan pameran mengenai sejarah, fungsi dan kegiatan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait (kiri).

DULI Yang Teramat Mulia berkenan menyaksikan pertunjukan Kombat Tempur Banet (kanan).

BARANG rampasan berkaitan kegiatan antisosial yang dipamerkan menarik perhatian Duli Yang Teramat Mulia (kanan). Sementara kanan sekali, persembahan seni mempertahankan diri tanpa senjata.

AHLI Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) Cawangan Daerah Belait mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Rumah PEKERTI (kiri).



KEBERANGKATAN tiba Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Timbalan Inspektor Jeneral Polis Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah di padang Ibu Pejabat Daerah Polis Belait di Panaga dijunjung oleh Pemangku Pesuruhjaya Polis, Yang Dimulikan Pehin Datu Kerma Setia Awang Zainuddin dan Setiausaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Dato Paduka Awang Haji Sulaiman bin Haji Ismail.

nya dijunjung berangkat ke Bilik Gerakan Ibu Pejabat Polis berkenaan bagi disembahkan taklimat sebelum berangkat melawat bilik-bilik gerakan di Ibu Pejabat Daerah Polis Belait.

Taklimat antara lain menyentuh mengenai sejarah, fungsi dan kegiatan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait yang disembahkan oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait, Penguasa Polis Pengiran Kamaluddin dan seterusnya

nguasai Polis Pengiran Kamaluddin. Ibu Pejabat Daerah Polis Belait merupakan induk bagi Balai-balai Polis dan Pos-pos Polis di seluruh Daerah Belait.

Sejarah PDB bermula dari Daerah Belait bila mana dalam tahun 1950, Ibu Pejabat PDB berpindah dari Sarawak ke Kuala Belait. Pada pertengahan tahun tersebut Ibu Pejabat PDB yang ada di Kuala

Belait berpindah ke Bandar Brunei. Dengan itu Daerah Polis Belait mempunyai Ibu Pejabatnya sendiri yang dikenali sebagai Ibu Pejabat Daerah Polis Belait.

Pada tahun 1951, PDB telah memulakan Sekolah Latihannya sendiri di Seria. Pentadbiran harian Daerah Polis Belait diketuai oleh Pegawai Pemerintah Daerah Polis bagi pihak Pesuruhjaya Polis dan dibantu oleh beberapa orang pegawai menurut peranan dan fungsi masing-masing.

Di bawah pentadbiran Ibu Pejabat Daerah Polis Belait terdapat enam buah Balai Polis termasuk Cawangan Lalulintas dan Peronda, di samping dua buah Pos Kawalan dan lima buah Pos Polis berperanan memastikan keselamatan di kawasan masing-masing sentiasa dipantau sama ada di laut, darat dan juga sempadan.

Sejurus selepas mendengar sembah taklimat, Duli Yang Teramat Mulia dijunjung berangkat melawat unit-unit khas Ibu Pejabat Daerah Polis Belait antaranya Bilik Tempat Pembayaran Kes Compound, Pembayaran Kesalahan Trafik dan Pengeluaran Ikatan Jamin. Duli Yang Teramat Mulia juga meninjau Bilik Perhubungan. Bilik tersebut berfungsi untuk

Lihat muka 13





PELBAGAI jenis makanan hasil daripada hutan dipamerkan sewaktu keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia ke Kem Pangkalan Bravo Polis Hutan (kanan).



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai setiap jenis barang yang dipamerkan (kiri).

Dari muka 12

menerima panggilan dan laporan mengenai pelbagai kegiatan seperti kemalangan dan jenayah serta menyampaikan maklumat tersebut kepada cawangan atau unit yang berkenaan bagi tindakan selanjutnya.

Duli Yang Teramat Mulia juga meninjau bilik Gambar dan Cap Jari. Bilik berkenaan di bawah Seksyen Jenayah dan berfungsi bagi mendapatkan contoh-contoh gambar dan cap jari yang terdapat pada tempat-tempat atau barang-barang yang disyaki bagi membantu siasatan kes-kes jenayah.

Sebelum menyaksikan pameran gambar mengenai sejarah polis, statistik kes jenayah dan kemalangan di Daerah Belait, Duli Yang Teramat Mulia terlebih dahulu dijunjung bagi Majlis Santap di Bilik Pegawai Pemerintah Daerah Polis Belait. Kadar jenayah di Daerah Belait sepanjang tiga tahun tidak menentu jumlahnya walau bagaimanapun jumlah peningkatan kejadian jenayah tidaklah begitu tinggi dan jenis kesalahan yang dilaporkan bukanlah kes serius.

Kadar kemalangan jalan raya bagi sepanjang tiga tahun juga tidak menentu jumlahnya walaupun statistik menunjukkan jumlah yang tinggi. Kebanyakan kemalangan itu adalah kemalangan ringan

sahaja. Terdapat tiga strategi bagi menangani kegiatan jenayah iaitu pencegahan jenayah oleh Daerah Polis Belait (rondean, sekatan jalan raya dan pemantauan oleh ahli detektif), operasi bersepadu dengan jabatan-jabatan penguat kuasa undang-undang (serbuan dan pemeriksaan bersama) dan kejiwaan (menasihatkan Ahli-ahli Kejiwaan Kampung untuk sama-sama menjaga ketenteraman kampung masing-masing).

Dalam menjalankan langkah-langkah pencegahan jenayah, beberapa tindakan telah diambil seperti mewujudkan kesedaran sivik di kalangan masyarakat, meningkatkan kerjasama polis dengan masyarakat, memperketatkan keselamatan ke atas sasaran yang lemah dan mempertingkatkan kehadiran polis di kawasan yang kerap berlaku jenayah.

Duli Yang Teramat Mulia juga meninjau lebih dekat Unit Pendakwaan yang berfungsi bagi membawakan kes jenayah dan kemalangan untuk dibicarakan di mahkamah. Sebelum itu suspek akan disiasat bagi mendapatkan bukti yang kukuh sebelum didakwa di mahkamah.

Dari unit tersebut Duli Yang Teramat Mulia berangkat melawat ke Unit Siasatan Jenayah (CID). Semasa di sana Duli Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai fungsi unit berkenaan yang me-

ainkan peranan utama dalam memberantas apa jua kegiatan antisosial seperti perjudian, maksiat dan kes jenayah lain seperti rompakan pecah kereta dan kes pendatang haram. Antara kegiatan judi yang sering ditangani ialah permainan ketam-ketam dan loteri empat angka.

Duli Yang Teramat Mulia juga berangkat melawat Balai Polis Panaga yang dalam satu bangunan dengan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait. Balai Polis Panaga bertanggungjawab bagi mengawasi keselamatan dan ketenteraman di kawasan Panaga dan kawasan-kawasan persekitarannya.

Semasa berada di sana Duli Yang Teramat Mulia berkenan menandatangani 'Signature Slip' dan berkenan menerima cenderamata serta bergambar ramai bersama pegawai dan anggota PDB.

Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan berangkat ke Rumah Perkumpulan Kebajikan Isteri dan Keluarga Polis (PEKERTI) Cawangan Daerah Belait. Perkumpulan tersebut ditubuhkan bagi memeduli kesejahteraan anggota polis dan keluarga masing-masing dengan mengadakan pelbagai aktiviti dan kegiatan yang berfaedah antaranya mengadakan Kelas Tambahan Bahasa Inggeris dan Matematik bagi anak-anak polis yang akan menghadapi peperiksaan. Selain itu kegiatan memasak, mengubah bu-



ALU-ALUKAN ... Duli Yang Teramat Mulia bersalaman mesra bersama anggota Kem Bravo yang sedia berbaris mengalu-alukan keberangkatan Duli Yang Teramat Mulia.

nga, kegiatan sosial dan keagamaan juga diadakan.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia berangkat ke padang kawad bagi menyaksikan persembahan Kawad Tempur yang disembahkan oleh Pasukan Polis Simpanan 'A' Kompeni (RU 'A') yang dibahagikan kepada tiga kumpulan. Persembahan termasuk latihan jasmani dikenali sebagai 'Obstacle Course'. Latihan tersebut bagi membiasakan anggota kompeni itu melalui rintangan dan kesukaran seperti memanjat dan meniti.

Selain itu anggota RU 'A' juga menunjukkan Kombatan Tempur Banet (KTB). Ianya adalah salah satu pergerakan atau teknik pertempuran militari dengan menggunakan senapan dan banet. Teknik tersebut digunakan sebagai teknik bela diri yang membolehkan seseorang anggota mematahkan serangan musuh secara dekat terutamanya apabila terputusnya bekalan peluru. Teknik itu juga bagi merampas senjata dari tangan musuh sekaligus melumpuhkan serangan.

Juga dipersembahkan ialah seni mempertahankan diri tanpa senjata yang dikenali sebagai Kombatan Tanpa Senjata (KTS). Seni mempertahankan diri ditunjuk ajar kepada semua anggota bagi menumpaskan musuh dengan kaedah tangan

kosong. Seni tersebut dilatih bagi memberi keyakinan anggota kompeni berkenaan dalam menghadapi serangan musuh secara individu. Ianya adalah antara gabungan seni bela diri yang diiktiraf dan digunakan bagi mengurangkan penggunaan kekerasan yang berlebihan.

Persembahan Kawad Tempur yang ditunjukkan itu merupakan sebahagian daripada latihan yang termasuk dalam jadual mingguan kompeni itu. Pergerakan yang ditunjukkan bertujuan bagi melatih dan membiasakan setiap anggota kompeni berkenaan terutama dalam menghadapi apa

jua situasi bagi memanfaatkan kompeni itu sebagai pasukan yang berwibawa.

Sebelum berangkat meninggalkan Ibu Pejabat Daerah Polis Belait baginda meneruskan lawatan ke Kem Pangkalan Bravo Polis Hutan, Duli Yang Teramat Mulia berkenan menerima junjung ziarah daripada anggota polis dan keluarga mereka. Jarak perjalanan menuju ke kem tersebut dari Ibu Pejabat Daerah Polis Belait menggunakan pesawat helikopter lebih kurang 20 minit.

Kem Pangkalan Bravo dibina pada 13 September 1999 yang menempatkan

anggota Polis Hutan dalam menjaga dan mengawal permatang sempadan, pedalaman dan persisiran pantai. Setelah dijelaskan mengenai tugas dan fungsi Kem Bravo, Duli Yang Teramat Mulia juga berkenan menyaksikan pameran barang-barang keperluan operasi hutan, jenis-jenis jerat binatang hutan dan jenis makanan hasil daripada hutan.

Dari sana Duli Yang Teramat Mulia meneruskan lawatan kerja ke Ibu Pejabat Daerah Polis Brunei, Ibu Pejabat Daerah Polis Berakas dan Ibu Pejabat Polis Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.



DULI Yang Teramat Mulia berkenan menunaikan Sembahyang Fardu Zuhur Berjamaah sebelum meneruskan lawatan.



DULI Yang Teramat Mulia disembahkan penerangan mengenai kawasan dan penempatan anggota Polis Hutan yang ditugaskan di Kem Pangkalan Bravo Polis Hutan.

ARENA SUKAN



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda 'Abdul Malik berangkat menyaksikan Perlawanan Liga Perdana Malaysia antara pasukan negara dengan Persatuan Bola Sepak Nibong Tebal (NTFA). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Skuad Negara terpaksa akur 1 - 1 dengan NTFA

BERAKAS, 21 Mei. - Skuad Negara terpaksa berputih mata apabila terlepas peluang untuk mencatatkan kemenangan selepas hanya mampu seri 1 - 1 dengan Persatuan Bola Sepak Nibong Tebal (NTFA) pada pertemuan pusingan ketiga Bola Sepak Liga Perdana Malaysia di Stadium Negara Hassanal Bolkiyah.

Pada pertemuan itu tuan rumah yang meng-

Oleh Haji Ahat Haji Ismail
ahat.ismail@information.gov.bn

harapkan kemenangan mutlak untuk terus memperbaiki kedudukan dalam saingan Kumpulan 'A' terpaksa akur dengan keputusan tersebut.

Berangkat menyaksikan perlawanan tersebut ialah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah dan Yang Teramat Mulia Paduka Seri Duli Pengiran Muda 'Abdul Malik.

Skuad Negara bimbingan jurulatih Ranko Buketa pada awalnya memulakan permainan cukup kemas dengan melancarkan banyak serangan-serangan bahaya yang membuahkan hasil jaringan seawal minit keempat apabila sepakan sudut Rosmin

Haji Mohd. Kamis dengan mudah ditanduk masuk oleh Ferid Idrizovic.

Hasil jaringan pendahuluan tersebut tuan rumah terus menguasai permainan dengan tumpuan serangan banyak digerakkan dari tengah melalui Ferid Idrizovic bersama Oluseye Ajayi namun berjaya dihalang oleh penjaga gol NTFA, Ahmad Amran.

Melibat ancaman serangan banyak tertumpu kepada dua penyerang import Ferid dan Ajayi, NTFA pula lebih banyak memberikan tumpuan mengunci pergerakan dua pemain tersebut daripada lebih banyak melakukan percubaan.

Ternyata corak tersebut berjaya mengurangkan

ancaman kepada NTFA dan dalam masa yang sama pula mereka berjaya melakukan serangan-serangan berkala yang membuahkan jaringan penyamaan melalui percubaan jarak jauh oleh Darlinton Ogbonna yang gagal ditepis keluar penjaga gol, Mohd. Wardun Yusof.

Selepas jaringan penyamaan itu NTFA lebih bersemangat dengan melakukan gerakan pantas namun berjaya dikekang oleh barisan pertahanan tuan rumah yang diketuai oleh Solau Florin.

Kedudukan 1 - 1 belum lagi dapat menjamin tempat yang terbaik terutama bagi tuan rumah dan menyedari hakikat itu mereka terus mengempur dengan asakan bertali arus namun natijahnya tetap kekal dengan kedudukan 1 - 1 hingga permainan tamat.

Golf Amal Pusat Ehsan berjaya kutip \$14,000

Oleh Haji Ahmad Haji Salim
ahmad.salim@information.gov.bn

BERAKAS, 23 Mei. - Kejohanan Golf Amal tahunan bagi Pusat Ehsan yang berlangsung selama dua hari dan bermula kelmarin berjaya mengutip sejumlah \$14,000.00 untuk disumbangkan kepada Pusat Ehsan.

Kejohanan yang berlangsung di Kelab Golf Peningkatan Diraja Brunei (RBA) disertai oleh seramai 123 pemain golf yang terdiri daripada pegawai-pegawai, pihak swasta dan penggemar permainan golf tajaan GHK Motor Sendirian Berhad.

Dalam perlawanan itu pihak penganjur telah menyediakan hadiah istimewa sebuah kereta saloon Mitsubishi Lancer bagi yang berjaya memasukkan bola di lubang pertama (hole in one), namun tidak seorang pemain pun yang berjaya untuk merebutnya.

Johan keseluruhan bagi Kategori Gross dimenangi oleh Dallen Foo sekali gus meraih piala rebutan sumbangan GHK Motor Sendirian Berhad dengan memperoleh 73 mata. Tempat kedua ialah Awang Suahan Haji Ismail dan Leftenan Kolonel (B) Haji Nasir menduduki tempat ketiga.

Sementara bagi Divison A Nett (pemain-pemain golf yang mempunyai handicap 0 - 12) dijuarai oleh Dennis Koh diikuti oleh Haji Abdul Kadir tempat kedua dan Awang Moksin Junaidi di tempat ketiga.

Division B Nett pula, tempat pertama dimiliki oleh Haji Aldani Umar, tempat kedua ialah Haji Osman Duraman dan Dr. Wen menyandang tempat ketiga.

Manakala Division C Nett dimenangi oleh Alias Duraman serta Pengiran Haji Hashim Pengiran Haji Othman menduduki tempat kedua dan ketiga ialah Rozaimie Haji Kassim.

Juara keseluruhan dalam acara Nett pula dimenangi oleh Pengiran Halim Pengiran Haji Tengah, tempat kedua dimiliki oleh Haji



TIMBALAN Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub menyampaikan piala rebutan sumbangan GHK Motor Sendirian Berhad kepada Dallen Foo, johan keseluruhan Kategori Gross. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.



PEGAWAI Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini menerima cek sejumlah \$ 14,000 yang diperolehi melalui Perlawanan Golf Amal. - Gambar oleh Pg. Rafee Pg. Dato Paduka Haji Metassim.

Azaman Daut dan Syed Isnizam menduduki tempat ketiga.

Dalam kategori pemain Junior masing-masing dimenangi oleh Brian Chiew dan Abdul Qawien. Awang Isaac Chandran memenangi dalam kategori pemain Senior, tempat kedua Pengiran Haji Mahalee dan tempat ketiga ialah Pengiran Haji Hassan.

Dalam kategori pemain wanita dijuarai oleh Catherine

Hong dengan memperoleh 75 mata, Ooi Hoon menduduki tempat kedua dengan 76 mata dan tempat ketiga dimenangi oleh Alice Tay dengan kutipan 77 mata.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub kepada para pemenang. Sementara cek berjumlah \$14,000.00

yang diperolehi melalui Perlawanan Golf Amal disampaikan oleh wakil GHK Motor Sendirian Berhad, Jake Goh kepada Pegawai Eksekutif Pusat Ehsan, Pengiran Datin Hajah Noraini.

Perlawanan Golf Amal pada tahun ini merupakan kali ketiga diadakan dan kali pertama diadakan pada tahun 2003 dengan tujuan menambah dana bagi Pusat Ehsan.



AKSI perlawanan antara Skuad Negara dengan Persatuan Bola Sepak Nibong Tebal (NTFA). - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

Jabatan Imigresen johan Perlawanan Tenpin Bowling

Oleh Azrin Mohd. Hassan

BANDAR SERI BEGAWAN, 20 Mei. - Jabatan Imigresen menjadi juara Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan Pehin Johan Pahlawan bagi jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri pada tahun ini.

Sementara itu naib johan disandang oleh Jabatan Perkhidmatan Bomba manakala tempat ketiga dimenangi oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Hadir selaku tetamu kehormat pada petang itu Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin

Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan.

Kejohanan yang berlangsung di Pusat Bowling Utama di Jalan Tutong itu disertai tujuh buah jabatan yang dibahagikan kepada dua kategori iaitu Kategori VIP dan Kategori Terbuka.

Piala pusingan dan piala iringan disampaikan oleh tetamu kehormat, Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan kepada

johan serta para pemenang di kejohanan tersebut.

Pertandingan yang jujung-jujung kalinya diadakan itu bertujuan untuk mengeratkan tali silaturahmi di kalangan pegawai-pegawai, ahli-ahli dan kakitangan khususnya jabatan-jabatan di bawah Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri.

Kejohanan Tenpin Bowling Piala Pusingan Pehin Johan Pahlawan dianjurkan oleh Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri dan dikendalikan oleh Jabatan Bandaran.

ARENA SUKAN

Kamudi FC dan March United berpesta gol

Kelolaan Samle Haji Jait
samle.jait@information.gov.bn



B-LEAGUE

Kedudukan Perdana I sehingga 20 Mei 2005

| PASUKAN | P | M | S | K | J | B | MT |
|-------------|---|---|---|---|---|---|----|
| AH UNITED | 2 | 2 | 0 | 0 | 7 | 1 | 0 |
| WUJAYA FC | 2 | 1 | 1 | 0 | 2 | 1 | 4 |
| ABOB | 2 | 1 | 1 | 0 | 1 | 0 | 4 |
| DPMM FC | 2 | 1 | 0 | 1 | 6 | 2 | 3 |
| JERUDONG FC | 2 | 1 | 0 | 1 | 3 | 2 | 3 |
| NBT FC | 2 | 1 | 0 | 1 | 3 | 3 | 3 |
| INDERA FC | 2 | 1 | 0 | 1 | 1 | 2 | 3 |
| QAF FC | 2 | 1 | 0 | 1 | 8 | 8 | 3 |
| KASUKA FC | 2 | 0 | 0 | 2 | 2 | 7 | 3 |
| BANDARAN KB | 2 | 0 | 0 | 2 | 1 | 8 | 0 |

Kedudukan Perdana II sehingga 29 Mei 2005

| PASUKAN | P | M | S | K | J | B | MT |
|----------------|---|---|---|---|---|----|----|
| SABINA FC | 2 | 2 | 0 | 0 | 9 | 5 | 8 |
| MARCH UTD | 2 | 2 | 0 | 0 | 9 | 8 | 8 |
| KAMUDI FC | 2 | 2 | 0 | 0 | 7 | 2 | 0 |
| MAJRA FC | 1 | 1 | 0 | 0 | 5 | 0 | 0 |
| MULAUT FC | 1 | 1 | 0 | 0 | 3 | 2 | 3 |
| LUNBAWANG | 2 | 1 | 0 | 1 | 7 | 5 | 3 |
| IBM BOKOK | 2 | 1 | 0 | 1 | 7 | 6 | 3 |
| BRUNI SHELL FT | 2 | 0 | 1 | 1 | 3 | 3 | 1 |
| MUARA VELLA FC | 2 | 0 | 1 | 1 | 4 | 5 | 1 |
| PERKASA | 2 | 0 | 1 | 1 | 5 | 8 | 1 |
| SENGKURONG FC | 2 | 0 | 2 | 1 | 2 | 0 | 1 |
| KOTA RANGER FC | 1 | 0 | 1 | 0 | 4 | 0 | 0 |
| KILANAS FC | 1 | 0 | 1 | 0 | 1 | 8 | 0 |
| IB PANDAN | 2 | 0 | 0 | 2 | 3 | 10 | 0 |

Penjaring Terbanyak Perdana I sehingga 20 Mei 2005

| Penjaring | Kelab | Jumlah Jaringan |
|----------------------|-----------|-----------------|
| Suzan Haji Kala | DPMM FC | 3 |
| Genar Yusaviv | DPMM FC | 2 |
| Vibus Francis Biyong | QAF FC | 2 |
| Zakuli Haji Mohammad | Kasuka FC | 2 |
| Mi Shab Ram | AH United | 2 |
| Rafiq Zambri | AH United | 2 |

Penjaring Terbanyak Perdana II sehingga 29 Mei 2005

| Penjaring | Kelab | Jumlah Jaringan |
|-------------------------|-----------------|-----------------|
| Ada Anhan | March United | 5 |
| Aminuddin Jumaat | Lun Bawang | 4 |
| Pg. Yusoff Pg. Hj. Dams | Sabina FC | 4 |
| Zikri Layang | Lun Bawang | 2 |
| Fauzan Apeli | IBM Bokok | 2 |
| Mohd. Yakap | Perkasa FC | 2 |
| Sahany Saad | Perkasa FC | 2 |
| Jusaidi Ismat | Muara Vella FC | 2 |
| Mi Helmi | Brunei Shell FT | 2 |
| Giper Mahamad | Majra FC | 2 |
| Damir Haidir | Majra FC | 2 |
| Mari | Kamudi FC | 2 |
| Alieida | Kota Ranger FC | 1 |

PERSAINGAN untuk mengejar kedudukan teratas dalam Perdana II terus hebat apabila semula pasukan mula menunjukkan belang sehingga menyaksikan sebanyak 37 gol berjaya dihasilkan dalam persaingan yang baru memasuki minggu kedua.

Namun, kelebihan jaringan menyebelahi pasukan Sabina FC untuk berada di puncak liga sekalipun pasukan Kamudi FC dan March United sama-sama mengutip enam mata hasil kemenangan kedua mereka pada 29 Mei lalu.

Sekalipun perjalanan masih terlalu jauh, kemenangan pasukan Sabina FC menumpaskan pasukan IBM Bokok menyerlahkan lagi harapan tinggi kelab berpengalaman untuk melangkah ke Perdana Satu musim depan selepas kemenangan pada musim lalu.

IBM Bokok yang membukakan persaingan minggu pertama dengan menewaskan pasukan IB Pandan, lebih awal memperolehi jaringan menerusi Fauzan Arriffin di minit ke-empat tetapi gagal mengekalkan kedudukan itu selepas pasukan Sabina FC bangkit dengan dua jaringan masing-masing diperolehi menerusi AK.

Nurhikman diminit ke-14 dan jaringan penyuntik semangat oleh Pengiran Haji Yusof seminit selepas itu.

IBM yang mendapat sokongan padu oleh penyokong setia mereka berjaya mengikat jaringan 2-2 di babak pertama menerusi Khairol Asyaf Bagol.

Tetapi, pemain berpengalaman Sabina FC, Azmanuddin pula memastikan pasukannya pulang dengan kemenangan mutlak setelah berjaya menambah jaringan di minit ke-56 sekalipun tuan rumah bangkit berusaha mencari sekurang-kurangnya untuk memperolehi satu mata.

Sementara itu, pasukan baru dalam persaingan Liga Kebangsaan, March United pula berjaya membuat kejutan apabila menumpaskan pasukan Kota Ranger 6-4 di Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Kemenangan pasukan kelab berasal dari Daerah Tutong membayangi lagi kemunculan mereka dalam pentas Liga Kebangsaan perlu mendapat perhatian dalam persaingan memburu kejuaraan Perdana II musim ini.

Tommy Kambang tidak

mahu menunggu lama untuk membuka tirai jaringan untuk March United di minit ke-11 sekalipun pertahanan Kota Ranger berusaha gigih mengelakkan dari dibolosi jaringan lebih awal itu.

Pertemuan terus menarik di akhir babak pertama menerusi jaringan Adi Arsham yang meletakkan March United mendahului 2-0 tetapi Kota Ranger berjaya mendekati jurang gol apabila dihadihkan sepakan penalti di minit ke-45 dan Abd. Mahmood tidak menia-siakan sepakan itu.

Namun belum pun reda keceriaan pemain Kota Ranger, Adie Arsham sekali lagi bertindak cemerlang untuk menghukum kealpaan pertahanan Kota Ranger untuk jaringan ketiga pasukan March United minit ke-45 kecederaan separuh masa pertama.

Kemudian, pasukan Kota Ranger mendahului aksi berbalas jaringan menerusi Alieida selepas lima minit babak kedua sebelum March United pantas membalas jaringan itu melalui sentuhan hatrik Adie Arsham di minit ke-61, sementara Juhar pula mengambil giliran selaku penjaring kelima bagi pasukan March United selang lapan minit kemudian.

Sekalipun ketinggalan jaringan 2-5, Kota Ranger tidak mengalah malah berusaha keras mencari jaringan mendekati jurang gol di pelbagai sudut dan usaha mereka berbaloi dengan sentuhan dua gol masing-masing menerusi penyerang, Lim Aik Hock di minit ke-74 dan Alieida di minit ke-81.

Kebangkitan skuad Kota Ranger bagaimanapun tidak ke mana selepas terpaksa mengakui kehebatan kelab pendatang baru itu apabila mereka terperangkap dari kehairanan sendiri selepas Mohd. Norlezan pula berjaya menambah koleksi jaringan buat March United



ANTARA aksi menarik pertemuan Mulaut FC dengan Lun Bawang FC di Perdana II yang berlangsung di Kompleks Sukan Sungai Kebun. - Gambar oleh Hamadi Haji Mohammad.

sekali gus membantu pasukan tersebut menang besar 6-4 ke atas Kota Ranger.

Sementara itu, pasukan Kilanas FC mencatat perlawanan sulung yang menghampakan apabila gagal menyekat kerakusan barisan depan Kamudi FC sehingga tewas 1-5 di Padang dan Balapan.

Malah mereka dimalukan dengan jaringan kurang seminit oleh Shaifun selepas menerima asakan pantas sambil jaringan Mazli di minit ke-17 membayangi kelonggaran pertahanan pasukan Kilanas dan Shaifun sekali lagi terus membuat Kamudi FC lega dengan jaringan ketiga selang sepuluh minit selepas itu.

Sekalipun jaringan Huzaimi membantu me-

nukar rentak melalui pasukan Kilanas di minit pertama di babak kedua, anak buah Haji Saidin terus hampa apabila Suzeemin yang bijak meloloskan diri berjaya menambah jaringan untuk Kamudi FC.

Penyokong Kamudi FC yang turun dari Daerah Tutong akhirnya berpesta dengan jaringan pemain pantasnyanya, Mohd. Azril di minit ke-87 sekali gus membantu mencatat kemenangan kedua berturut-turut pasukan Kamudi FC.

Pada keputusan Perdana II yang lain, Perkasa FC dan Muara Vella FC terikat 2-2 pada pertemuan 24 Mei lalu, manakala pasukan Mulaut FC pula mencatat kemenangan sulung ke atas pasukan Lun Bawang FC 3-2 pada 27 Mei lepas.

Penanguhan perlawanan

URUSETIA kejohanan Liga Kebangsaan memaklumkan beberapa perlawanan Perdana I dan Perdana II ditangguhkan untuk memberi laluan Kejohanan Pesta Sukan Kebangsaan.

Bagi Perdana I, penanguhan melibatkan bagi perlawanan bilangan 16 sehingga bilangan 28, sementara Perdana II ialah bagi perlawanan bilangan 15 sehingga 21.

Pihak urusetia akan mengeluarkan jadual baru yang akan diedarkan kepada semua pasukan yang terlibat nanti.

CEBISAN MENARIK LIGA B



KESEBELASAN pemain utama pasukan March United sebelum menentang pasukan Kota Ranger FC.

PEMAIN Kamudi FC, Shaifun mencipta jaringan terpanas yang baru dalam Perdana II apabila berjaya menjaringkan gol di minit pertama ketika bertemu pasukan Kilanas FC. Sebelum ini, penjaring terpanas Perdana II dicipta oleh pemain pasukan Lun Bawang, Aminuddin Jumaat pada minit kedua.

Sementara itu, empat pasukan yang baru layak menyertai Liga Kebangsaan 2005/2006 - March United, Muara Vella, Majra FC, dan Perkasa FC tidak mudah tunduk kepada lawan sebelum March United (gambar) dan Majra FC yang membelasah lawan masing-masing pada perlawanan lalu, mula digeruni lawan.

Keputusan Perlawanan Perdana II Minggu Ke-2

| |
|--------------------------------------|
| PERKASA FC - 2 MUARA VELLA FC - 2 |
| MULAUT FC - 3 LUN BAWANG - 2 |
| IB PANDAN - 0 MAJRA FC - 5 |
| BRUNEI SHELL FT - 1 SENKURONG FC - 1 |
| IBM BOKOK - 2 SABINA FC - 3 |
| KAMUDI FC - 5 KILANAS FC - 1 |
| MARCH UNITED - 6 KOTA RANGER FC - 4 |



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei ketika berkenan mengurniakan titah di Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei Ke-44 di Perkhemahan Penanjong, Tutong.



DULI Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam.

Dari muka 1

Selepas itu Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Dewa Dato Seri Paduka Lim Jock Seng, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri II (Kedua) yang sebelum ini Setiausaha Tetap Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Sejurus selepas itu pula Timbalan-timbalan Menteri yang dilantik mengangkat sumpah di hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia yang didahului oleh Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Eusoff Agaki bin Haji Ismail sebagai Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Diikuti oleh Yang Berhormat Pehin Datu Singamanteri Kolonel (L) Dato Paduka Haji Awang Mohd. Yasmin bin Haji Umar sebagai Timbalan Menteri Pertahanan.

Kemudian Yang Mulia Pengiran Dato Seri Setia Dr. Haji Mohammad bin Pengiran Haji Abdul Rahman sebagai Timbalan Menteri Pendidikan.

Disusuli pula Yang Berhormat Pehin Udana Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Dato Paduka Haji Othman sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Agama.

Selanjutnya Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Hamdilah bin Haji Abdul Wahab sebagai Timbalan Menteri Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama.

Diikuti selepas itu Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yusof bin Haji Abdul Hamid sebagai Timbalan Menteri Perhubungan.

Kemudian Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Dewa Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Dani bin Haji Ibrahim sebagai Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri.

Seterusnya Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah sebagai Timbalan Menteri Kesihatan.

Diikuti kemudian Yang Mulia Dato Paduka Dr. Haji Mat Suny bin Haji Mohd.

Hussein sebagai Timbalan Menteri Pembangunan dan akhir sekali mengangkat sumpah ialah Yang Mulia Dato Paduka Awang Haji Yakub bin Abu Bakar sebagai Timbalan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan.

Juga berangkat di majlis tersebut ialah Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri.

Juga hadir ialah Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz bin Juned dan Peguam Negara, Yang Berhormat Dato Seri Paduka Awang Haji Kifrawi bin Dato Paduka Haji Kifli.

Semasa bertitah mengumumkan rombakan kabinet baru-baru ini, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah memaklumkan bahawa jawatan Mufti Kerajaan dan Peguam Negara adalah sebagai jawatan bertaraf Menteri.

Baginda juga bertitah bahawa perlantikan Menteri-menteri dan Timbalan-

ABDB perlu miliki sifat mesra rakyat

TUTONG, 31 Mei. - Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertitah melahirkan kepercayaan bahawa selama empat dekad penubuhan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah memberikan cukup pengalaman untuk menjadi sebuah angkatan bersenjata yang dinamik dan berwibawa.

Sehubungan dengan itu, titah baginda lagi, di samping ia unggul dan kuat, angkatan bersenjata kita perlu memiliki sifat mesra rakyat iaitu satu ciri moral dan disiplin yang tinggi yang mana pelengkap-pelengkap ialah mengeratkan lagi hubungan kita dengan Allah supaya terus berada di bawah inayah dan pemeliharaan-Nya.

Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji

timbalan Menteri adalah bagi tempoh lima tahun.

Baginda bertitah antara lain berharap supaya jemaah Menteri-menteri dan Timbalan Menteri yang baru akan dapat melaksanakan tugas-tugas, kuasa-kuasa dan kewajipan-kewajipan yang diamanahkan kepada mereka dengan penuh ikhlas, jujur dan amanah.

Doa selamat di Majlis Mengangkat Sumpah dibacakan oleh Mufti Kerajaan, Yang Berhormat Pehin Datu Seri Maharaja Dato Paduka Seri Setia Ustaz Haji Awang Abdul Aziz.

Berangkat ke Republik Korea

BANDAR SERI BEGAWAN, 30 Mei. - Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Ambassador-at-Large di Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri berangkat ke Jeju, Republik Korea bagi menghadiri Mesyuarat Menteri-menteri

**Liputan Haji Dayang Haji Kasim, dayang.kasim@information.gov.bn
Haji Ahmad Haji Salim ahmad.salim@information.gov.bn
dan Abu Bakar Haji Abd. Rahman bakar.rahman@information.gov.bn**

Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Pemerintah Tertinggi Angkatan Bersenjata Diraja Brunei bertitah demikian ketika berkenan berangkat ke Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-44 tahun. Acara sambutan berlangsung di Perkhemahan Penanjong di sini.

Menyentuh mengenai prestasi penglibatan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, baginda dengan perasaan bangga bertitah baginda melihat Angkatan Bersenjata Diraja Brunei telah tampil dengan membanggakan.

"Dari sinilah beta dapat melihat betapa Angkatan Bersenjata Diraja Brunei itu sangat mustahak untuk meningkatkan lagi kecekapan dan keupayaannya dan selaku sebuah benteng utama pertahanan perlu siap siaga serta mampu menghadapi cabaran-cabaran dengan lebih berkesan," titah baginda lagi.

Baginda juga bertitah bahawa apa yang baginda nampak dalam semua peringkat kepimpinan hendaklah memiliki kesedaran bagi memenuhi harapan-harapan besar Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang mana memerlukan satu transformasi.

"Transformasi bukan sahaja di segi struktur, teknik dan keupayaan,

malahan juga di segi kepimpinan dan minda. Jika ini kita abaikan, beta khawatir Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjadi mangsa kepada perubahan-perubahan pesat yang berlaku di sekeliling kita," titah baginda menyuarakan kekhawatiran baginda.

Sehubungan dengan itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia bertitah, bagi semua peringkat anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei untuk tidak menutup dari sebarang perubahan tetapi perlu terbuka kepada kaedah-kaedah atau metod-metod baru dalam pertahanan.

Dalam hal ini, baginda seterusnya bertitah melahirkan rasa sukacita baginda terhadap perkembangan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

"Sehubungan ini beta sangatlah gembira yang Kementerian Pertahanan pada ketika ini sedang giat melaksanakan dasar dan perancangan strategiknya yang akan membawa masa depan pertahanan yang lebih teratur lagi sistematis," titah baginda lagi.

Menyentuh mengenai nilai kesejahteraan yang kita miliki pada masa ini, baginda bertitah bagi semua untuk membina azam supaya mempertahankannya dan mengambil iktibar melalui kejadian-kejadian yang berlaku di sekeliling kita di mana ada yang masih dibelenggu oleh pertelingkahan se-

sama sendiri, ada yang datang penyakit-penyakit berjangkit dan ada pula yang dilanda bencana alam sehingga meranapkan bandar dan desa serta meragut sekian banyak nyawa.

Melihat kepada perkembangan pergolakan dunia, Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga bertitah menyeru semua untuk tidak hanya melihat dan berpeluk tubuh tetapi berusaha membantu sesuai dengan visi kemanusiaan dan perdamaian.

"Adalah tidak wajar untuk kita berpeluk tubuh atau hanya mengharap agar sentiasa terlepas daripada sebarang kejadian yang tidak diinginkan. Kita tidaklah boleh begitu kerana apa yang ada berlaku adalah merupakan kerja Allah, bukan kerja kita yang dapat dirancang atau diramal. Kerana itu kita mengelak untuk menjadi penonton tetapi sebaliknya kita tampil ke hadapan bersama-sama warga dunia memberikan sumbangan apa juga yang terdaya selaku visi kemanusiaan dan perdamaian," titah baginda.

Menyentuh mengenai Sambutan Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-44 tahun, baginda bertitah bahawa sambutan ini lebih bererti lagi dengan negara sentiasa menikmati keamanan dan kesejahteraan yang turut menyebarkan rasa simpati kita kepada pihak-pihak yang dirundung malang.

Baginda juga bertitah melahirkan ucapan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang ke-44 tahun kepada seluruh anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan juga kepada perajurit-perajurit yang telah bersara serta keluarga mereka. Baginda juga bertitah mendoakan semoga sumbangan suci dari semua pihak akan terus mengekalkan keselamatan dan kesejahteraan negara kita yang tercinta ini.

سلامت مہمبوت اولفتاھون ABDB ك. ۴۴ تاهون
SELAMAT MENYAMBUT ULANG TAHUN ABDB KE-44 TAHUN

دربړتګن اوله جباتن فتراغن، جباتن فردان منترې دان دچیتک اوله جباتن فرچیتقنن کراچان، جباتن فردان منترې، نگارا بروني دارالسلام.
Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan Dicitak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan, Jabatan Perdana Menteri, Negara Brunei Darussalam.

اننيكا

ANEKA



BILANGAN 22

RABU 1 JUN 2005

1426 رابو 23 ربيع الأخير

PERCUMA

TALIAN PENTING

Ambulans

991

Polis

993

Bomba

995

Mencari & Menyelamat

998

PERKHIDMATAN- PERKHIDMATAN PENTING

Air

140

Elektrik

144

Maklumat Penerbangan

2331747

Pusat Mencari & Menyelamat (udara dan laut)

2332600

Unit Pengurusan Bencana Alam

2381874

2381313

2382143

2382027

Penderaan

2338700

2339733

2345050

GADONG, 23 Mei. - Menteri Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz melahirkan kebimbangan mengenai berkurangnya minat di kalangan penuntut sekolah mengambil mata pelajaran Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal di mana hanya enam peratus sahaja mereka yang terlibat.

Yang Berhormat berkata, apa yang ketara berkurangan ialah jumlah penuntut yang mengambil dua atau lebih mata pelajaran Sains selepas menduduki tingkatan tiga.

Menurutnya, jika dibandingkan melalui Indeks Pembangunan Manusia dengan negara-negara membangun yang lain ternyata lebih tinggi peratusnya mencapai 20 hingga 35 peratus walaupun negara ini berkedudukan tempat ke-33 daripada 177 negara dalam laporan Indeks Pembangunan Manusia 2004 oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB).

"Oleh itu di peringkat kebangsaan kita perlu memajukan beberapa strategi untuk menarik lebih ramai para pelajar bagi mengambil Sains, Matematik dan Teknikal di sekolah-sekolah di mana antara strategi itu terserah bagaimana kita mengajarkan subjek tersebut," jelas Yang Berhormat.

Yang Berhormat melahirkan kebimbangan itu ketika berucap di Pembukaan Rasmi Persidangan Antarabangsa Tahunan Ke-10 Bagi Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal 'Hala Tuju Masa Depan Dalam Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal' di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam (UBD) di sini.

Yang Berhormat menambah, usaha perlu diambil untuk menggalakkan lebih ramai pelajar mengambil pelajaran Sains di sekolah supaya mereka kelak akan mencapai keputusan yang lebih cemerlang dalam peperiksaan peringkat lanjutan dan biasa.

Katanya, jika trend penurunan jumlah pelajar yang mengambil mata pelajaran Sains berterusan akan memberi kesan langsung ke atas keupayaan sistem pendidikan untuk melahirkan bakal pendidik atau pengajar yang cekap dan berkecekapan dalam kedua-dua bidang itu.

"Bagi mereka yang memperoleh keputusan yang baik dalam bidang ini sering kali melihatkan kurang minat memilih pendidikan sebagai kerjaya dan akhirnya mencari peluang pekerjaan yang lain dalam bidang yang berkaitan yang membuatkan hanya segelintir pelajar memilih latihan menjadi guru dalam Matematik dan Sains."

"Kita perlu memahami akan kekuatan dan kelemahan profesion pengajaran kita seperti contohnya beberapa peratus guru sekolah rendah atau guru Matematik dan guru Sains



MENTERI Pendidikan, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Aziz ketika hadir merasmikan Persidangan Antarabangsa Tahunan Ke-10 Bagi Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal. Majlis berlangsung di Dewan Canselor Universiti Brunei Darussalam. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

Peratus pelajar mengambil pelajaran sains, teknikal, matematik membimbangkan

OLEH ABDULLAH ASGAR

abdullah.asgar@information.gov.bn

menjalani sekurang-kurangnya satu program latihan dalam perkhidmatan dalam masa lima tahun," tambah Yang Berhormat.

Guru adalah sebagai

penyedia pengetahuan, namun banyak pengetahuan mereka yang diperolehi dari universiti atau sekolah hanya menjadi usang dengan masa berlalu kerana pengetahuan itu

sendiri bertambah, tegas Yang Berhormat.

Antara saranan untuk merangsang kembali minat pelajar terhadap mata pelajaran Sains dan Matematik ialah melalui kemudahan internet dan perpustakaan digital yang disifatkan sebagai sumber pembelajaran yang canggih di masa depan.

Perpustakaan digital harus diubah daripada sistem yang hanya mengadakan koleksi atau bahan bacaan yang statik tetapi tidak menarik minat pelajar kepada sistem yang menyediakan bahan bacaan lebih dinamik dan menyediakan ruang untuk sumber pelajaran yang boleh menimbulkan minat kepada setiap

pelajar.

Persidangan empat hari itu dianjurkan oleh Institut Pendidikan Sultan Haji Hassanah Bolkiyah, UBD berakhir pada 26 Mei.

Pihak penganjur telah mengundang beberapa orang pakar untuk berkongsi pemikiran antaranya dari Australia, Botswana, India, Malaysia, Papua New Guine, Thailand, Republik Singapura, Emiriah Arab Bersatu, United Kingdom dan Amerika Syarikat, di samping beberapa orang penyarah tempatan di UBD.

Pelbagai tajuk akan disentuh ketika persidangan dijalankan khususnya Mengapa Subjek Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal Kurang Mendapat Minat Di Kalangan Pelajar.

Malah mereka juga meluahkan beberapa perkara lain mengenai cara menambah minat pelajar ke arah subjek Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal yang boleh diterima pakai di negara ini khususnya dalam pengajaran ketiga-tiga subjek itu.



PARA pendidik yang menghadiri Persidangan Antarabangsa Tahunan Ke-10 Bagi Sains, Matematik dan Pendidikan Teknikal. - Gambar oleh Haji Masmaleh Haji Mohd. Ali.

KADAR PINJAMAN BANK DIHADKAN

'Amalkan budaya menabung, belanja berhemat'

ARAHAN Kementerian Kewangan kepada bank-bank yang beroperasi di negara ini menghadkan jumlah pinjaman peribadi yang layak dipohon oleh pelanggan menjejaskan sebilangan masyarakat. Bagaimanapun kita harus melihatnya secara positif dari perspektif jangka masa panjang demi kebaikan keseluruhan rakyat dan penduduk serta Negara Brunei Darussalam yang kita cintai ini.

Selain menghadkan pinjaman peribadi, pengeluaran kad kredit juga dikatakan termasuk dalam arahan itu. Langkah bijak tersebut menunjukkan keprihatinan kerajaan semata-mata untuk mengelakkan ramainya orang kitani yang jatuh mufis, menanggung hutang berpanjangan, tidak mempunyai wang simpanan dan kesempatan belanja untuk menyara diri dan keluarga setiap bulan.

Dalam suasana kegelisahan sebilangan masyarakat berhubung isu tersebut ketika ini, ruangan FOKUS terpanjang untuk sama-sama melihat dan membicarakan kebaikan langkah tersebut kepada negara dan masyarakat kitani sendiri untuk jangka masa panjang.

SENARIO

Baru-baru ini masyarakat dikejutkan dengan arahan bahawa pemohon hanya layak mendapat pinjaman bernilai 12 bulan daripada jumlah gaji manakala potongan bayaran pelunasan tidak melebihi 22 peratus daripada jumlah gaji kasar. Tempoh bayaran balik pula dihadkan hanya sehingga enam tahun.

Selama ini pemberian pinjaman peribadi boleh mencecah ratusan ribu ringgit dan boleh dibayar dalam tempoh sehingga 12 tahun. Pekerja di sektor awam biasanya diberikan jumlah pinjaman yang agak besar.

Menurut laporan Brunei Economic Bulletin, masyarakat Brunei berutang lebih dari \$3 bilion pada tahun 2003. Lebih kurang 65 peratus dari hutang tersebut adalah dalam bentuk hutang tanpa cagaran seperti penggunaan kad kredit

dan pinjaman peribadi.

Difahamkan menurut arahan baru itu mereka yang menerima gaji bersih \$2,500.00 akan mendapat had kredit maksimum empat kali gaji, manakala mereka yang menerima gaji \$4,000.00 diberikan kredit lapan kali gaji mereka. Bank-bank juga perlu menetapkan kadar pinjaman sendiri tanpa perlu bergantung daripada penetapan yang dibuat oleh Persatuan Bank-Bank.


Pihak bank juga disarankan supaya memaklumkan kepada Kementerian Kewangan mengenai kadar yang ditetapkan dan hendaklah mengiklankannya dengan jelas kepada orang ramai bagi membolehkan pelanggan memilih bank yang menawarkan kadar paling menarik.

BOROS

Sikap boros, perbelanjaan tidak dirancang dan terkawal menyebabkan jumlah perbelanjaan bulanan meningkat di luar kemampuan. Untuk menampung perbelanjaan diri dan keluarga seseorang akan bersandar kepada bank dengan mendapatkan pinjaman peribadi atau melalui perkhidmatan kad kredit.

Perbelanjaan tidak berhemat yang kadangkala menjurus kepada pembaziran sudah membudaya dalam kehidupan sebilangan besar masyarakat kitani. Kadangkala kitani berbelanja atau membeli peralatan-peralatan yang tidak begitu diperlukan. Tabiat suka 'bermewah-mewah' di luar kemampuan dalam serba-serbi perbelanjaan juga mengakibatkan ramai yang 'kapih' dan terpaksa menanggung hutang keliling pinggang.

Sebilangan masyarakat menghadapi kesempatan yang disebabkan tabiat suka bertukar-tukar kereta baru atau memiliki jumlah kereta yang banyak dan mengubah suai atau melengkapi kereta dengan pelbagai aksesori, membeli perabot dan kelengkapan rumah yang mahal-mahal, membeli pakaian dan aksesori berjenama, sering makan di restoran, kerap me-



Oleh Sahari Akim
sahari.akim@information.gov.bn

lancong ke luar negeri, penggunaan telefon dan elektrik yang tinggi, mengadakan majlis-majlis keramaian yang kurang perlu, suka membeli-belah di pasar-pasar raya mewah dan banyak lagi.

Tabiat boros berbelanja masyarakat kitani dapat disaksikan setiap tahun menjelang Hari Raya Aidilfitri. Jumlah jualan kereta baru, perabot dan peralatan rumah menjelang Aidilfitri begitu meningkat. Kalau boleh sebilangan orang kitani mahunya semua 'baru dan ada kelas' termasuklah hidangan yang disajikan kepada tetamu.

Menyebut juadah dan kuih-muih ini, kitani sudah mula 'berbelanja besar' sejak awal bulan Ramadan lagi. Hampir setiap hari kitani membeli 'penyungkai' yang kadangkala berlebihan dan membazir sehingga tidak habis dimakan. Begitu jugalah keadaannya pada majlis-majlis kenduri-kendara yang lain, perbelanjaan tidak terkawal dan berlaku pembaziran. Dalam sesetengah keadaan orang kitani berbelanja 'berhabis-habisan', biar papa asid bergaya.

GALAKAN

Tanpa kita sedari tabiat berbelanja tidak berhemat ini secara tidak langsung juga digalakkan atau dibudayakan oleh pelbagai pihak dalam masyarakat termasuk bank-bank, agensi-agensi kewangan dan para peniaga. Budaya mewah wujud dan dicipta melalui gaya hidup masyarakat moden manakala pihak bank, agensi kewangan dan peniaga menggalakkan masyarakat berbelanja melalui pelbagai perkhidmatan pinjaman yang mudah diperolehi.

Oleh kerana topik kali ini memfokuskan kepada 'pinjaman kewangan melalui bank' maka skop perbincangan hanya kita tumpukan kepada pelbagai kemudahan pinjaman bank yang akhirnya membebaskan para peminjam.

Dalam ruangan FOKUS terbitan 14 Julai 2004 penulis pernah menyentuh isu 'pinjaman mudah' ini dengan tajuk 'KENAPA RAMAI YANG MUFLIS' antara lain menyebutkan: Perkhidmatan pinjaman wang yang 'begitu mudah diperolehi' melalui institusi-institusi perbankan ketika ini juga boleh mendorong seseorang 'mudah mufis'. Begitu jugalah halnya dengan kemudahan kredit pembelian kenderaan, barangan dan peralatan lain yang ditawarkan.

Dalam tulisan itu penulis juga menyarankan agar pihak perbankan 'membuat sukatsuk' dengan meneliti gaji atau pendapatan seseorang sebelum meluluskan pinjaman berpatutan, di samping memberikan nasihat dan cadangan dalam memilih kemudahan pinjaman yang bersesuaian dengan pendapatan mereka.

Untuk membendung 'gejala kapih dan hutang keliling pinggang' ini, semua pihak hendaklah menitikberatkan 'tanggungjawab sosial' demi kesejahteraan bersama. Dalam erti kata yang lain institusi kewangan atau pihak bank seharusnya tidak hanya memikirkan keuntungan semata-mata tetapi juga kesan 'negatif' yang menimpa sebilangan peminjam.

AKIBAT

Tabiat suka meminjam dan berutang di bank, penggunaan kad kredit, membayar

secara ansuran untuk membeli barangan dan seumpama itu telah mengakibatkan ramai yang mufis, kalau tidak pun menghadapi kesempatan untuk menampung keperluan hidup kerana wang gaji atau pendapatan sebahagian besarnya digunakan untuk membayar hutang-piutang.

Kita difahamkan kesan negatif dari keadaan sedemikian boleh mendatangkan 'porak-peranda' dalam keluarga seperti terjadinya pertengkaran antara suami dan isteri dan akhirnya mengakibatkan perceraian. Sedikanya pun makan minum dan persekolahan anak-anak terabai yang akan membawa kesan yang negatif kepada masa depan mereka.

Sebenarnya banyak lagi kesan sosial lain yang akan terjadi seperti terdorong mencari jalan mudah untuk mendapatkan sumber kewangan. Individu-individu yang terdesak mungkin akan melakukan penyelewengan seperti rasuah, menipu, mencuri, menjual maruah diri, menjual barang yang ditegah dan seumpamanya.

Islam tidak suka umatnya hidup dalam 'kemalaratan', kerana 'kepapaan' itu boleh mendorong kepada 'kemaksiatan'. Sebab itu Islam menyeru umatnya supaya berusaha mencari rezeki yang halal sebanyak mungkin demi kehidupan keluarga yang lebih sejalesa, di samping boleh disumbangkan kepada perkara-perkara berkebaikan.

Islam juga melarang umatnya bersikap boros dan membazir kerana ia merupakan perbuatan sia-sai. Apa yang dikehendaki ialah umat Islam yang kukuh dan mantap ekonominya supaya boleh menyumbang ke arah mengembangkan syiar Islam dan membantu insan-insan lain yang memerlukan.

TANGGUNGJAWAB

Berbalik kepada arahan kerajaan kepada pihak bank di negara ini yang menghadkan jumlah pinjaman itu maka seharusnya ia dialu-alukan oleh semua pihak demi kebaikan bersama. Selayaknyalah kerajaan sebagai 'indung' yang

tidak ingin melihat anak-anaknya mengalami kesengsaraan akibat menanggung hutang yang banyak perlu mengambil langkah positif seperti itu.

Apa yang lebih penting difikirkan oleh kerajaan ialah impak sosial yang akan dihadapi oleh masyarakat dan negara untuk jangka masa panjang. Selain sentiasa kesempatan wang bagi tempoh yang lama, peminjam juga secara berterusan tidak mempunyai 'tabungan' untuk digunakan menghadapi 'suka duka' lebih-lagi di hari tua nanti.

Kesan sosial kepada masyarakat dan negara seperti yang disebutkan itu perlu difikirkan dan diberikan perhatian sewajarnya oleh semua pihak. Kerajaan ingin melihat masyarakat kita sentiasa hidup senang dan sejalesa, di samping mempunyai fizikal dan mental yang sihat. Kita melihat kemandapan ekonomi setiap unit keluarga merupakan salah satu unsur utama menyumbang ke arah wujudnya keluarga harmoni yang boleh menjurus kepada kecemerlangan bangsa. Sebaliknya keluarga yang 'berantakan' hanya akan menambahkan lagi gejala sosial yang membebaskan masyarakat dan negara.

Mungkin sahaja kejutan arahan 'had pinjaman bank' itu mencetuskan kegelisahan untuk seketika tetapi akhirnya kita semua akan menjadi 'terbiasa' dan mampu menyusun perbelanjaan secara lebih berhemat. Di masa lampau, kita hanya mendapat pinjaman terhad dari pihak bank selain tidak terdapat pelbagai perkhidmatan kad kredit. Apa yang jelas masyarakat ketika itu masih boleh mengharungi kehidupan dengan sempurna tanpa dibebani 'hutang yang banyak'.

HIKMAH

Hikmah di sebalik arahan tersebut nantinya pasti akan mendatangkan manfaat kepada kita semua. Apa yang nyata ia mengingatkan kita kepada pepatah Melayu supaya 'mengukur baju di badan sendiri', 'beringat sebelum kena, berjimat sebelum habis'. Dalam ber-

belanja ikutilah kata orang tua-tua 'biar cangkik jangan putus'. Biarlah kita, 'berakit ke hulu, berenang ke tepian, bersakit dahulu senang kemudian'.

Bagaimanapun, melihat kepada komen-komen orang ramai terutama mereka yang benar-benar memerlukan maka berkatalah hati kecil kita 'berapa berat mata memandang, berat lagi bahu yang memikul'. Kita sedar bahawa tuntutan sara hidup ketika ini semakin meningkat. Harga barangan dan kos perkhidmatan begitu tinggi dan amat dirasakan oleh masyarakat terutama yang berpendapatan rendah. Seeloknya kita mencari jalan untuk melepaskan bebanan tersebut terutama dengan menambahkan pendapatan para pekerja dan masyarakat umumnya.

Apa pun keadaannya, yang penting kita amalkan sifat bersabar, berusaha, berdo'a dan bertawakal dalam menghadapi 'pahit manis kehidupan'. Mudahan-mudahan sahaja ungkapan orang tua-tua yang mengatakan 'rezeki ada di mana-mana, asalkan rajin berusaha' dapat menjadi pelepasan kepada kita untuk mencari rezeki lebih.

Allah Maha Pemurah, sewaktu-waktu nikmat dan rezeki kurnia-Nya datang tanpa diduga. Tahu-tahu rezeki dan pendapatan semakin bertambah. Itulah rahmat dan nikmat Allah yang Maha Luas. Sudah menjadi lumrah kehidupan, di sebalik 'kesusahan dan kegelisahan' itu akan ada 'kesenangan dan kegembiraan'.

Cuma apa yang patut kita lakukan jika rezeki bertambah ialah jangan lupa bersyukur, elakkan dari boros dan membazir, hulurkan sedekah dan sumbangan kepada mereka yang memerlukan serta lakukan perkara-perkara berkebaikan. Itu namanya bersyukur nikmat Allah. Harta yang disedekahkan tidak akan kehabisan malah Allah akan mengurniakan rezeki yang lebih banyak dan melimpah-limpah.

Akhir kata, 'sentiasa bersikap positif dalam menghadapi apa jua cabaran'.

TEKAD PEMEDULIAN ORANG RAMAI (TPOR)

JABATAN PERKHIDMATAN KESIHATAN,
KEMENTERIAN KESIHATAN
Unit Kesihatan Pelabuhan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar
Bahagian III

| BIL. | PERKHIDMATAN | TPOR |
|------|--|-------|
| 1. | Memproses pemeriksaan siji 'Deratting' | 5 jam |
| 2. | Memeriksa kapten dan atak buah kapal (crew) untuk memastikan mereka sihat daripada penyakit berjangkit | 4 jam |



KOMPENI Askar Wanita ditubuhkan pada 29 Jun 1981. Pengambilan pertama terdiri daripada enam orang anak tempatan yang dilantik sebagai Pegawai Kadet. Mereka menjalani latihan selama lapan bulan di Women's Royal Army College (WRAC), Camberley. Walau bagaimanapun hanya lima orang yang berjaya menamatkan latihan (tiga orang pada 10 Disember 1981 dan dua orang pada 7 April 1982). Mereka dilantik menjadi Leftenan Muda dan ditempatkan di Markas Pasukan Askar Wanita sebagai Pegawai Pelatun Rekrut.

Dalam tempoh yang sama 22 orang Rekrut Askar Wanita pengambilan pertama (gambar kiri, bersama Pegawai Memerintah Pasukan Kompeni Askar Wanita, Mejar R.D. Patrick) mula menjalani latihan di cawangan latihan Pasukan Askar Wanita di Bolkuah Garrison selama enam bulan yang dikendalikan jurulatih lelaki dan lima orang Askar Wanita British. Mereka menamatkan latihan pada 12 Februari 1982. Seramai 10 orang daripada mereka dilantik ke pangkat Lans Koperal sebagai jurulatih rekrut dan selebihnya menjadi tukang masak, penjaga stor, kerani dan pemandu.

Sumber: Buku 'Kompeni Askar Wanita'. Diterbitkan sempena Ulang Tahun Penubuhan Kompeni Askar Wanita, Angkatan Tentera Perkhidmatan Bersenjata Diraja Brunei. (2001: 1, 8, 10 & 19).

MARILAH kita meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah Subhanahu Wataala dengan penuh keyakinan dan keikhlasan dengan melakukan segala suruhan-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita menjadi insan yang bertakwa dan beriman serta selamat di dunia dan selamat di akhirat.

Islam adalah agama yang mencintai kedamaian dan keamanan dan membenci permusuhan. Keamanan, kesentosaan dan kestabilan hidup rakyat merupakan harapan dan hasrat setiap negara, baik negara kecil mahupun besar, sama ada ia negara Islam ataupun bukan Islam. Keseluruhannya mengharap keamanan dan kemakmuran.

Itulah juga yang menjadi impian dan idaman negara kita Negara Brunei Darussalam, ke arah mencapai dan merealisasikan maksud tersebut di antaranya ialah dengan penubuhan pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei yang kuat dan lengkap, bukan sahaja dari segi peralatan yang serba canggih dan moden, tetapi juga kuat dari segi jasmani dan rohani. Kekuatan iman juga amat penting kerana sejarah silam telah membuktikan bahawa kekuatan dan kemenangan sebenar tentera Islam bukanlah terletak kepada keramaian tentera dan kecanggihannya peralatan perangnya tetapi berpunca dari kekuatan iman, keikhlasan dan kejujuran, taat kepada ketua dan yang penting berjuang kerana Allah Subhanahu Wataala.

Di dalam Islam wujudnya pasukan bersenjata bukanlah niat untuk melakukan pencerobohan dan penganiayaan terhadap sesiapa, tetapi digunakan bagi mempertahankan diri dan negara dari ancaman, pengkhianatan dan pencerobohan.

Dalam hal inilah berlakunya salah faham sehingga timbul tuduhan dan tanggapan sinis yang mengatakan Islam itu disebar dengan kekerasan, kezaliman dan Islam itu mengalakkan peperangan. Mereka mendakwa Islam tersebar adalah dengan peperangan.

Bagi membetulkan salah faham yang berlaku ini, perlulah diketahui dan difahami prinsip sebenar peperangan dalam Islam. Islam tidak akan memerangi sesiapa tetapi akan berjihad (berjuang) jika diperingi. Peperangan dalam Islam tidak boleh berlaku dan tidak boleh dicituskan melainkan atas sebab-sebab tertentu seperti mempertahankan diri dan menentang pencerobohan, mempertahankan diri dari penganiayaan dan kezaliman dan menegakkan keadilan. Islam melarang peperangan untuk tujuan meluaskan kuasa, pengaruh atau jajahan takluk, begitu juga melarang peperangan kerana membalas dendam, sehingga membuat permusuhan, kehancuran dan pemusnahan.

Islam membolehkan jihad bersenjata dilakukan apabila orang Islam diperingi dan dizalimi, dihalau dari kampung halaman dan rumah mereka, harta dirampas, ditegah dari beriman kepada Allah Subhanahu Wataala dan berlaku pencerobohan terhadap masjid. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Hajj ayat 39 - 40 yang tafsirannya:

"Dizinkan peperangan bagi orang-orang Islam yang diperingi oleh golongan penceroboh kerana sesungguhnya mereka telah dianiaya dan sesungguhnya Allah amat berkuasa untuk menolok"

KEAMANAN, KEMAKMURAN, HARAPAN DAN HASRAT NEGARA

mereka mencapai kemenangan, iaitu mereka yang diusir dari kampung halamannya dengan tidak berdasarkan sebarang alasan yang benar, mereka diusir semata-mata kerana mereka berkata Tuhan kami ialah Allah."

Jelas kepada kita bahawa Islam mengharuskan perang apabila dalam keadaan terpaksa bagi mempertahankan diri, menegakkan keadilan dan mempertahankan akidah. Islam menggariskan batas-batas yang mesti dipatuhi dan diikuti ketika perang. Jika musuh ingin berdamai, maka orang Islam wajib menghentikan peperangan. Orang Islam diperintahkan supaya tidak melakukan permusuhan dan mencabul hak orang lain. Peperangan bukanlah cara hidup orang Islam. Peperangan adalah pilihan terakhir setelah tidak ada jalan penyelesaian.

Islam adalah agama keamanan dan menuntut supaya setiap umatnya

berusaha ke arah keamanan, tanpa mengira agama, bangsa dan negara, selagi kehormatan agama Islam dan keamanan orang Islam terjamin dan tidak dicabuli. Allah Subhanahu Wataala berfirman dalam Surah Al-Baqarah ayat 190 yang tafsirannya:


"Dan perangilah kerana menegakkan dan mempertahankan agama Allah akan orang-orang yang memerangi kamu, dan janganlah kamu menceroboh dengan memulakan peperangan kerana sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang menceroboh."

Sesungguhnya tugas sebagai tentera adalah amat mulia, tugas yang mereka pikul amat besar ganjarannya apatah lagi jika disertai dengan niat ikhlas kerana Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala

dalam Surah Ash-Shaff ayat 10-11 yang tafsirannya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Mahukah Aku tunjukkan sesuatu perniagaan yang boleh menyelamatkan kamu dari azab seksa yang tidak terperi sakitnya? Iaitu kamu beriman kepada Allah dan Rasul-Nya serta kamu berjuang membela dan menegakkan agama Allah dan harta benda dan diri kamu, yang demikian itulah yang lebih baik bagi kamu, jika kamu hendak mengetahui hakikat yang sebenarnya."

Ketahuilah, jika ditakdirkan gugur dalam berjuang menentang musuh kerana negara dan mempertahankan kesucian agama Islam, gugurnya adalah mati syahid, ganjarannya ialah dosanya diampunkan sebaik sahaja titisan darah yang pertama



mengalir dan mendapat balasan yang setimpal daripada Allah Subhanahu Wataala. Bayangkan bagaimana keinginan salah seorang pahlawan Islam yang masyhur iaitu Khalid bin Al-Walid di mana beliau menangis pada akhir hayatnya disebabkan kematiannya di atas tilam di hadapan keluarganya, kerana ia merasakan kematiannya sedemikian itu sebagai seorang pengecut, sedangkan ia lebih senang mati di medan peperangan sebagai seorang pahlawan. Begitulah betapa istimewa kedudukan orang yang mati syahid sehingga diidamkan oleh seorang pahlawan Islam. Pada hakikatnya sesiapa yang terkorban dalam perjuangan membela agama, mereka tidaklah mati, bahkan mereka hidup dengan keadaan yang istimewa di sisi Allah Subhanahu Wataala. Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 169

yang tafsirannya:

"Dan janganlah sekali-kali engkau menyangka orang-orang yang terbunuh yang gugur syahid pada jalan Allah itu mati, mereka tidak mati bahkan mereka adalah hidup secara istimewa di sisi Tuhan mereka dengan mendapat rezeki."

Semangat perwira seharusnya bukan hanya ada pada tentera tetapi perlu ada pada semua lapisan masyarakat kerana negara memerlukan rakyat yang mahu berjuang dan berkorban bagi mempertahankan negaranya. Oleh itu perasaan cinta pada agama, raja dan negara perlu disemai, nilai kemerdekaan dan keamanan perlu dihargai. Jadikanlah pemuda pemudi negara ini pemuda pemudi yang cergas dan gagah dari segi fizikal dan mental.

Marilah kita sama-sama menanamkan sema-

ngat cinta pada agama, cinta pada kemerdekaan, negara dan bangsa, kerana dengan demikian akan lahir perasaan kasih dan rela berkorban. Kita berdoa semoga negara kita yang tercinta ini sentiasa di bawah lindungan dan pemeliharaan Allah Subhanahu Wataala yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang. Amin Ya Rabbalalamin.

Firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Ali 'Imran ayat 139 yang tafsirannya:

"Dan janganlah kamu merasa lemah dalam perjuangan mempertahankan dan menegakkan Islam, dan janganlah kamu berdukacita terhadap apa yang akan menimpa kamu, pada hal kamulah orang-orang yang tertinggi mengatasi musuh dengan mencapai kemenangan jika kamu orang-orang yang sungguh-sungguh beriman."

وقت سمبهیغ، امساک، شوروق دار ضر

وقت ۲ سمبهیغ، امساک، شوروق دان ضحی باگی دائره برونی دان موارا مولای دری هاری رابو، 23 ربیع الآخر، 1426 برسمان دغن
1 جون، 2005 هیگ کھاری ثلاث، 29 ربیع الآخر، 1426 برسمان دغن 7 جون، 2005 اداله سفرت دباوه این:-

| هجره | ظهر | عصر | مغرب | عشاء | امساک | صبح | شوروق | ضحی | مسیحی |
|------------|-------|------|------|------|-------|------|-------|------|-------|
| ربیع الآخر | | | | | | | | | جون |
| 23 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 1 |
| 24 | 12.19 | 3.44 | 6.30 | 7.45 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 2 |
| 25 | 12.19 | 3.45 | 6.30 | 7.45 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 3 |
| 26 | 12.20 | 3.45 | 6.30 | 7.46 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 4 |
| 27 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 5 |
| 28 | 12.20 | 3.45 | 6.31 | 7.46 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 6 |
| 29 | 12.20 | 3.46 | 6.31 | 7.47 | 4.33 | 4.43 | 6.06 | 6.31 | 7 |

وقت ۲ سمبهیغ باگی دائره توتوغ دتمبه ساتو مینیت دان دائره بلایت دتمبه تیگ مینیت، سمبهیغ فرض جمعة دسلوره نگارا برونی
دارالسلام دمولای دری فوکل 12.45 تغھاری.

JELAS kepada kita bahawa Islam mengharuskan perang apabila dalam keadaan terpaksa bagi mempertahankan diri, menegakkan keadilan dan mempertahankan akidah. Islam menggariskan batas-batas yang mesti dipatuhi dan diikuti ketika perang. Jika musuh ingin berdamai, maka orang Islam wajib menghentikan peperangan. Orang Islam diperintahkan supaya tidak melakukan permusuhan dan mencabul hak orang lain. Peperangan bukanlah cara hidup orang Islam. Peperangan adalah pilihan terakhir setelah tidak ada jalan penyelesaian.



IRSYAD HUKUM

DARI JABATAN MUFTI KERAJAAN
JABATAN PERDANA MENTERI
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Website: WWW.brunet.bn/gov/mufti
E-mail : mufti@brunet.bn
Fatwa@brunet.bn

Bilangan 205 Bahagian Pertama

(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda).

GURAUAN atau bergurau bermaksud percakapan secara bermain-main, bersenda, berjenaka, berkelakar atau berolok-olok. Antara sebab kita bergurau adalah untuk mengembirakan hati orang atau untuk membuat orang ketawa.

Sesungguhnya gurau senda itu sesuatu yang diharuskan dalam Islam kerana naluri dan fitrah manusia memerlukan hiburan untuk memperolehi kesejahteraan, ketenangan dan terlepas daripada kesusahan dan ketegangan.

Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam

SENDA GURAU: DI MANA BATASNYA?

yang menjadi ikutan kita juga pernah bergurau dan hidup bersama sahabat-sahabat Baginda dengan kehidupan fitrah yang biasa. Baginda Sallallahu Alaihi Wasallam ketawa, bergurau senda dengan sahabat-sahabat Baginda seperti mana Baginda berkongsi kesedihan, kesusahan dan musibah.

Cuba kita lihat antara senda gurauan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, seperti hadis yang diriwayatkan oleh Imam At-Tirmidzi dalam Kitab As-Syama'il yang maksudnya:

Al-Hassan telah berkata: "Seorang perempuan tua telah datang kepada Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, lalu berkata: Wahai Rasulullah! Berdoalah kepada Allah supaya aku dapat masuk Syurga."

Maka Rasulullah bersabda: "Wahai Ibu Fulan! Sesungguhnya orang tua tidak boleh masuk Syurga."

Al-Hassan berkata (menceritakan): Lalu menangislah si perempuan tua itu.

Maka dengan segera Rasulullah bersabda: "Katakan kepada perempuan itu, bahawa sesungguhnya dia tidak akan masuk Syurga dalam keadaan dia tua." Lalu dibacakan firman Allah Taala yang tafsirnya: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan isteri-isteri mereka dengan ciptaan istimewa serta Kami

jadikan mereka sentiasa dara (yang tidak pernah disentuh), yang tetap mencintai jodohnya serta yang sebaya umurnya." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Dalam senda gurauan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam yang lain lagi ialah seperti yang diriwayatkan daripada 'Anas Radiallahuanhu oleh Imam At-Tirmidzi yang maksudnya:

"Sesungguhnya seseorang meminta kenderaan kepada Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam, maka Baginda bersabda: Sesungguhnya aku membawamu di atas anak unta betina."

Lalu dia (orang itu) berkata: "Apa yang dapat saya buat di atas anak unta betina?"

Baginda menjawab: "Bukankah yang melahirkan unta jantan tua itu, hanyalah unta betina (iaitu ibunya dan unta jantan tua itu ialah anaknya)?" (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Dalam satu peristiwa yang lain lagi bahawa Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam telah bersenda gurau dengan memanggil 'Anas Radiallahuanhu orang yang memiliki dua telinga yang maksudnya:

"Sesungguhnya Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam berkata kepadanya: Wahai orang

yang memiliki dua telinga." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Di dalam hadis ini Rasulullah memanggil 'Anas Radiallahuanhu dengan 'dua telinga' bermaksud orang yang mendengar dengan bersungguh-sungguh dan memberi perhatian apa yang dicakapkan kepadanya.

Dari kisah-kisah ini dapat kita lihat bagaimana Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bergurau tetapi dalam perkara yang benar (bukan perkara yang dusta). Bahkan ia adalah disunatkan untuk menyenangkan hati orang lain.

Walaupun bagaimanapun Islam melarang kita daripada bergurau senda yang berlebihan atau bergurau terhadap perkara yang sia-sia kerana gurauan itu boleh membuatkan orang ketawa berlebihan dan boleh menyebabkan keras hati serta melaikan daripada berzikir mengingati Allah. Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam berpesan yang maksudnya:

"Janganlah kamu banyak ketawa kerana sesungguhnya banyak ketawa itu mematkan hati." (Hadis riwayat At-Tirmidzi).

Jadi, walaupun bergurau senda dibolehkan oleh syarak, namun terdapat batasan atau syarat-syarat yang harus dijaga supaya kita tidak berlebihan dalam bergurau.

BERSAMBUNG

Buruk sangka, tuduh-menuduh jejaskan perpaduan Islam

DI ANTARA beberapa sifat yang tidak disukai oleh agama Islam dan ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala ialah buruk sangka dan tuduh-menuduh antara satu sama lain khususnya di kalangan sesama Islam kerana dengan sifat tersebut akan menjejaskan perpaduan serta meruntuhkan nilai persaudaraan dan kemasyarakatan di kalangan umat Islam. Firman Allah Subhanahu Wataala yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman! Jauhilah kebanyakan dari sangkaan (supaya kamu tidak menyangka sangkaan yang dilarang) kerana sesungguhnya sebahagian dari sangkaan itu adalah dosa dan janganlah kamu mengintip atau mencari-cari kesalahan dan keaiban orang lain, dan janganlah kamu mengintip atau mengumpat sesetengahnya yang lain. Adakah seseorang dari kamu suka memakan daging saudaranya yang telah mati? (Jika demikian keadaan mengumpat) maka sudah tentu kamu jijik kepadanya. (Oleh itu, patuhilah larangan-larangan yang tersebut) dan bertakwalah kamu kepada Allah; sesungguhnya Allah penerima taubat, lagi Maha Mengasihani." (Surah Al-Hujurat ayat 12).

Ayat ini menekankan bahawa tiga sifat yang keji yang boleh menjejaskan perpaduan dan merosakkan masyarakat iaitu:

1. Sifat buruk sangka
2. Mengintip atau mencari kesalahan orang lain
3. Mengumpat atau membuat umpatan antara satu dengan lain

Suatu hal yang menjadi kenyataan kepada kita ialah dengan tindakan buruk sangka akan membawa kepada keadaan selanjutnya dengan tuduh-menuduh, di mana apabila sudah berlaku tuduh-menuduh, terutama di kalangan sesama masyarakat Islam maka tidak ada sebarang

keuntungan yang diperolehi dari keadaan tersebut, malahan mendatangkan kehancuran dan perpecahan sesama sendiri. Lazimnya buruk sangka dan tuduh-menuduh ini berlaku di dalam sesebuah masyarakat itu berpunca dari perasaan hasad dengki atau sifat bangga diri, tidak sudi menerima kebenaran, dan di samping memandang hina kepada manusia yang lain, seperti mana yang dijelaskan dalam sabda Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam yang bermaksud:

"Bangga diri itu ialah sombong dengan tidak mahu menerima kebenaran dan memandang hina kepada sesama manusia." (Riwayat Al-Imam Muslim).

Sesungguhnya hasad dengki dan iri hati itu tidak akan memperolehi sesuatu

yang menguntungkan dari masyarakat melainkan kecelaan dan kehinaan. Ia tiada memperolehi sesuatu dari para Malaikat melainkan laknat dan kebencian, ia tidak mendapat sesuatu dari manusia melainkan kehampaan dan penyesalan dan akhirnya ia tidak memperolehi sesuatu di Hari Akhirat kelak melainkan rasa malu dan penyesakan.

Oleh kerana itu adalah amat dituntut dalam Islam agar kita tidak menyimpan sangkaan buruk dan tuduh-menuduh sesama sendiri kecuali setelah terbukti kenyataan terhadap seseorang itu. Ketika itu bukanlah lagi merupakan sangkaan dan tuduhan tetapi suatu kenyataan yang harus dihadapi dengan nasihat dan bimbingan Islam bersama petunjuk Al-Quran serta

OLEH kerana itu adalah amat dituntut dalam Islam agar kita tidak menyimpan sangkaan buruk dan tuduh-menuduh sesama sendiri kecuali setelah terbukti kenyataan terhadap seseorang itu. Ketika itu bukanlah lagi merupakan sangkaan dan tuduhan tetapi suatu kenyataan yang harus dihadapi dengan nasihat dan bimbingan Islam bersama petunjuk Al-Quran serta Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana itulah kebenaran dan itulah penyelesaian.

متوجو كرىضان الله
Menuju Keredaan Allah
كلوان قوسه دعوه اسلاميه

Sunnah Nabi Sallallahu Alaihi Wasallam, kerana itulah kebenaran dan itulah penyelesaian.

Apa yang ditakuti oleh umat Islam ialah apabila terdapat buruk sangka dan tuduh-menuduh di dalam sesebuah masyarakat, jika tidak diringi dengan nasihat dan bimbingan Islam, tetapi sebaliknya diikuti dengan intipan mencari kesalahan orang lain yang boleh menimbulkan pula selepas itu pelbagai tohmah dan umpatan, maka pastilah keadaan seumpama itu akan menggugat dan menjejaskan kekuatan serta perpaduan umat itu sendiri. Mencemuh dan merendahkan antara satu sama lain dalam Islam adalah suatu perkara yang ditegah oleh Allah Subhanahu Wataala, apatah lagi kalau melemparkan tuduhan fitnah yang tidak berasas tanpa hujah dan dalil atau dalam perkataan lain tuduhan yang membabi buta.

Ketahuilah setiap penganiayaan yang ditimbulkan oleh seseorang itu tidaklah boleh ditindak balas dengan yang sama, tidak boleh dibalas umpatan dengan mengumpat, mengintip dengan intipan, mencaci dengan maki hamun dan seterusnya terhadap semua maksiat dengan maksiat yang sama pula. Oleh yang demikian jauhi dan hindarilah sifat buruk sangka dan tuduh-menuduh itu, semoga dengan itu kita akan mendapat keselamatan dan kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

IBU BAPA DAN GANGGUAN JIWA KANAK-KANAK

KOMPLEKS jiwa dapatlah kita tukrifkan sebagai kemalangan kejiwaan yang menimpa seluruh struktur peribadi seseorang berikutan daripada beberapa keadaan tertentu yang berlaku di peringkat pertama kanak-kanak. Para sarjana pada masa kini telah pun mendedahkan beberapa kompleks jiwa yang lain seperti kompleks merasa bersalah, kompleks bimbang atau hilang ketenteraman, kompleks hilang keperibadian, kompleks menjauh diri, kompleks kekurangan diri, kompleks tinggi diri dan sebagainya.

Sungguhpun kompleks-kompleks jiwa biasanya terhasil berikutan beberapa krisis atau ancaman atau juga kesulitan hidup, namun pengalaman tidak membuktikan bahawa tingkah laku ibu bapa terhadap kanak-kanak, khususnya dalam usia lima tahun pertama telah menjadi sebab sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam kepincangan peribadi kanak-kanak yang menyebabkan gangguan pada jiwa mereka.

Pada hakikatnya kanak-kanak sering menjadi mangsa ibu bapanya sendiri. Kerana ibu bapa mereka yang berpandangan singkat, kurang pengalaman, salah faham, kelemahan peribadi dan juga cara pendidikan mereka, akhirnya apa yang mereka lakukan menjadi ikutan anak-anak. Tidaklah keterlaluan jika dikatakan bahawa ibu bapa adalah orang yang paling cekap menanamkan kompleks jiwa pada diri anak-anak sama ada mereka sedari atau tidak.

KOMPLEKS MERASA BERSALAH

Kompleks jiwa yang paling utama ditanamkan oleh ibu bapa dalam diri anak-anak ialah kompleks merasa bersalah. Antara tanda-tanda terpenting ialah kegembiraan menghukum diri sendiri. Ini ternyata apabila mereka sedaya upaya berusaha untuk tidak melakukan kesalahan berkenaan.

Apabila ibu bapa menggunakan cara mencela anak secara terus-menerus, ia boleh menimbulkan perasaan bersalah pada diri kanak-kanak. Dalam keadaan ini, ibu bapa haruslah menggunakan sikap yang boleh menimbulkan rasa malu kepada anak-anak berkenaan. Contohnya dengan mengatakan bahawa apa yang telah mereka perbuat itu mendatangkan kealasan kepada mereka.

Atau bayangkan kepada anak-anak berkenaan bahawa kesalahan yang mereka lakukan adalah sesuatu yang boleh menjejaskan seisi keluarga dan mungkin ia akan menerima hukuman. Dengan berbuat demikian kompleks merasa bersalah atau perasaan bersalah akan wujud dalam diri mereka.

KOMPLEKS KEKURANGAN DIRI

Satu lagi kompleks jiwa yang sangat berkait rapat dengan kompleks merasa bersalah ialah kompleks kekurangan diri atau merasa kurang dalam serba-serbi. Di antara tanda-tanda yang terpenting ialah perasaan amat malu dan bimbang untuk menghadapi orang lain serta mengangap pandangan orang lain sebagai suatu hukuman atau kecaman, celaan dan ejekan. Mereka yang memiliki kompleks ini takut kepada masyarakat, orang ramai dan tidak berupaya untuk berkata-kata atau membuat sebarang ulasan. Mereka merasa kekurangan, lemah dan gagal dan ada setengahnya menganggap diri mereka sebagai sasaran ejekan masyarakat.

Kajian telah menunjukkan bahawa ibu bapa telah tanpa menyedari memupuk kompleks ini dalam diri kanak-kanak dengan memupuk kompleks sedemikian selain menanamkan perasaan kekurangan diri atau sentiasa menggunakan celaan dan ejekan serta penghinaan.

Perkataan yang digunakan ketika marah seperti, 'engkau seorang anak yang mengecewakan' atau 'engkau anak yang tak berguna' dan bermacam tohmahan yang lain adalah suatu amalan pendidikan anak yang salah dan boleh merosak serta mengganggu jiwa kanak-kanak. Ini menyebabkan mereka rasa serba kekurangan yang amat sangat kerana orang yang memarahi mereka itu adalah ibu bapa mereka sendiri.

Memang benar ibu bapa berkenaan mungkin menyangka dengan berbuat demikian akan menggalakkan anak-anak mereka supaya mengakui kesalahan mereka masing-masing dan berusaha untuk memperbaikinya. Tetapi kanak-kanak amat jarang menyedari tujuan-tujuan pendidikan di sebalik kata-kata seperti itu. Dengan demikian akan timbul kesan yang sebaliknya. Perbuatan membanding-bandingkan antara anak-anak yang berjaya dengan yang tidak berjaya yang diamalkan oleh sesetengah ibu bapa akan memupuk kompleks kekurangan diri dalam jiwa anak-anak berkenaan.

Dengan yang demikian, ternyata kebanyakan cara pendidikan yang diamalkan oleh ibu bapa dalam mengalah dan menggesa agar anak-anak mereka bersaing adalah cara yang salah dan boleh mengakibatkan bertambahnya perasaan kekurangan diri yang mana mendorong anak-anak berkenaan untuk mengambil satu pilihan lain yang keterlaluan.

KOMPLEKS PERSAINGAN PERSAUDARAAN

Sejak sekian lama para

pakar ilmu jiwa memang menyedari mengenai peranan emosi cemburu dalam kehidupan kanak-kanak. Daripada penyelidikan dalam bidang ilmu berkenaan para pakar ilmu jiwa mengatakan bahawa perasaan cemburu yang tidak sihat dalam jiwa kanak-kanak disebabkan oleh persaingan yang tidak sihat yang wujud di antara seorang anak dan adik-beradiknya.

Perkara ini jelas jika kita amat-amati sikap dan tingkah laku kanak-kanak. Apabila salah seorang daripada adik-beradiknya diberikan perhatian, yang lain sama ada si abang atau si adik akan mula melakukan tindakan yang luar dari kebiasaan. Atau contoh yang lebih jelas lagi apabila hadirnya orang baru dalam keluarga, si anak yang biasanya diberikan tumpuan perhatian akan merasa terancam.

Cara pendidikan ibu bapa dengan menggunakan persaingan dengan alasan untuk menggalakkan anak maju ke depan telah terbukti kerap menyebabkan timbulnya semangat kebencian adik-beradik terutamanya jika ibu bapa memperlihatkan sikap menyangkan dan membanding-bandingkan anak secara terang-terangan.

KOMPLEKS KEHILANGAN KEPERIBADIAN

Kompleks kehilangan keperibadian ialah kesukaran untuk membuktikan diri sendiri melalui peribadi yang bebas untuk memikul tanggungjawab, yang biasanya merupakan hasil pengaruh buruk keadaan sekeliling terutamanya melalui pihak kedua-dua ibu bapa sehingga seorang anak remaja sukar menjalani penghidupannya dengan baik.

Kompleks ini menje-

laskan bahawa adalah sesuatu yang terbaik bagi anak-anak berkenaan membesar dengan keperibadian mereka yang bebas tetapi terarah. Ibu bapa yang terlalu memberat dan membebani akan-anak untuk menajadi apa yang mereka inginkan adalah satu langkah pendidikan yang salah.

Cara yang digunakan oleh sesetengah ibu bapa untuk melenyapkan peribadi yang diinginkan oleh anak-anak adalah satu cara bahaya yang boleh menghalang pertumbuhan kanak-kanak. Ia juga akan menjadi halangan bagi mereka untuk membuktikan identiti dirinya melalui jalannya sendiri.

Dengan pendidikan sedemikian, ibu bapa telah menanamkan dalam diri anak-anak sikap untuk terus bergantung kepada ibu bapa, menyebabkan anak-anak berkenaan bimbang dan takut untuk menghadapi sebarang cabaran dan belum bersedia untuk meningkatkan naungan keluarga.

KOMPLEKS BIMBANG

Perasaan selamat dan tenteram adalah sangat penting dan adalah menjadi asas utama dalam proses pertumbuhan anak-anak yang sihat. Perkembangan kanak-kanak yang sihat hanya dapat dicapai jika ada jaminan keselamatan dan ketenteraman.

Apabila ibu bapa dengan sengaja memperlihatkan banyak fenomena kegelisahan, kebimbangan dan kekusangan terhadap anak-anaknya, dan juga mendedahkan masalah-masalah dan ekonomi mereka di depan anak-anak, maka sebenarnya mereka telah juga menyebarkan semangat kegelisahan, ketakutan dan ketidaktenteraman dalam jiwa anak-anak mereka. Mereka akan menjadi ku-



Kelolaan Haji Dayang Haji Kasim
dayang.kasim@information.gov.bn

rang yakin kepada diri mereka sendiri.

Dengan yang demikian ternyata bahawa kehilangan kepercayaan kanak-kanak terhadap dirinya sendiri dan orang lain serta perasaan mereka akan menjadi terganggu iaitu satu tanda penyakit jiwa yang berakibat dari perlakuan ibu bapa mereka.

Perasaan selamat dan tenteram adalah berkait rapat dengan kasih sayang ibu bapa dan penjagaannya yang berkekalan terhadap anaknya, terutama dalam tempoh lima tahun pertama. Jika suasana kasih sayang ibu bapa, kemesraan dan simpatinya kepada anak-anaknya itu tidak ada, maka si anak pasti akan menghadapi tekanan kompleks kebimbangan. Sebarang keretakan yang berlaku dalam keluarga atau hubungan ibu bapa dengan anak akan mendatangkan kesan yang kekal di sepanjang penghidupan anak berkenaan dalam bentuk hilang kepercayaan.

Dengan yang demikian, setiap didikan yang menyebabkan semangat kebimbangan, ketakutan terhadap masa depan dan terhadap kegagalan pasti akan tertanam dalam jiwa kanak-kanak dan menjadi kompleks kebimbangan, kehilangan ketenteraman dan sebagainya.



Kelolaan: Sahari Akim dan Siti Seri Leila
Imelda Farrah Zohre binti Haji Abdullah

SEAMEO-VOCTECH BERPERANAN MEMBERIKAN PENGIKTIRAFAN ICDL

PUSAT Serantau SEAMEO-VOCTECH ditubuhkan pada 28 Ogos 1990 di Negara Brunei Darussalam bertanggungjawab untuk meningkatkan dan memperbaiki kualiti Pendidikan Vokasional dan Teknikal serta Latihan melalui pembangunan sumber manusia.

Dalam hubungan ini, objektif utamanya ialah menggalakkan pendidikan kejuruan pendidikan vokasional dan teknikal serta latihan. Pusat ini mengendalikan program-program latihan di mana para peserta yang bersesuaian boleh membina potensi selain melengkapkan diri dengan kemahiran-kemahiran yang dikehendaki.

Sejajar dengan pertumbuhan era globalisasi dan penekanan kuat terhadap IT, pusat ini memastikan untuk menjadi 'frontline' dengan menggalakkan secara ekstensif kegiatan-kegiatan ICT dan diberikan tauliah sebagai pusat pemeriksaan bagi kemahiran komputer antarabangsa di Brunei Darussalam.

Penubuhan SEAMEO-VOCTECH sebagai pusat pemeriksaan ialah untuk memberikan sebanyak mungkin 'standard antarabangsa' (ICDL) kepada masyarakat Brunei. Kemajuan masa depan sejagat akan ditentukan tenaga kerja yang berkemahiran dan berkebolehan dalam bidang komputer serta ditingkatkan melalui perkhidmatan ICDL dan produk-produk yang ada.

Lesen Memandu Komputer Antarabangsa, (International Computer Driving Licence - ICDL) ialah Sijil Teknologi Maklumat yang memperakui bahawa perseganggu mempunyai pengetahuan mengenai konsep penting IT dan berkebolehan menggunakan aplikasi-aplikasi komputer persendirian (PC) pada tahap kemampuan yang diiktiraf. Kelulusan ICDL yang diiktiraf di seluruh dunia itu membolehkan individu-individu untuk menyerahkan kemampuan dan kemahiran-kemahiran komputer.

Antara matlamat Pentauliah SEAMEO-VOCTECH sebagai Pusat Pemeriksaan ICDL ialah untuk meningkatkan kemampuan IT di peringkat peribadi; meningkatkan produktiviti di tempat kerja; mengurangkan kos sokongan IT; membolehkan para pekerja meningkatkan efisiensi dalam IT dan mewujudkan 'tangible bench mark' kepada pengguna komputer yang berkemahiran.

Kebanyakan kerja ketika ini menghendaki individu memiliki pengetahuan dan pengalaman menggunakan PC. Para majikan menghendaki pekerja berpengetahuan dan berpengalaman pada tahap yang diperlukan untuk menjalankan tugas mereka dengan memuaskan. ICDL ialah laluan yang membuktikan standard yang dicapai.

Antara kepentingan-kepentingan ICDL ialah standard kemahiran mendapat pengiktirafan antarabangsa dan diiktiraf oleh 67 buah negara di samping penerimaan ijazahnya semakin bertambah dari bulan ke sebulan; menyedia 'tangible' dan kaedah objektif bagi penilaian kemahiran; sukatan pelajaran direka bentuk meliputi pelbagai kemahiran dalam bidang-bidang aplikasi berlainan tanpa rujukan khusus kepada produk-produk tertentu; mengurangkan perbelanjaan di mana pekerja terlatih tidak perlu memanggil tenaga pakar dari luar ketika menghadapi masalah harian; tidak memerlukan majikan untuk mengadakan penilaian kepada para pekerja untuk menentukan tahap kemahiran mereka dalam bidang komputer; pekerja celik komputer sentiasa bersedia menerima perubahan sistem baru dan pekerja yang berkecayaan adalah lebih produktif.

Manfaat ICDL kepada pekerja ialah memamparkan kemampuan kemahiran komputer yang mendapat pengiktirafan antarabangsa. Ia meningkatkan prospek pekerja untuk memasuki pasaran kerja terutama bagi pekerja baru atau jika mereka berhasrat bertukar kepada jawatan baru. Selain dari itu ia juga dapat meningkatkan pencapaian dan motivasi.

Sukatan pelajaran ICDL meliputi konsep-konsep utama perkomputeran, aplikasi praktikal dan penggunaannya di tempat kerja dan masyarakat umumnya. Sukatan pelajaran dibahagikan kepada tujuh modul di mana peserta diwajibkan lulus sebelum sijil ICDL diamugerahkan. Peperiksaan boleh diambil serentak kesemuanya tetapi mesti dihabiskan selama tiga tahun. Latihan bagi modul-modul tersebut disediakan bagi mereka yang berhasrat.

ICDL dibukakan kepada semua orang tanpa mengira umur, jantina, pendidikan, pengalaman atau latar belakang. Tujuh modul tersebut meliputi Konsep-konsep Asas IT; Penggunaan Komputer dan Pengurusan Fail-fail; Word Processing; Spreadsheets; Database; Presentation dan Informasi dan Komunikasi.

SEAMEO-VOCTECH merupakan pusat yang berkemampuan bagi pentauliah ICDL dengan kemudahan-kemudahan dan kemampuan-kemampuan yang terdapat di pusat tersebut. Pusat itu mempunyai pakar-pakar untuk mengendalikan latihan. Ia mempunyai dua buah makmal komputer dilengkapi sistem rangkaian dan semua komputer disambungkan kepada internet.

Talian internet mempunyai konktiviti 24 jam, dilengkapi kemudahan-kemudahan multimedia. Ia digunakan semasa latihan. Peralatan latihan lain termasuklah kamera digital, scanner dan multimedia projector.



MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ... MINDA PEMBACA ...

Menangani kanak-kanak bising semasa Sembahyang Jumaat

SEMBAHYANG Jumaat adalah wajib bagi kaum lelaki yang beragama Islam dan cukup syaratnya. Kita selaku rakyat yang beragama Islam sudah tentunya mempunyai tanggungjawab untuk memastikan sembahyang Jumaat itu didirikan tanpa sebarang sebab yang munasabah. Jika kita melihat di masjid-masjid pada setiap waktu sembahyang Jumaat, kita patutlah berasa bangga tentang kesedaran rakyat di negara ini dalam menunaikan kewajipan beragama. Mereka yang pergi ke masjid itu bukan sahaja dari golongan belia dan orang-orang dewasa tetapi juga meliputi golongan kanak-kanak. Masalahnya di sini ialah terdapat sebilangan kanak-kanak yang hadir itu bermain-main dan membuat bising sehingga jemaah yang lain terasa terganggu.

Kehadiran kanak-kanak di masjid-masjid termasuk semasa sembahyang Jumaat bukanlah suatu larangan, malahan ia merupakan latihan bagi mereka untuk berjinak-jinak dengan masjid. Memanglah sudah menjadi tabiat atau kelakuan kanak-kanak suka bermain-main, lebih-lebih lagi apabila berjumpa dan bertemu bersama kawan-kawan mereka dengan tidak mengira tempat dan waktu. Dalam menangani masalah kanak-kanak bising semasa sembahyang Jumaat, ia merupakan tanggungjawab dan kerjasama semua pihak iaitu pihak masjid, orang tua, kanak-kanak dan orang ramai secara amnya.

Pihak masjid melalui Jawatankuasa Takmir Masjid perlulah berusaha untuk sentiasa membuat kawalan dan pengawasan ke atas kanak-kanak yang datang ke masjid dengan memberi nasihat dan arahan-arahan yang berpatutan serta menyediakan tempat-tempat yang khas dan bersesuaian untuk kanak-kanak tersebut kerana sembahyang Jumaat ditunaikan secara berjemaah dan kanak-kanak yang belum cukup syarat boleh menjayakan pahala sembahyang berjemaah.

Ayah kanak-kanak yang ikut ke masjid adalah juga memainkan peranan yang utama dalam menangani masalah bising. Adapun pendidikan itu bermula dari rumah dan dalam hubungan ini, ibu bapa hendaklah sen-

tiasa memberi tunjuk ajar dan nasihat mengenai hukum-hukum sembahyang dan tata tertib semasa berada di masjid. Tambahan kepada itu, penanaman sifat-sifat yang baik dan positif kepada kanak-kanak adalah perlu bagi melahirkan manusia yang berakhlak mulia dan dengan sedemikian akan dapat menyedarkan mereka untuk berkelakuan baik di mana sahaja mereka berada termasuk dalam masjid. Para bapa yang membawa anak-anak mereka ke masjid hendaklah sentiasa mengawasi anak-anak mereka yang membawanya duduk berdekatan dengannya di tempat-tempat yang bersesuaian.

Kanak-kanak yang merupakan sumber penyebab kebisingan itu juga mempunyai peranan penting di mana mereka perlulah mendengar serta patuh kepada arahan serta nasihat yang diberikan kepada mereka termasuklah pembelajaran agama yang mereka pelajari di sekolah-sekolah agama. Mereka patutlah mengamalkan sikap dan peradaban yang diajarkan serta hendaklah sentiasa ingat-mengingati

sesama kawan-kawan supaya berkelakuan baik semasa berada dalam masjid.

Orang ramai yang datang untuk bersembahyang Jumaat juga perlu memainkan peranan masing-masing dalam mengatasi masalah kebisingan kanak-kanak tersebut dengan secara baik lemah lembut dengan teguran dan memberi nasihat kepada kanak-kanak berkenaan. Schubungan itu para bapa janganlah pula berasa kecil hati atau marah apabila anak-anak mereka ditegur oleh orang lain.

Justeru itu, untuk mengatasi masalah kebisingan semasa sembahyang Jumaat bukanlah diserahkan bulat-bulat kepada sebelah pihak malahan ia memerlukan kerjasama melalui pelbagai pihak pegawai, tegur-menegur dan nasihat-menasihati hendaklah sentiasa dilakukan bermula dari rumah.

Mahmud bin Haji Ibrahim,
No. 11A, Jalan Serusop,
Kampong Serusop,
BB 2313.
No. k/p : 00-042584

Pemeduliaan semua pihak perlu bagi tingkatkan kesedaran

SEMBAHYANG atau dalam bahasa Arabnya 'solat' adalah Rukun Islam yang kedua. Sembahyang lima kali sehari adalah diwajibkan kepada sekalian orang-orang Islam yang sudah akil baligh. Sesungguhnya sembahyang itu merupakan ibadat yang tinggi sekali menurut pengajaran Islam kerana ianya merupakan tiang agama, seperti yang disabdakan oleh Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam diriwayatkan oleh Al-Baihaqi yang bermaksud:

"Sembahyang itu adalah tiang agama. Siapa yang mendirikannya, sesungguhnya ia membina agama dan siapa yang meruntuhkannya sesungguhnya ia meruntuhkan agama."

Dalam pada itu, hari Jumaat adalah penghulu segala hari. Hari yang banyak kelebihan dan kebesaran yang diberikan oleh Allah Subhanahu Wataala. Pada hari Jumaat Allah Subhanahu Wataala telah menjadikan Nabi Adam Alaihissalam iaitu bapa segala manusia. Hari Jumaat juga adalah hari pengampunan daripada Allah Sub-

hanahu Wataala kepada umat Islam baik yang masih hidup mahupun yang telah meninggal dunia. Pada hari itu juga terdapat satu saat di mana segala doa dan permohonan kepada Allah Subhanahu Wataala akan dimakbulkan kecuali perkara-perkara haram dan maksiat.

Sembahyang Jumaat hukumnya Fardu Ain yang diwajibkan ke atas lelaki yang memenuhi syarat. Sebagaimana firman Allah Subhanahu Wataala dalam Surah Al-Jumu'ah ayat 9 yang tafsirnya:

"Wahai orang-orang yang beriman apabila diserukan azan untuk mengerjakan sembahyang pada hari Jumaat, maka segeralah kamu pergi ke masjid untuk mengingati Allah dengan mengerjakan sembahyang Jumaat dan tinggalkanlah berjual beli pada saat itu, yang demikian adalah baik bagi kamu, jika kamu mengetahui hakikat yang sebenarnya."

Dalam keghairahan kita umat Islam mengerjakan ibadat yang mendapatkan pahala dan keridaan Allah Subhanahu Wataala elok juga kita mengetahui ting-

TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA AKAN DATANG

1. 'Membenters Negara dan Amalan Rasuah'.
Tarikh tutup 8 Jun 2005.

2. 'Berbakti Kepada Tanah Pasti Mendapat Hasilnya'. Tarikh tutup 15 Jun 2005.

Pendapat awda hendaklah ditaip jarak langkau dua baris dan panjang pendapat awda mestilah antara 300 hingga 500 patah perkataan. Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap dan nombor telefon jika ada hendaklah disertakan dan hendaklah dihantar kepada :

Sidang Penyunting,

Minda Pembaca,

Unit Pelita Brunei,

Jabatan Penerangan,

Lapangan Terbang Lama, Berakas,

Bandar Seri Begawan, BB 3510,

Negara Brunei Darussalam.

e-mel: pelita@brunet.bn

MINDA pembaca yang terpilih minggu ini daripada tajuk yang telah kami kemukakan iaitu 'Menangani Kanak-kanak Bising Semasa Sembahyang Jumaat'. Mereka akan menerima hadiah sebanyak \$40.00. Pendapat yang berjaya itu adalah seperti berikut:

Tanamkan sikap dan nilai-nilai murni

APABILA disebut sahaja perkataan 'kanak-kanak' orang akan terfikir bahawa mereka ini belum mempunyai pemikiran yang matang. Yang dikatakan sebagai kanak-kanak biasanya di dalam lingkungan umur enam hingga 12 tahun iaitu dalam peringkat masih bersekolah rendah. Memang naluri semula jadi kanak-kanak adalah ingin mencuba sesuatu yang mereka belum ketahui dan yang paling ketara sekali, kanak-kanak ini akan bergaul mesra dengan siapa sahaja kanak-kanak lain yang baru mereka kenali. Inilah yang menyebabkan terjadinya kebisingan semasa sembahyang Jumaat. Mereka akan berlari-lari, bermain dan berteriak yang boleh mengganggu para jemaah lain.

Jika dilihat dari sikap semula jadi kanak-kanak, amatlah sukar bagi kita untuk melarang mereka ini. Jadi bagaimanakah cara kita untuk menanganinya? Dan siapakah yang harus dipertanggungjawabkan? Oleh itu sebagai insan dewasa kita yang seharusnya memikirkan bagaimana caranya dan di mana puncanya.

Pertama sekali apa yang perlu dilihat ialah pendidikan melalui dari rumah itu sendiri iaitu ibu bapa kanak-kanak tersebut. Ibu bapa seharusnya menanamkan sikap dan nilai-nilai murni yang baik ke dalam jiwa anak-anak mereka supaya menghormati orang lain. Nilai-nilai murni itu sudah tentunya dengan cara mengajarkan nilai-nilai keislaman dalam jiwa anak-anak. Ini supaya tanpa dilarang sekalipun anak-anak ini akan faham dengan sendirinya yang mereka tidak seharusnya bising semasa orang lain bersembahyang, kerana di rumah mereka sendiri membuat bising semasa orang bersembahyang mereka akan ditegur atau dimarahi.

Jika sekiranya pun hal ini masih berlarutan, ada baiknya semasa sembahyang itu, bapa kanak-kanak tersebut melarang atau sedia memberi amaran kepada anaknya itu supaya tidak bising. Apa yang selalu terjadi, kanak-kanak itu dibiarkan bising walaupun bapa mereka ada bersama. Penggunaan ganjaran juga boleh digunakan. Contohnya, jika kanak-kanak itu tidak membuat bising semasa bersembahyang Jumaat, penjaganya akan menjanjikan untuk membelikan mainan kesukaan anaknya itu. Dengan ini anaknya sudah tentunya tidak ingin membuat bising demi untuk mendapat ganjaran yang dijanjikan. Secara tidak langsung kebisingan semasa sembahyang Jumaat akan dapat berkurangan.

Membawa anak-anak bersembahyang Jumaat adalah amalan yang mulia untuk memberikan contoh yang baik dan membiasakan diri mereka untuk pergi ke masjid serta mendekatkan diri kepada Allah Subhanahu Wataala. Namun jika mereka membuat bising yang keterlaluan dan tidak boleh dilarang yang boleh mengganggu ketenteraman jemaah lain yang ingin beribadat adalah lebih baik mereka ini ditinggalkan sahaja jika mereka ini belum baligh iaitu belum dituntut untuk mengerjakan sembahyang.

Satu cara lagi ialah dengan menyediakan satu tempat khas bagi kanak-kanak ini yang tertutup dan diawasi tetapi mempunyai cermin yang lut supaya mereka dapat bersembahyang Jumaat mengikut imam.

Selain daripada pendidikan yang bermula dari rumah, pendidikan sivik yang diajarkan di sekolah rendah juga boleh membantu kanak-kanak ini untuk bersopan santun, menghormati, bertanggungjawab dan banyak lagi. Ini kerana pembelajaran sivik mengandung nilai-nilai pendidikan yang selari dengan budaya dan tatasusila keislaman serta kemelayuan kita.

Jadinyah perkara sedemikian haruslah kita renungi bersama. Kita harus menjadikan masjid itu suatu tempat yang aman, tenteram dan tidak dicemari dengan kebisingan, di samping mengimarahkan masjid itu sendiri seperti yang selalu di war-warkan. Biarlah para jemaah yang bersembahyang Jumaat akan dapat beribadat dengan penuh khusyuk dan tawaduk serta mengambil keberkatan yang sepenuhnya daripada Allah Subhanahu Wataala jua. Amin

Siti Ajijah binti Haji Mohammed,
No. 109, Simpang 342-22, STKRJ Kampong Tungku, Gadong, BE 2519.
No. k/p: 00-286223

Mohammad Syaib bin Awang Ahmad,
No. 662 Simpang 660,
Kampong Lumapas 'B',
BJ 3524.
No. k/p : 00-305398

Jika kita fokuskan kepada golongan remaja termasuk kanak-kanak maka yang paling dekat dan mudah memberikan teguran serta khidmat nasihat ialah ibu bapa, penjaga dan

REMAJA

TAAT

TAAT itu secara ringkasnya bermakna mematuhi dan tunduk kepada peraturan. Namun di sebalik pengertian sedemikian itu, ia membawa makna yang lebih mendalam sebagai sebuah penghayatan dalam kehidupan. Mentaati Allah dan Rasul, raja dan pemimpin negara, ibu bapa dan apa juga yang memerlukan kita untuk berlaku taat, selama tidak menyalahi kehendak dan kewajipan beragama, kita perlu mematuhi. Begitulah bapa nilai dan harga ketaatan itu penting dalam menjadikan diri kita sebagai sebahagian komponen kehidupan masyarakat dan negara itu berfungsi. Ketaatan harus bermula dan diasuh dari sejak kecil lagi dan dididik untuk dilahirkan sebagai modal dalam diri seseorang. Kerana taat itu tidak akan lahir dari seseorang yang tidak dididik dan diasuh dengan ciri-ciri yang tidak sesuai dengan kehendak beragama. Ketaatan yang sempurna melahirkan keunggulan takwa dan keimanan yang kukuh dan mantap.

Taat yang bersendikan pengajaran agama adalah paling dituntut untuk menjadi asas dalam membina generasi berkualiti dan berakhlak mulia yang ingin kita wujudkan. Kenapakah taat itu penting sebagai paksi untuk membina masyarakat yang bertamadun tinggi? Di sebalik taat itu tersirat keindahan yang bukan sahaja akan menjadi seseorang itu memiliki pakaian disiplin yang tinggi akan tetapi ia juga mampu melahirkan keunggulan yang boleh menjadi teras dalam mewujudkan masyarakat yang beribadahnya. Generasi muda remaja dan belia khususnya perlu kepada paksi taat ini. Ia bukan setakat untuk mengawal diri akan tetapi merupakan baja dalam membina sebuah kelompok

generasi yang berhemah dan berakhlak mulia.

Ketaatan kepada Allah dan Rasul, hendaklah diletakkan yang paling atas dalam kehidupan kita ini, jika benar-benar dihayati dan diamalkan akan menjadikan kita sebagai hamba Allah yang kukuh berpegang kepada sendi keimanan dan ketakwaan yang menghasilkan generasi beriman. Generasi sedemikian jika lahir akan mampu mengelakkan dari berlaku dan berleluasanya gejala sosial, keruntuhan akhlak dan banyak lagi implikasi kehidupan yang mengundang natiyah yang tidak baik. Pergaulan bebas yang berlaku sekarang telah banyak menghasilkan kesan-kesan negatif di kalangan generasi remaja dan muda belia. Ia juga merubah keadaan sosial sesebuah masyarakat. Punca dari berlakunya hal sedemikian ialah apabila ketaatan kepada ajaran Allah dan Rasul sudah tidak diendahkan. Sedangkan jika hal ketaatan kepada Allah dan Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam dijadikan pedoman gejala negatif tidak mungkin akan berleluasa. Ajaran Islam adalah pengajaran yang selengkap-lengkapannya dalam menghiasi kehidupan kita. Namun jika longgar ketaatan beragama natiyahnya ialah apa yang kita hadapi, gejala sosial yang semakin merebak.

OLEH H. A. MANAP

Taat kepada raja dan pemimpin negara adalah perkara penting untuk dihayati. Ketaatan ini akan membuahkan sebuah masyarakat yang kuat dan dinamik. Kerosakan harta benda, tidak amanah, penyelewengan dan pelbagai gejala yang tidak diinginkan akan mudah dihindari. Menilai ketaatan yang murni kepada raja dan pemimpin negara jelas akan membawa kepada pembinaan unsur mulia. Masyarakat akan terbina dengan sistem kehidupan yang lebih baik, berkualiti tinggi dan mampu berdaya saing.

Jika kita memiliki generasi sedemikian bukan sahaja kita akan bergerak lebih pantas ke hadapan, pada waktu yang sama kita akan lebih proaktif dalam membangun perkembangan dan kemajuan negara. Hambatan sekeliling yang melembapkan pergerakan perubahan sosial dan kemajuan negara tidak akan berlaku jika masing-masing kita sudah tersemat dengan unsur-unsur ketaatan yang tinggi. Mentaati ibu bapa juga perkara penting yang perlu menjadi paksi generasi remaja muda belia. Ibu bapa orang yang paling dekat dengan kehidupan generasi remaja muda belia. Tidak dapat tidak merekalah yang perlu kita tanai ketetapan agar ke-

hidupan akan bertambah berkat dan sempurna. Ibu bapa tunjang kebaikan kehidupan selama mana pendidikan dan asuhan yang mereka semai tidak bertentangan dengan ajaran agama. Merekalah bermulanya segala ketaatan itu. Pendidikan untuk berlaku taat juga bermula dari mereka, justeru ketaatan yang diasuh dan dididik dengan baik serta sempurna akan menghasilkan implikasi yang bernilai tinggi.

Lihatlah jika sudah terbiasa dalam perkara taat, kita akan lahir sebagai anggota masyarakat yang memiliki disiplin diri yang baik. Contohnya hal-hal merosak harta benda, pemugutan dan sebagainya tidak mungkin akan kita lakukan sesuka hati. Lantaran kekuatan yang ada dalam diri remaja, belia yang terasuh dengan unsur ketaatan menjadi sumber hilangnya keinginan untuk menjadi perosak masyarakat, perosak harta benda dan perosak akhlak. Inilah keindahan berlaku taat untuk disemai dalam diri setiap kita. Taat yang diwujudkan dalam diri kita akan berperanan untuk mengawal diri, kerana di dalamnya ada nilai yang sangat berharga.

Antara nilai yang amat berharga itu ialah melahirkan takwa, keimanan yang kuat, akhlak yang baik, budi pekerti yang berhemah, kehidupan yang sempurna dan kehendak diri yang terarah.

Pusat Ehsan terima sumbangan dari PHAB Production House

BERAKAS, 13 Mei. - Pusat Ehsan Kampong Bengkurong menerima sumbangan derma sebanyak \$2,500.00 melalui hasil kutipan jualan meja dan VCD sempena makan malam pentas budaya artis tempatan dan makan bersama insan-insan istimewa dalam Majlis Malam Simfoni Kasih 2005 anjuran Pengiran Haji Abu Bakar (PHAB) Productions House Negara Brunei Darussalam.

Derma tersebut diserahkan oleh Yang Amat Mulia Pengiran Kerma Negara Pengiran Anak Haji Abdul Wahab bin Pengiran Anak Sabtu Kamaluddin, Pena-sihat PHAB Production House kepada tetamu kehormat, Setia-usaha Tetap Jabatan Perdana Menteri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Pekerma Laila Diraja Dato Paduka Haji Awang Hazair bin Haji Abdullah yang berlangung di Pusat Persidangan Antarabangsa di sini.

Menurut Pengerusi Majlis Malam Amal Simfoni Kasih 2005,

Oleh Aliddin Haji Moktal aliddin.moktal@information.gov.bn

Pengiran Haji Abu Bakar yang juga Penerbit Eksekutif PHAB Production House mengucapkan terima kasih kepada para-penaja dan penderma pada hari itu. Tanpa sokongan daripada mereka yang benar-benar prihatin akan nasib insan-insan istimewa ini nescaya Malam Simfoni Kasih 2005 tidak akan berjaya pada malam itu.

Majlis malam itu diserikan lagi dengan persembahan nyanyian dan tarian oleh artis-artis tempatan yang sedang mencipta nama di bidang seni suara seperti Awangku Khairul Amilin, Putri Norizah Ibro Riza, Norzalinawati Ali Zainal, Fairuzneezam dan Azizul Sharbini dan para penari Lively serta penari-penari Indian dari Persatuan Masyarakat India di negara ini.

BSP taja Kuiz Eksplomaths 2005

Oleh Abdullah Asgar abdullah.asgar@information.gov.bn

TUTONG, 21 Mei. - Sekolah Menengah Sufri Bolkih tahun ini akan menjadi tuan rumah bagi Peraduan Kuiz Eksplomaths 2005 yang ditaja sepenuhnya oleh Syarikat Minyak Brunei Shell (BSP) Sendirian Berhad.

Majlis Penyampaian Mok Cek berjumlah \$50,000.00 disampaikan oleh Penasihat Hal Ehwal Luar Korporat Brunei Shell, Awang Haji Md. Zaini bin Awang Omar kepada Pemangku Pengetua

sekolah berkenaan, Dayang Rasidah binti Junaidi yang juga selaku Pengerusi kuiz berkenaan.

Wang itu akan digunakan bagi menajaykan Kuiz Eksplomaths Ke-13 2005 bagi sekolah menengah dan rendah di negara ini yang dijadualkan diadakan tidak lama lagi.

Hadir menyaksikan penyerahan mok cek itu ialah para pegawai Brunei Shell dan guru-guru sekolah berkenaan dan Sekolah Rendah Tutong Kem.

Peraduan Kuiz Eksplomaths dianjurkan bagi menguji minda dan kebolehan para pelajar menjawab soalan dalam mata pelajaran matematik.

PELITA BRUNEI akhbar rasmi kerajaan, diberikan percuma kepada rakyat; rajin membaca luas pengetahuan, Alai jawablah soalan tercatat.

SYARAT PERADUAN

1. Jika alai berumur 15 tahun ke bawah dan murid sekolah rendah atau menengah bawah maka alai dibenarkan mengisi borang jawapan yang disediakan.
2. Alai dibenarkan mengisi satu borang jawapan sahaja.
3. Alai hendaklah mengisi borang jawapan yang disediakan dalam PELITA BRUNEI sahaja dengan tulisan alai sendiri.

HADIAH-HADIAH MENARIK

1. Alai yang berjaya diberikan hadiah untuk tiga orang sahaja. Undian akan dilakukan jika ramai di antara alai yang berjaya menjawab dengan tepat.

TARIKH TUTUP

Hantarkan borang jawapan alai tidak lewat seminggu dari tarikh keluaran PELITA BRUNEI ini.

ALAI DIALU-ALUKAN MENGGUNAKAN PERPUSTAKAAN RUJUKAN, JABATAN PENERANGAN

Jawapan soalan Alai Pintar keluaran 18 Mei 2005

Masjid Kampong Batu Apot.

ALAI PINTAR



Apakah nama masjid ini?

BORANG JAWAPAN ALAI PINTAR 673

Nama :

Umur :

Alamat :

Telefon rumah (jika ada) :

Sekolah :

Hantarkan borang jawapan alai :

Kepada,
Ruangan Alai Pintar, 673,
PELITA BRUNEI,
Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB 3510,
Negara Brunei Darussalam.

SOALAN ALAI PINTAR 673

Pemenang-pemenang soalan Alai Pintar keluaran 18 Mei 2005

Dk. Norhaziqah binti Pengiran Haji Mohd. Alauddin,
Sekolah Rendah Berbi/Tenalat.
Umur : 10 tahun

Siti Khatytsah Zahlah Daynie binti Zuhary,
Sekolah Rendah Jerudong.
Umur : 8 tahun

Awangku Haji Ahmad Fadillah Akbar binti Pengiran Haji Sallehudin,
Sekolah Menengah Berakas.
Umur : 14 tahun



Kesihatan ibu dan anak di Negara Brunei Darussalam : Suatu pelaburan yang amat penting

KESIHATAN di kalangan ibu-ibu dan anak-anak adalah sangat penting demi meningkatkan status sesebuah negara. Kesihatan merupakan satu perkara yang perlu difokuskan di kalangan ahli masyarakat terutamanya bagi golongan ibu-ibu dan anak-anak kerana ia merupakan suatu pelaburan yang amat penting. Dengan mempunyai taraf kesihatan yang begitu tinggi golongan ini akan dapat ikut sama dalam memajukan pembangunan negara. Di dalam era globalisasi ini, kesihatan adalah amat penting. Dengan mempunyai kesihatan yang baik kita akan dapat ikut sama dalam menguasai pelbagai bidang yang memerlukan tenaga kerja yang gigih dan berkemahiran. Dengan tidak langsung perkara ini ada sangkut pautnya dengan kesihatan seorang ibu dan anak. Jika seorang ibu itu sihat nescaya seorang anak tersebut juga sihat demi menanggung tanggungjawab bakal dipikul oleh mereka.

Di Negara Brunei Darussalam kesihatan seorang ibu dan anak adalah suatu perkara yang begitu penting. Kesihatan seorang ibu bermula dari sejak mereka hamil lagi. Seperti yang kita ketahui seorang ibu yang hamil itu perlu menitikberatkan pemakanan mereka dari mula hingga matang kandungan mereka. Ini bukan hanya untuk kepentingan si ibu bahkan demi menjaga janin yang mereka kandung. Mereka juga mestilah sentiasa membuat pemeriksaan demi memastikan janin yang dikandung itu sihat. Di negara kita perkhidmatan sebegini telah disediakan oleh pihak kerajaan. Perkhidmatan sebegini bukan hanya diadakan di hospital di kawasan bandar bahkan juga disediakan bagi penduduk yang jauh di pedalaman dengan menghantar seorang yang pakar. Kebiasannya perkhidmatan

an tersebut menggunakan pesawat helikopter melalui kerjasama Kementerian Kesihatan dan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei (ABDB). Selain itu ibu yang hamil perlu mengambil pemakanan yang seimbang dan mereka juga perlu mengambil vitamin dan mineral untuk menjaga ketahanan tubuh badan. Dengan mengambil vitamin dan mineral yang cukup si ibu akan dapat mencegah daripada menerima sebarang jangkitan penyakit yang boleh mengganggu mereka dalam tempoh penghamilan. Ini sangat penting demi menjaga kesihatan anak yang dikandung. Pengambilan vitamin bukan hanya diambil oleh kalangan ibu yang mengandung bahkan juga di kalangan ibu-ibu yang bekerja. Ini sangat penting demi membantu proses pembentukkan tenaga yang telah hilang akibat melakukan kerja seharian. Hal ini sangat bermanfaat bagi mereka yang bekerja keras sama ada dengan menggunakan fizikal atau mental kerana ia akan mengekalkan tenaga di dalam badan dan mengurangkan keletihan.

Kesihatan dari segi pemakanan bukan hanya penting bagi golongan ibu-ibu sahaja bahkan juga sangat penting dan wajar dititikberatkan kepada anak-anak. Di zaman yang serba canggih ini makanan sangat mudah diperolehi di kedai-kedai atau mesin yang menggunakan wang syiling. Kita dapat lihat ada pelbagai syarikat pengeluaran makanan sebegini yang begitu mudah didapati di merata-rata tempat. Pertumbuhan kedai-kedai sebegini bagaikan cendawan tumbuh. Walaupun makanan tersebut mudah didapati dan murah akan tetapi kita perlu tahu akibat melalui tabiat pemakanan makanan tersebut. Seperti yang kita ketahui kebanyakan makanan segera dimasak dengan menggunakan minyak yang begitu banyak. Memakan

makanan yang berminyak tidak baik untuk kesihatan tubuh badan khususnya bagi anak-anak. Ini kerana mungkin mereka akan menghadapi penyakit sebelum meningkat dewasa. Oleh itu, kita harus mengurangkan pengambilan makanan yang mengandungi lemak dan kolesterol yang tinggi seperti kuning telur, udang dan sebagainya. Bukan itu sahaja yang perlu dititikberatkan tetapi kita juga perlu mengurangkan pengambilan terlalu banyak gula dan garam dalam pemakanan sebarisan. Jika boleh jaulanlah menggunakan minyak yang sudah digunakan untuk memasak. Oleh itu, ibu bapa harus mengambil langkah yang drastik agar anak-anak mereka tidak sentiasa memakan makanan segera yang boleh mendatangkan kemudaratan. Anak-anak yang sihat berpunca melalui mengambil makanan yang seimbang dan sihat untuk tubuh badan. Ibu bapa perlu mengalakkan anak-anak mereka untuk memakan makanan yang berkhasiat seperti buah-buahan dan sayur-sayuran. Mereka seharusnya menggalakkan memakan makanan yang direbus daripada mengoreng. Ibu bapa mestilah menggalakkan anak-anak mereka untuk mengambil daging putih yang dibuang lemak. Seperti yang kita ketahui anak-anak pada masa kini kurang mengambil makanan sebegini. Perkara ini berpunca dari ibu bapa itu sendiri kerana ada sesetengah mereka tidak menitikberatkan cara pemakanan anak-anak mereka. Oleh yang demikian, ibu bapa perlu meng-

galakkan anak-anak memakan yang berkhasiat sejak dari kecil demi peningkatan kecerdasan mental dan kesihatan fizikal.

Golongan ibu dan anak perlu menghidangkan diri mereka dari masalah-masalah yang boleh menimbulkan sesuatu impak yang kuat terhadap mental mereka. Apabila seseorang mengalami masalah maka dia akan sentiasa memikirkannya, jika perkara tersebut berlaku mungkin fikirannya akan menjadi kacau, berceklaru dan sentiasa resah-gelisah yang boleh menjejaskan kesihatan mental. Kesihatan mental di kalangan ibu dan anak adalah suatu perkara yang amat penting. Ini kerana mental yang sihat boleh menjadi satu pelaburan yang baik dan penting untuk sesebuah masyarakat kerana kita boleh menyumbang buah fikiran yang bernaam dan bijaksana. Seseorang yang mempunyai mental yang sihat dan cerdas boleh melaksanakan tanggungjawab yang telah diamanahkan kepadanya seperti seorang ibu yang mempunyai banyak tanggungjawab terhadap suami, anak-anak dan juga kerja rumah atau pejabat. Seorang ibu mempunyai banyak tanggungjawab yang perlu dilaksanankan. Oleh itu, para ibu hendaklah pandai membahagikan masa agar tidak mendatangkan kemudaratan yang boleh mengganggu kekuatan mental mereka. Bukan hanya para ibu sahaja yang perlu menjaga kestabilan mental bahkan anak-anak juga perlu. Oleh itu, ibu bapa tidak seharusnya

memberi pelbagai tekanan terhadap mereka seperti dalam pelajaran. Seperti yang kita ketahui anak-anak sering melakukan perkara yang di luar jangkaan kita apabila tidak dapat menentasi pelbagai tekanan hingga ada yang sanggup membunuh diri dan ada pula yang melompat dari dengan gejala sosial. Cara yang terbaik untuk mengelakkan mereka daripada menerima pelbagai tekanan ialah dengan mendidik mereka dengan ilmu agama. Dengan adanya ilmu agama ia akan boleh meningkatkan iman dan akan dapat memperkatakan intelek, emosi dan daya fikiran mereka.

Masalah yang sering dihadapi oleh golongan ibu-ibu ialah masalah kelemahan dan kerapuhan tulang atau osteoporosis yang terjadi secara perlahan-lahan akibat kekurangan kalsium. Penyakit ini bukan hanya dihadapi oleh golongan ibu-ibu bahkan juga boleh terjadi di atas wanita muda yang terlalu aktif bersukan. Penyakit osteoporosis mula menyerang kaum wanita ketika umur 30 hingga 35, walau bagaimanapun ia boleh dicegah dari peringkat awal iaitu sejak dari usia kanak-kanak lagi. Demi menghidangkan diri daripada menghadapi penyakit berkenaan, kaum wanita sangat digalakkan untuk mengambil cukup vitamin D untuk membantu menyimpan kalsium dalam tulang. Mereka juga perlu meminum susu yang boleh mencegah osteoporosis, di samping mendapatkan vitamin D melalui sinar matahari, kerana

tubuh badan akan membuat vitamin D ketika sinar ultra violet menyentuh kulit. Jika seseorang itu tidak saka meminum susu, beliau boleh menggantikannya dengan kacang soya atau produk yang mengandungi sumber kalsium. Dengan ini, mereka akan dapat menghidangkan diri daripada menghadapi penyakit osteoporosis.

Tajuk Tawaran : "DESIGNING, CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT JATA WORLD TOURISM CONGRESS AND TRAVEL FAIR 2005, TOKYO, JAPAN"
Yuran Tawaran : \$35.00 (tidak dikembalikan)
- (2) **Bilangan Tawaran : KPSU/TDD/TAW/2005/3**
Tajuk Tawaran : "DESIGNING CONSTRUCTION, AND DISMANTLING OF THE BRUNEI TOURISM BOOTH AT PACIFIC ASIA TRAVEL ASSOCIATION (PATA) TRAVEL MART 2005, KUALA LUMPUR, MALAYSIA"
Yuran Tawaran : \$35.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari syarikat-syarikat berdaftar yang berpengalaman dari segi rekaan dalaman dan pembinaan booth atau pavilion di pameran-pameran perdagangan dan pelancongan dalam dan luar negeri dan tawaran-tawaran hendaklah dialamatkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil
Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama
Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama,
Jalan Menteri Besar,
Bandar Seri Begawan BB3910
Negara Brunei Darussalam
dan dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang bertempat di Tingkat 2, Bangunan Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB 3910, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat daripada hari **Selasa, 14 Jun 2005, jam 2.00 petang**.
- Dokumen-dokumen Tawaran dan borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kemajuan Pelancongan, Tingkat Bawah, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama, Jalan Menteri Besar, Bandar Seri Begawan BB3910, Negara Brunei Darussalam.
- Pembayaran cagaran tawaran hendaklah dibuat di Bahagian Pengurusan dan Kewangan, Tingkat 2, Kementerian Perindustrian dan Sumber-Sumber Utama pada waktu-waktu seperti berikut :
Isnin - Khamis dan Sabtu : 8.00 pagi - 11.30 pagi, dan 1.45 petang - 3.45 petang.
- Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan Borang Tawaran asal yang telah disediakan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.



**JABATAN DAERAH TUTONG
DAN MUARA
KEMENTERIAN
HAL EHWAL DALAM NEGERI**

- I) **BILANGAN TAWARAN : JDT/3/2005**
TAWARAN MEMBEKALKAN SEBUAH KENDERAAN JENIS PACUAN 4 RODA (4WD).
- II) **BILANGAN TAWARAN : JDT/4/2005**
TAWARAN MEMBEKALKAN SEBUAH LIGHT TRUCK (PICK-UP) BAGI JABATAN DAERAH TUTONG.
- III) **BILANGAN TAWARAN : JDT/5/2005**
TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH BAS (22 TEMPAT DUDUK)
- III) **BILANGAN TAWARAN : JDT/6/2005**
TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH HAIB CRANE TRUCK BAGI JABATAN DAERAH TUTONG.

Syarat-Syarat Tawaran :

- TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa daripada syarikat-syarikat dan pembekal-pembekal yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat tertutup (sealed) yang bertulis sama ada : I) TAWARAN MEMBEKALKAN SEBUAH KENDERAAN JENIS PACUAN 4 RODA (4WD) ATAU II) TAWARAN MEMBEKALKAN SEBUAH LIGHT TRUCK (PICK-UP) BAGI JABATAN DAERAH TUTONG ATAU III) TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH BAS (22 TEMPAT DUDUK) IV) TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN SEBUAH HAIB CRANE TRUCK BAGI JABATAN DAERAH TUTONG termasuk bilangan tawaran dan tarikh tutup tawaran tanpa menunjukkan identiti pembekal dan dikembalikan ke dalam Peti tawaran tidak lewat pada hari **Selasa, 14 Jun 2005 jam 2.00 petang** dialamatkan kepada:-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil,
Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,
Pejabat Kementerian Hal EHWAL Dalam Negeri,
Tingkat 1, Bangunan Sekretariat,
Bandar Seri Begawan BS8610.
- Salinan-salinan Sijil Pendaftaran Akta Nama-nama Perniagaan (Certificate of Registration - Business Names Act) Bab 16 & 17 mestilah disertakan.
- Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan diilay.
- Yuran Dokumen Tawaran sebanyak \$ 20.00 bagi setiap satu tawaran di atas hendaklah dijelaskan di Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Tutong dan wang tersebut tidak akan dikembalikan.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.
- Borang-borang tawaran serta penerangan lanjut bolehlah diperolehi dari Bahagian Kewangan, Jabatan Daerah Tutong, Tingkat II, Bangunan Jabatan-jabatan Kerajaan Daerah Tutong.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan borang-borang tawaran yang telah disediakan berserta katalog yang berkaitan dengan tawaran tersebut.



**JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT
DAN KOMUNIKASI
KEMENTERIAN PENDIDIKAN**

BILANGAN TAWARAN : MOE/EGOV/ICT/001-5/2004

- TAWARAN adalah dipelawa bagi :
MOE/EGOV/ICT/001-5/2004
" THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF DEPARTMENTAL NETWORK INFRASTRUCTURE IN MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM "
- Dokumen-dokumen terperinci tawaran boleh diperolehi dari :
Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil (A), Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam.
- Bayaran harga dokumen tawaran berjumlah \$200.00 (Tidak dikembalikan) dibuat di : Unit Tunai dan Pembayaran, Bahagian Perkhidmatan Kewangan (B), Blok B, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Bandar Seri Begawan BB3510, Kementerian Pendidikan, Negara Brunei Darussalam.
- Tarikh akhir mendapatkan Dokumen Tawaran adalah pada hari Rabu 22 Jun 2005 jam 3:00 petang.
- Tarikh hari maklumat pada hari Rabu 29 Jun 2005, jam 2:00 petang bertempat di Bilik Persidangan Utama (P1), Kementerian Pendidikan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Brunei Darussalam.
- Tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang tertutup rapat. Pada bahagian atas sampul surat hendaklah ditulis tajuk tawaran seperti berikut :
"THE SUPPLY, DELIVERY, INSTALLATION, TESTING, COMMISSIONING AND MAINTENANCE OF DEPARTMENTAL NETWORK INFRASTRUCTURE IN MINISTRY OF EDUCATION, BRUNEI DARUSSALAM MOE/EGOV/ICT/001-5/2004 "
tanpa menunjukkan nama syarikat dan sampul surat itu hendaklah ditujukan kepada Sekreteriat Lembaga Tawaran Kecil (A), Bahagian Perkhidmatan Kewangan, Blok A, Tingkat 1, Jabatan Pentadbiran dan Perkhidmatan-Perkhidmatan, Kementerian Pendidikan, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat pada hari **Selasa, 2 Ogos 2005, jam 2.00 petang**.
- Tawaran yang lewat diterima dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas tidak akan diilay.
- Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya terikat menerima tawaran yang rendah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.



**JABATAN ALAM SEKITAR, TAMAN
DAN REKREASI
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

BILANGAN TAWARAN : JASTRE/ Q28/2005
LANDSCAPING MAINTENANCE TO TAMAN SUNGAI MAU, KUALA BELAIT. Yuran Dokumen : B \$10.00 (tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : JASTRE/Q23/2005
LANDSCAPING MAINTENANCE TO TAMAN WASAI WONG KADIR, KUALA BELAIT. Yuran Dokumen : B \$ 10.00 (tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : JASTRE/ Q24/2005
LANDSCAPING MAINTENANCE TO TAMAN MENARA CENDARA KENANGAN, KUALA BELAIT. Yuran Dokumen : B \$10.00 (tidak dikembalikan)

BILANGAN TAWARAN : JASTRE/ Q25/2005
LANDSCAPING MAINTENANCE TO TAMAN PANTAI LUMUT, KUALA BELAIT. Yuran Dokumen : B \$10.00 (tidak dikembalikan)

Syarat-Syarat Tawaran:

- TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran kepada alamat :-
Pengerusi Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan BB3510, Negara Brunei Darussalam tidak lewat dari jam 2.00 petang, hari **Selasa 14 Jun 2005**.
- Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa di alamat yang ditetapkan tidak akan diilay.
- Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek Tingkat 4, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam semasa waktu-waktu bekerja.
- Yuran Dokumen adalah dikehendaki sebanyak B\$ 10.00 (Ringgit Brunei: Sepuluh sahaja). Bagi setiap satu tawaran dan hendaklah dijelaskan di Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Tingkat 4, Kementerian Pembangunan, Lapangan Terbang Lama, Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.
- Yuran Dokumen adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemorong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide-tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
- Sebelum Dokumen-dokumen Tawaran dikeluarkan, setiap pemorong dikehendaki mendapatkan Sijil Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemorong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
- Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
- Pihak Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima sebarang tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

DIBUKAKAN kepada pemorong yang berdaftar dalam kelas II, III dan IV (kategori 5 sahaja).



**JABATAN KERJA RAYA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

Syarat-Syarat Tawaran :

1. TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Tingkat Bawah, Kementerian Pembangunan, Berakas BB3510, Negara Brunei Darussalam (tertakluk kepada alamat yang telah ditetapkan ditetapkan dalam iklan atau Dokumen Tawaran) seperti dikehendaki dan dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
2. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang telah ditetapkan tidak akan dilayan.
3. Tawaran-tawaran mestilah dihadapkan dalam sampul surat yang rapi (sealed) dengan menyatakan tajuk projek yang berkenaan tanpa menyatakan nama penawar dan dihantar kepada alamat di para satu menurut arahan yang dinyatakan dalam Dokumen Tawaran.
4. Dokumen-dokumen Tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Unit Pembahagian Dokumen, Tingkat Bawah, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, Lapangan Terbang Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam. Bagi tawaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya Kuala Belait, dokumen itu bolehlah diperolehi dari Unit Kontrak, Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.
5. Jumlah yuran adalah seperti berikut:

| Kelas Penender | I | II | III | IV | V | | |
|----------------------|---------|---------|---------|----------|----------|------------|------------|
| Dokumen - Kertas | \$10.00 | \$25.00 | \$50.00 | \$250.00 | \$500.00 | \$1,000.00 | \$2,000.00 |
| Dokumen - elektronik | - | - | - | \$155.00 | \$260.00 | \$530.00 | \$1,030.00 |

6. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau

yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.

7. Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan, setiap pemborong dikehendaki membawa Sijil Pendaftaran Kontraktor dan Pembekal yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Kementerian Pembangunan dalam kelas yang ditetapkan dan dikehendaki membayar Dokumen Tawaran itu seperti kadar yang ditetapkan di iklan tawaran.
8. Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan.
9. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI sahaja dan kategori 1 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOR/SRC/18/2005 BAGI MEMBAIK PULIH JALAN ASPAL YANG SEDIA ADA DI DAERAH BRUNEI MUARA (PAKEJ 3) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Jumlah yuran tawaran dan dokumen : \$1,000.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 6 Jun 2005 jam 10.00 pagi hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 7 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV, V & VI sahaja dan kategori 1 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOR/SRM/20/2005 BAGI MEMBAIK SISTEM SALIRAN JALAN BAGI DAERAH BRUNEI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Jumlah yuran tawaran dan dokumen: \$500.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 6 Jun 2005 jam 10.00 pagi Hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 7 Jun 2005 jam 2.00 petang Hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III, IV & V sahaja dan kategori 1 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOR/SRM/20/2005 BAGI MENGGANTI DAN MEMASANG PAGAR BESI KESELAMATAN JALAN RAYA DI DAERAH TUTONG SELAMA DUA (2) TAHUN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM. Jumlah yuran tawaran dan dokumen: \$250.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 25 Mei 2005 jam 10.00 pagi hari Isnin. Tarikh tutup tawaran tidak lewat dari 7 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas V & VI kategori 1 & 2 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DOD/08/2005 BAGI PEMBINAAN 10 BLOK (80 UNIT) FLAT KELAS 'EF' UNTUK BATTALION KETIGA ANGKATAN BERSEJAJA DIRAJA BRUNEI - LUMUT, DAERAH BELAIT No Projek DOD820-002. Jumlah yuran tawaran: \$2,000.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh tutup 7 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) kategori 1 dan 4(d) sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DDS012/2005 (CDE) - T. III BAGI PEMBINAAN LONGKANG KONKRIT DI KAWASAN SIMPANG 24 & 42 KAMPONG BATU BERSURAT No Projek 05/DDS(CDE)/SK03A/500300/K13680. Jumlah yuran tawaran: \$50.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 18 Jun 2005 hari Sabtu. Tarikh tutup tawaran 21 Jun 2005 jam 2.00 petang hari Selasa.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berke-layakan dan berdaftar di dalam kelas III (II, III & IV) kategori 3 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DDS011/2005(SEW) - T.III BAGI MENGGANTI PAIP TEKANAN UTAMA PEMBENTUNGAN DI JALAN 50 RANCANGAN PERPINDAHAN NEGARA, LAMBAK KANAN No. Projek 05/DDS(SEW)/SK03A/500300/K13670. Jumlah yuran tawaran: \$50.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 25 Jun 2005 hari Sabtu. Tarikh tutup tawaran 28 Jun 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (III & IV) kategori 3 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DDS010/2005(SEW) - T. III BAGI MENAIKKAN TARAF LOJI RAWARAN KUMBUHAN PEMBENTUNGAN KAMPONG BOLKIAH A. No. Projek 05/DDS(SEW)/SK03A/500300/K13672. Jumlah yuran tawaran: \$50.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 2 Julai 2005 hari Sabtu. Tarikh tutup tawaran 5 Julai 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas III (III & IV) kategori 3 sahaja. BILANGAN TAWARAN : JKR/DDS009/2005(SEW) - T. III BAGI MEMBEKAL DAN MEMASANG PAM "NON-CLOG SUBMERSIBLE" DI STESEN PAM SUBSIDIARY TELISAI, MUARA, KIARONG DAN LAMBAK KANAN. No. Projek 05/DDS(SEW)/SK03A/500300/K13679. Jumlah yuran tawaran: \$50.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil dokumen tawaran tidak lewat dari 25 Jun 2005 hari Sabtu. Tarikh tutup tawaran 28 Jun 2005 hari Selasa jam 2.00 petang.

DIBUKAKAN kepada pemborong-pemborong yang berdaftar di dalam kelas IV di kategori 3 sahaja. BILANGAN TAWARAN: JKR/DBSKB013/2005 KUALA BELAIT/SERIA/SUNGAI LIANG WATER SUPPLY STAGE 5 PHASE 1 - TREATED WATER STORAGE RESERVOIR ASSOCIATED PIPELINES AND REMOTED MONITORING SYSTEM - TANKI AIR PARAS TINGGI SUNGAI TALI. No. Projek AW817/1242. Bayaran Tawaran : \$250.00 (Tidak dikembalikan). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran, hari Isnin 13 Jun 2005 hingga jam 2.00 petang. Tarikh tutup tawaran 14 Jun 2005.

DIBUKAKAN kepada pembekal-pembekal yang berdaftar di dalam kelas II sahaja kategori 6a, 6c & 6e sahaja. Tarikh akhir mengambil Dokumen Tawaran 11 Jun 2005 hingga jam 10.00 pagi. Tarikh tutup tawaran 14 Jun 2005. **BILANGAN TAWARAN : JKR/DWS/SWE/R - 010/2005 MEMBEKAL DAN MEMASANG 125 MM PAIP MDPE UNTUK KEGUNAAN DOMESTIK DI KAWASAN PKL LUMAPAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM (VOTE NO : 801-002).** Yuran Dokumen Tawaran : \$25.00 (Tidak dikembalikan). Jumlah Yuran : \$25.00.



KEMENTERIAN PERTAHANAN

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3020.
FUEL COMPRESSED HEXAMINE COOKER COMPLETE.
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3022.
TIRE PNEUMATIC VEHICULAR.
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

Bilangan Tawaran : MINDEF/DFP/2005/Z/3037 (A).
ROSEWOOD DINING TABLE COMPLETE WITH CHAIRS.
Bayaran Tawaran : \$30.00 (Tidak dikembalikan).

1. TAWARAN-TAWARAN hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, Lembaga Tawaran Kecil, Kementerian Pertahanan, Bangunan 150, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Bolkliah Garison BB3510, Negara Brunei Darussalam, tidak lewat jam 2.00 petang, hari Selasa, 28 Jun 2005. Dokumen-dokumen Tawaran bolehlah diperolehi dari Unit Tawaran, Jabatanarah Kewangan dan Perolehan, Kementerian Pertahanan semasa hari-hari bekerja (Isnin - Jumaat). Tarikh terakhir mengambil Dokumen Tawaran pada 27 Jun 2005 hari Isnin, jam 10.30 pagi.

WAKTU BAGI MENERIMA BAYARAN :
Isnin - Khamis : 8.00 pagi - 11.30 pagi dan
2.00 petang - 3.30 petang.
Jumaat : 8.00 pagi - 10.30 pagi.

1. Bayaran Tawaran 'Tender Fee' dan 'Document Fee' hendaklah dibayar di Bahagian Kewangan Jabatanarah Kewangan dan Perbekalan, Blok 169, Bolkliah Garison BB 3510, Negara Brunei Darussalam.
2. Pembekal adalah dikehendaki membayar semua Yuran Dokumen dan Bayaran Tawaran seperti yang diiklankan. Yuran Tawaran adalah dikehendaki dan tidak akan dikembalikan kepada setiap pemborong sama ada yang berjaya atau yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender). Kadar Yuran Tawaran adalah seperti yang ditetapkan dalam iklan tawaran.
3. Kerajaan tidak terikat untuk menerima sebarang tawaran yang paling rendah.
4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan akan dikira sebagai tawaran tidak jujur (non-bona-fide tender) dan tidak akan dilayan.
5. Salinan Sijil Pendaftaran Perniagaan hendaklah disertakan bersama dengan menyenaraikan butir-butir Syarikat berkenaan seperti nama, nombor kad pengenalan atau nombor pasport pemilik.
6. Penawar yang menolak atau membatalkan tawaran atau kontrak setelah kebenaran tawaran diperolehi atau setelah tutup tawaran akan dikenakan denda selaras dengan peraturan dan garis pandu yang diberikan oleh Lembaga Tawaran Negara.
7. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat biasa dan hendaklah ditutup rapi. Pada bahagian atas sebelah kiri sampul surat, hendaklah dinyatakan rujukan dan tajuk tawaran dan catatan tarikh tutup tawaran itu seperti mana yang diiklankan.



**JABATAN LAUT
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

PEMBERITAHUAN TAWARAN BIL. JL/7/2005

1. TAWARAN-TAWARAN adalah dipelawa dari limbungan kapal kategori MEA kelas 2 atau 3 untuk "DOCKING AND REPAIR OF SERI NEGARA".
2. Butir-butir lengkap tawaran dan syarat am kontrak boleh dipati dengan bayaran Yuran Dokumen sebanyak \$10.00 [tidak dikembalikan] semasa waktu bekerja dari PEJABAT PENGARAH LAUT, JABATAN LAUT, KEMENTERIAN PERHUBUNGAN, SERASA, MUARA BT1728, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.
3. Tawaran mestilah dihadapkan di dalam sampul surat yang bertutup (sealed) dengan menyatakan "TENDER FOR DOCKING AND REPAIR OF SERI NEGARA" JL/7/2005", di bahagian atas sebelah kiri tanpa menyatakan nama penender dan dihantarkan ke alamat berikut:
PENERUSI
LEMBAGA TAWARAN KECIL
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
4. Tarikh Tutup Tawaran : jam 2.00 petang, 7 Jun 2005.



**JABATAN TELEKOM BRUNEI
KEMENTERIAN PERHUBUNGAN**

**JUALAN LELONG BAGI BARANG-BARANG
PERALATAN-PERALATAN
SET TELEPHONE PABX BAGI JABATAN TELEKOM**

ADALAH dengan ini diberi notis iaitu jualan lelong bagi barang-barang/peralatan-peralatan set Telephone PABX bagi Jabatan Telekom yang tersebut di bawah akan diadakan pada tempat, masa dan tarikh yang dinyatakan di bawah dengan syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Lelong ini adalah mengandungi beberapa syarat-syarat berikut:-

1. Pembeli yang berjaya dikehendaki membayar secara tunai dan memindahkan barang-barang/peralatan-peralatan yang dibeli tidak lewat tujuh (7) hari dan tarikh perolehan tersebut dan apabila gagal berbuat demikian maka barang-barang/peralatan-peralatan tersebut akan dirampas dan akan dilelong semula.
2. Pembeli yang berjaya hendaklah membayar cukai kastam jika perlu.

KEBENARAN K.K.W : KKW/Z/493/70 BERTARIKH 15 MAC 2005

| Bil. | Butir-Butir Keterangan | Jumlah | Tempat Lelong | Tarikh/Masa |
|------|--|----------|--|---------------------------------------|
| 1. | Set Telephone PABX, ESPIRIT Projection System (peralatan terpakai) | 822 buah | Stor Sinarubai Jalan Bengkurong Masin Jabatan Telekom Brunei | Hari Isnin, 13 Jun 2005 jam 9.00 pagi |

MEMAKLUMKAN PERTUKARAN TARIKH TUTUP BAGI PENERIMAAN TAWARAN " TENDER FOR THE BEST COST ROUTING AND ENHANCED INTER-CARRIER SETTLEMENT SYSTEM ON A FULL TURNKEY BASIS FOR JABATAN TELEKOM BRUNEI"
Bilangan Tawaran : JTB/ID/BCR/01/2005

Jabatan ini ingin memaklumkan pertukaran tarikh tutup bagi penerimaan tawaran tersebut di atas iaitu dari tarikh 24 Mei 2005 kepada hari Selasa, 7 Jun 2005.

Pemohonan ini dibuat memandangkan permintaan yang dibuat oleh pembekal-pembekal yang mengambil bahagian dalam tawaran ini kerana memerlukan lebih masa untuk mengkaji keperluan yang terkandung di dalam dokumen tawaran yang mana jua memerlukan kajian teknikal yang terperinci pada kebiasaannya berkehendakan kemahiran dari luar negara bagi membolehkan mereka memberikan ulasan yang lebih komprehensif.



**JANGAN MEMANDU MENURUT
HAWA NAFSU**

PENDIDIKAN Khas kepada semua kanak-kanak termasuk kanak-kanak yang berkeperluan khas telah lama wujud di Negara Brunei Darussalam berdasarkan kepercayaan mereka boleh belajar dan berjaya dari bimbingan dan perhatian melalui pendidikan yang terancang.

Bagi menjadikan semua kanak-kanak yang berkeperluan khas menjadi warganegara yang produktif dan penyumbang kepada pembangunan negara, sebuah Unit Pendidikan Khas (UPK) telah ditubuhkan pada tahun 1994 yang merupakan salah sebuah institusi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Pertuan Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di bawah Kementerian Pendidikan.

Antara tujuan dan matlamat UPK ditubuhkan ialah bagi menguatkan lagi akan betapa pentingnya sumbangan setiap kanak-kanak dalam pembangunan negara berdasarkan andaian bahawa kemajuan dalam sumber manusia bermula dari bilik darjah dengan menyediakan pendidikan yang bersesuaian kepada setiap kanak-kanak dalam sistem persekolahan inklusif.

Sementara itu, misi UPK ialah meningkatkan lagi kualiti pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas dan semua pelajar dengan persekolahan secara inklusif dengan menganggap semua kanak-kanak itu adalah istimewa dengan masing-masing mempunyai keperluan dan kebolehan berbeza.

Terdapat pelbagai definisi mengenai Pendidikan Khas antaranya merupakan kaedah-kaedah yang dibentuk khusus untuk memenuhi keperluan kanak-kanak yang mengalami masalah pembelajaran kerana masalah penglihatan, pertuturan dan pendengaran serta masalah dalam pembelajaran ataupun murid-murid yang pintar cerdas yang memerlukan pendidikan yang lebih mencabar. Selain itu, ianya juga merangkumi aspek-aspek pengajaran dan pembelajaran, latihan jasmani dan juga pendidikan yang berteraskan rumah,

hospital dan institusi.

Pendidikan inklusif bererti semua pelajar, termasuk pelajar-pelajar yang berkeperluan khas diberi peluang untuk belajar bersama-sama dengan rakan sebaya mereka dalam situasi pengajaran dan pembelajaran yang sama iaitu di sekolah-sekolah biasa atau 'mainstream/regular schools'.

Pelajar-pelajar yang berkeperluan khas adalah pelajar-pelajar yang menghadapi masalah untuk mengikuti kurikulum biasa yang telah disediakan. Golongan majoriti-nya ialah pelajar yang



Oleh Refa'ah Ali Osman

lemah pembelajarannya atau 'slow learners'. Mereka berkemungkinan mengalami masalah dalam membaca, menulis dan menguasai asas matematik.

Selain daripada itu, terdapat juga sebilangan kecil dari mereka yang dikenali sebagai pelajar berkeperluan khas tahap

tinggi atau 'high support needs'. Pelajar-pelajar ini berkemungkinan mengalami masalah dari segi perkembangan intelek dan bahasa. Selain itu juga, terdapat pelajar yang mengalami masalah penglihatan, pendengaran, masalah fizikal dan emosi serta tingkah laku. Jadi mereka memerlukan bantuan dan bimbingan khusus.

Sehubungan itu, Persidangan Antarabangsa Pendidikan Khas Kali Kedua akan diadakan selama tiga hari bermula 6 hingga 8 Jun 2005 anjuran Kementerian Pendidikan melalui Unit Pendidikan Khas dengan kerjasama Universiti Brunei Darussalam. Manakala 'Post-Conference Workshop' akan diadakan pada 9 Jun 2005. Tema persidangan kali ini ialah 'Our Children, Our Future: Global Approaches' atau (Anak-anak Kita, Masa Depan Kita: Dalam Bentuk Global).

Persidangan yang akan diadakan kali ini adalah sebagai kesinambungan daripada persidangan kali pertama yang telah berlangsung pada bulan Julai 1997 yang mana bertujuan untuk meningkatkan lagi kesedaran para pendidik dan masyarakat umum dalam memenuhi keperluan semua pelajar di sekolah-sekolah yang berorientasikan inklusif. Dengan adanya persidangan ini, ia akan dapat memberi peluang kepada para peserta dan penceramah-penceramah persidangan untuk bertukar-tukar fikiran serta berbilang mengenai isu-isu bagi mempertingkatkan pencapaian pelajar-pelajar berkeperluan khas di sekolah inklusif.

Memandangkan ini merupakan persidangan antarabangsa, antara pen-

ANAK-ANAK KITA MASA DEPAN KITA



PENYELARAS memberi tunjuk ajar kepada kanak-kanak yang berkeperluan khas.

ceramah dan penyampai kertas kerja nanti termasuk empat orang pakar dari luar negara yang dijemput bagi menyampaikan ucapan 'keynote' dan kertas kerja serta mengendalikannya bengkel.

Manakala guru-guru pembantu pembelajaran atau dikenali sebagai Guru SENA dari sekolah-sekolah rendah dan menengah serta guru-guru yang mengajar Program Pra Vokasional turut dijemput bagi meningkatkan lagi profesionalisme mereka.

Adalah menjadi tanggungjawab kepada pihak sekolah dan ibu bapa

dalam mewujudkan kerjasama yang erat dalam usaha meningkatkan perkembangan pendidikan bagi kanak-kanak berkeperluan khas. Malah masyarakat juga perlu memainkan peranan bagi menghasilkan suasana persekolahan dan pembelajaran yang sihat terutama dalam sama-sama menangani permasalahan kanak-kanak yang memerlukan Pendidikan Khas.

Bagi melaksanakan pendidikan inklusif yang berkesan, maka adalah penting bagi setiap guru mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu dalam bidang pendidikan

khas. Penyediaan dan memperluaskan lagi program latihan dalam Pendidikan Khas adalah perlu bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah, di samping menanamkan sikap prihatin terhadap pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Sehubungan itu, adalah diharapkan agar lebih banyak guru akan tampil mengikuti kursus-kursus Pendidikan Khas yang telah dikendalikan oleh Kementerian Pendidikan, di samping memanfaatkan kemudahan pusat sumber yang terdapat di UPK dalam membuat persediaan mengadaptasi dan memodifikasi pengajaran yang diperlukan oleh kanak-kanak berkeperluan khas.

Sementara itu, ibu bapa juga perlu dalam meningkatkan lagi pengetahuan mereka mengenai kanak-kanak yang berkeperluan khas seperti mengikuti bengkel-bengkel atau kursus yang berhubung kait dengan Pendidikan Khas.

Insyaa-Allah dengan adanya persidangan ini nanti akan dapat memberikan manfaat kepada semua orang khususnya kanak-kanak yang berkeperluan khas dan kepada masyarakat umum amnya.



PELAJAR 'Slow Learners' mendengar tunjuk ajar dari guru mereka.



PELAJAR berkeperluan khas didedahkan dengan aktiviti sukan.

BAGI melaksanakan pendidikan inklusif yang berkesan, maka adalah penting bagi setiap guru mempunyai kemahiran-kemahiran yang tertentu dalam bidang Pendidikan Khas. Penyediaan dan memperluaskan lagi program latihan dalam Pendidikan Khas adalah perlu bagi guru-guru sekolah rendah dan menengah, di samping menanamkan sikap prihatin ke atas pelajar-pelajar yang berkeperluan khas.

Tinjau perkembangan sistem perkuburan Islam

SERIA, 12 Mei. - Tanah Perkuburan Islam di Subok akan ditutup dalam waktu yang terdekat ini memandangkan tempat tersebut telah penuh. Oleh itu sebuah kawasan perkuburan yang baru di Terunjing dibuka dengan sistem yang lebih teratur.

Perkara tersebut dinyatakan dalam siaran akhbar Unit Tanah Perkuburan Islam, Bahagian Teknologi Maklumat, Pemeliharaan dan Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama semasa lawatan kerja Menteri Hal Ehwal Ugama ke beberapa kawasan perkuburan Islam yang baru di negara ini antaranya Pusara An-Na'em, Anduki di sini.

Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hjh. Saidah Pg. Hj. Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

Awang Mohd. Zain meninjau lebih dekat ke Pusara An-Na'em bagi meninjau keadaan sistem perkuburan Islam yang telah berjalan dan diguna pakai di beberapa buah tempat di negara ini serta kesinambungan melalui jerayawara yang telah dilaksanakan mengenai kubur dan Tanah Perkuburan dalam Islam.

Pusara An-Na'em mula dibuka pada tahun 1993 dan sejak itu menggunakan sistem perkuburan tersusun secara bernombor. Setakat ini pusara yang mempunyai keluasan kira-kira lapan ekar dengan disediakan 25 blok perkuburan dan setakat ini hanya empat blok saja baru di-

gunakan yang memuatkan lebih 200 pusara.

Di Daerah Belait mempunyai tiga kawasan perkuburan Islam di Los Tanjung, Batu Tiga dan Anduki. Tanah perkuburan Islam di Los Tanjung telah ditutup memandangkan kawasan tersebut telah penuh.

Dalam lawatan kerja tersebut, Yang Berhormat berharap jentera penggerak Unit Tanah Perkuburan Islam supaya akan terus berusaha dalam masa ke semasa pada meninggikan syiar Islam melalui perkuburan Islam dari segi perkhidmatan, sistem dan yang berkaitan dengannya.

Menurut pegawai Unit Tanah Perkuburan Islam, Bahagian Teknologi Maklumat, Pemeliharaan dan Pembangunan Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Haji Amynoor bin Haji Mohd. Yaakub, sistem penomboran tanah perkuburan Islam yang diaplikasikan bermula tahun 2002 bagi memudahkan orang ramai terutama ahli waris mengenali kubur keluarga dan sanak-saudara mereka yang meninggal dunia.

Sebelum mengadakan lawatan kerja ke Pusara An-Na'em, Menteri Hal Ehwal Ugama telah mengadakan lawatan ke Tanah Perkuburan Islam Terunjing, Sugan di Tutong, Pulau Raja di Kampong Penanjong dan Telisai.



MENTERI Hal Ehwal Ugama, Yang Berhormat Pehin Jawatan Luar Pekerma Raja Dato Seri Utama Dr. Ustaz Haji Awang Mohd. Zain meninjau lebih dekat kawasan Pusara An-Na'em yang menggunakan sistem perkuburan tersusun secara bernombor.

BSP hulurkan sumbangan kepada mangsa kebakaran

PANAGA, 11 Mei. - Syarikat Minyak Brunei Shell Sendirian Berhad (BSP) menyumbangkan bantuan kepada sebuah keluarga mangsa kebakaran rumah yang berlaku pada 5 Mac lalu.

jabat beliau di sini.

Sebahagian daripada sumbangan iaitu \$9,519.00 adalah hasil kutipan daripada pegawai dan kakitangan BSP sebagai hasrat membantu meringankan bebanan yang dialami mangsa kejadian berkenaan.

Rumah Kelas C milik Awang Musa di kawasan Perumahan Skim Tanah Kurma Rakyat Jati, Mumong hangus dalam kebakaran tersebut berserta barang keperluan sekolah anak-anaknya. Beliau dan keluarganya seramai enam orang kini tinggal di Pe-

rumahan Shell.

Timbalan Pengarah Urusan BSP dalam ucapannya meluahkan rasa simpati atas kejadian tersebut dan berharap sumbangan berkenaan sedikit sebanyak mampu mengurangkan kesusahan yang dialami oleh Awang Musa dan keluarga.

Antara yang hadir menyaksikan majlis penyampaian sumbangan tersebut Penasihat Hal Ehwal Luar BSP, Awang Haji Zaini bin Haji Omar dan Ketua Polisi Remunerasi dan Perkhidmatan Tenaga Manusia BSP, Chudi Olete.

Jelajah dunia gunakan kerusi roda

KUALA BELAIT, 9 Mei. - Kecacatan bukanlah penghalang untuk meraih kejayaan. Ini telah dibuktikan oleh seorang lelaki warga Iran, Kiumars Ali Mardani yang mengembara ke seluruh dunia dengan menggunakan kerusi roda dan ketika ini berada di Negara Brunei Darussalam dalam membuat persinggahan di Pusat Penjagaan Khas Eric Goh di sini.

Kiumars berusia 35 tahun kehilangan kekuatan untuk berdiri ketika usia muda akibat diserang

Polio. Beliau memulakan pengembaraannya dari Bandar Seri Begawan pada hari Khamis lalu dan singgah di beberapa buah rumah dan hotel untuk berehat pada waktu malam sebelum meneruskan perjalanan pada keesokannya harinya. Beliau telah mengembara sejauh 17,000 kilometer dengan menggunakan kerusi roda sejak empat tahun lalu bermula dari negara kelahiran beliau.

Ketika tiba di pusat tersebut, beliau disambut dan

diraikan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Haji Mohd. Yussop bin Awang Bakar dan pegawai-pegawai jabatan kerajaan serta kakitangan pusat tersebut.

Dengan bantuan kerusi rodanya beliau telah berjaya mencapai misinya menjelajah 18 buah negara, kebanyakannya negara Timur Tengah antaranya Turki, Syria dan Lebanon serta Pakistan, Turkmenistan, Uzbekistan, Kazakhstan, Sri Lanka, India, Malaysia, Republik Singapura

dan Republik Indonesia walaupun terpaksa mengambil masa yang agak lama dalam perjalanan kira-kira tiga jam bagi 16 kilometer namun tidak mematahkan semangat beliau.

Kiumars mempunyai semangat yang kental dan pernah memenangi beberapa pingat emas dalam Kejohanan Pra-Olimpik di negara kelahirannya. Negara Brunei Darussalam merupakan negara ke-18 dijelajahnya sebelum meneruskan misi perjalanannya ke Republik Filipina.

Menceritakan pengalamannya ketika menjelajah dari sebuah negara ke sebuah negara lain banyak rintangan yang dihadapinya, antaranya kerosakan kerusi roda telah biasa dialaminya dan beliau juga pernah dirompak serta ditimpa kemalangan semasa menjelajah negara-negara Timur Tengah.

Beliau menyampaikan penghargaan kepada masyarakat umum dan pihak berkuasa negara ini yang bermurah hati menghulurkan bantuan berupa makanan dan minuman serta sudi mengiringi beliau dalam perjalanan hingga sampai ke destinasi yang dituju dengan selamatnya.



PEGAWAI Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yussop bin Bakar menyampaikan cenderahati kepada pengembara Iran, Kiumars Ali Mardani.

Kastam tumpaskan penyeludupan Astro

KUALA BELAIT, 9 Mei. - Pegawai-pegawai Bahagian Siasatan Kastam Sungai Tujoh dan Bahagian Penguatkuasaan dan Pencegahan Kastam telah menahan seorang lelaki tempatan berusia 27 tahun kerana cuba menyeludup masuk barang larangan

kastam ketika menjalankan pemeriksaan di Pos Sempadan Sungai Tujoh.

Dalam kejadian yang berlaku kira-kira jam 6.00 petang itu, lelaki berkenaan didapati membawa masuk tujuh unit Multimedia Digital Astro Terminal DV3 bersama alat

kawalan jauh yang lengkap dengan peralatan pemasangannya iaitu lapan unit 'reflector', tujuh unit 'mounting pole', tujuh unit 'back part', tujuh unit 'aluminium arm with LNB', tujuh unit AZ-EI Holder dengan alat pemegang, dua kotak skru dan plug serta

13 gulung kabel sepanjang 25 meter.

Semua barangan itu disimpan di bahagian tong pembesar suara di tempat penyimpanan barang di belakang keretanya. Lelaki tersebut dibawa ke Pejabat Kastam di sini untuk siasatan lanjut.



TIMBALAN Pengarah Urusan BSP, Awang Haji Zainal Abidin bin Haji Mohd. Ali menyampaikan sumbangan cek kepada Awang Musa bin Haji Sulaiman.



UNIT Multimedia Digital Astro yang lengkap dengan peralatan pemasangannya dari negara jiran cuba diseludup masuk ke negara ini.

Sastera dan Budaya

سستردان بودايا

Sejauh mana pantun dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu?

PENGENALAN

PANTUN Melayu merupakan hasil sastera rakyat yang tertua yang disebarluaskan secara lisan. Ia tergolong dalam corak sastera yang berbentuk 'non-narrative' atau bukan cerita. Pantun adalah bahasa berangkap yang mengandungi unsur-unsur keindahan, seperti banyak baris tiap rangkap, banyak suku kata, ritma akhir, pembayang maksud, asonansi-aliterasi, kata-kata yang indah, ringkas dan padat.

Pantun adalah istimewa dan merupakan hak milik jati bangsa Melayu yang tidak ada pada bangsa-bangsa lain di dunia ini. Ia tidak dipengaruhi oleh mana-mana pengaruh luar, bukan saduran dari Jawa, India atau China seperti yang dinyatakan oleh Harun Mat Piah dalam kajiannya mengenai Pantun Melayu. Dalam erti kata lain pantun itu adalah hasil daya ciptaan masyarakat Melayu lama yang tinggi, asli dan bernilai seni.

Sebelum membincangkan lebih lanjut lagi, kita perlu mengetahui serba sedikit mengenai sejarah penghasilan pantun itu sendiri, iaitu mengenai masyarakat yang melahirkannya. Menurut pendapat sasterawan Sutan Takdir Alisabana, sastera rakyat merupakan pancaran hidup masyarakat Melayu lama. Ini tidak terkecuali dalam bidang penghasilan puisi Melayu lama, khususnya pantun.

ANTARA CIRI MASYARAKAT MELAYU

Jika dikaji, pantun dicipta sebelum bangsa Melayu tahu menulis dan membaca. Masyarakat Melayu lama yang menghasilkan pantun itu merupakan masyarakat yang berpegang dengan sifat gotong-royongnya, masyarakat yang masih bergantung pada alam sekelilingnya. Dari aspek ketamadunannya masih di peringkat rendah atau primitif, berkepercayaan animisme, corak kehidupan mereka yang padu (kolektif) di mana setiap anggota masyarakat terikat oleh cara hidup bermasyarakat.

Masyarakat Melayu lama sememangnya terkenal kerana memiliki sifat-sifat yang murni. Mereka mempunyai budi pekerti yang tinggi dan menghargainya, mempunyai sikap timbang rasa dan suka menolong serta menghormati orang lain. Berdasarkan kajian yang dilakukan penulis, ternyata sifat-sifat yang mulia ini secara tidak langsung tergambar di dalam pantun-pantun yang dihasilkan.

OLEH MUHSIN

Seterusnya, berbalik kepada tajuk di atas - iaitu sejauh mana pantun dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu, kita sebenarnya tidak dapat lari daripada membincangkan penggunaan dan matlamat atau tujuan pantun itu dicipta.

PENGUNAAN PANTUN DAN PENGGOLONGANNYA

Peranan, fungsi atau penggunaan pantun di dalam kehidupan masyarakat Melayu amat meluas, walaupun sekarang penggunaannya kian berkurangan, baik dalam nyanyian, hiburan, peminangan, percintaan, sindir-menyindir dan sebagainya.

Menghasilkan pantun yang berkesan dan bernilai seni adalah suatu kelebihan masyarakat Melayu lama, dan ia tidak dapat dipertingkatkan. Orang-orang Melayu lama mahir dan cepat mencipta pantun dengan serta-merta, sehingga ada Majlis Berbalas Pantun. Menurut kajian yang telah dijalankan dan dari segi penggunaannya pantun dapat digolongkan kepada tiga golongan:

i. Pantun Kanak-kanak

Pantun ini berupa pantun senang hati, bersusah hati, pantun teka-teki dan pantun jenaka.

ii. Pantun Orang Muda

Pantun ini berupa pantun perkenalan, pantun kasih sayang, pantun percintaan, pantun perpisahan dan pantun perceraian.

iii. Pantun Orang Tua

Pantun ini berupa pantun nasihat, pantun agama dan pantun adat.

Daripada pecahan-pecahan golongan ini, penulis cuba menganalisis gambarnya atau refleksinya dalam kehidupan masyarakat Melayu. Penulis menganggap gambaran atau visualisasi yang cuba diterjemahkan itu adalah berupa 'cerita' yang terkandung sama ada secara luaran (fizikal) atau dalaman sebuah pantun itu.

Pantun Kanak-kanak

Ketinggian daya cipta masyarakat Melayu lama dalam bidang sastera adalah diakui. Di dalam penghasilan pantun kanak-kanak, orang Melayu sangat kreatif. Kehendak jiwa kanak-kanak yang selalunya riang suka bermain, naluri ingin meneroka alam dan keadaan sekeliling serta berkawan banyak digambarkan dalam pantun jenis ini. Untuk jelasnya lihat contoh di bawah ini:

Pantun yang menggambarkan keriangkan kanak-kanak

*Hanyut batang berlitil kumpai,
Terdampar di anjung Tanjung Jati.
Bonda pulang bapa pun sampai,
Kita semua berbesar hati.*

*Tepek amai-amai,
Belalang kapu-kapu;
Tepek adik pandai,
Abang upah susu.*

Pantun yang berisi teka-teki dan lawak jenaka

*Jikalau tuan tajuk cendawa,
Ambil gantang sukutkan padi.
Jikalau tuan bijak laksana,
Binatang apa bertanduk di kaki?*

*(Pantun teka-teki)
Buah salak di rumah Tok Imam,
Siri sekapur pergi menjala;
Anjing menyalak harimau demam,
Kucing di dapur pening kepala.
(Pantun jenaka).*

Pantun Orang Muda

Pantun orang muda menggambarkan alam atau lingkungan penghidupan orang muda-muda yang kaya dengan perasaan, keinginan, fikiran-fikiran dan pengalaman mereka yang berbeza daripada kanak-kanak. Orang-orang Melayu adalah berjiwa sensitif dan memiliki sikap yang tertutup iaitu tidak meluahkan perasaan secara terus atau 'direct' dan kata-kata yang akan diucapkan disusun secara berhati-hati.

Jiwa orang-orang Melayu yang muda disaluti oleh perasaan suka, duka, kasih sayang, rindu dendam, benci, rasa ingin merantau ke negeri orang untuk meluaskan pengetahuan, pengalaman dan mencari bekalan hidup sering bermain dalam jiwa mereka. Kenyataan ini dapat dilihat kerana pahatannya yang terdapat pada

pantun-pantun yang berunsurkan kasih sayang, suka dan duka, hiba, pilu dan rawan. Berdasarkan pemilihan kata-kata dalam golongan pantun orang muda, perhatikan petikan pantun di bawah ini:

Pantun kasih sayang
*Bunga rampai di dalam pua,
Buluh perindu di atas gunung;
Adakah sampai kepadamu tuan,
Rindu kekanda tidak tertanggung.*

Pantun perpisahan
*Burung bayan di atas kota,
Mati dipanah Dewa Sakti;
Lemah rasanya seluruh anggota,
Berpisah dengan pujaan hati.*

Pantun kembara dan perantauan
*Kerbau menguak di tengah padang,
Puyuh di tepi habis lari;
Kita beredar di tempat orang,
Budi bahasa baik dicari.*

Pantun kebibaan hati/dukacita
*Nasi lemak buah bidara,
Sayang selasih hamba lurikan;
Buang emak buang saudara,
Kerana kasih hamba turukan.*

Pantun sindiran
*Pagi-pagi mengail sepat,
Kalau tenggelam jatuh ke pamah;
Sepandai-pandai tupai melompat,
Adakalanya jatuh ke tanah.*

Pantun Orang Tua

Pantun orang tua lebih merupakan pantun-pantun yang berunsurkan nasihat, ilmu atau keagamaan. Pantun jenis ini menggambarkan bahawa masyarakat Melayu yang 'berusia' amat prihatin akan golongan muda dan kanak-kanak. Mereka menjadikan apa yang telah mereka alami sebagai panduan dan pengajaran untuk orang lain, khususnya golongan muda. Ini adalah kerana golongan tua telah lama hidup dan mempunyai pengalaman hidup yang luas. Mereka juga telah merempuh se-

gala pancaroba kehidupan, dan telah terlebih dahulu merasa asam garam kehidupan.

Pahit manis yang telah mereka lalui, ilmu dan nasihat yang ingin disampaikan banyak digambarkan melalui penghasilan pantun oleh golongan tua. Misalnya pantun-pantun di bawah ini:

Pantun nasihat
*Tanam balik buah peria,
Buah peria mahal sekali;
Buat baik berpada-pada,
Buat jahat jangan sekali.*

Contoh: Pantun adat
*Laksamana berbaju besi,
Masuk di hutan melanda-landa;
Hukum berdiri dengan saksi,
Adat berdiri dengan tanda.*

Contoh: Pantun kiasan (menyindir secara halus)
*Kemuning di tengah balai,
Bertumbuh semakin tinggi;
Berunding dengan orang tak pandai,
Sebagai alu pencungkil duri.*

Contoh: Pantun ilmu/agama
*Banyak bulan perkara bulan,
Tidak mulia bulan puasa;
Banyak Tuhan perkara Tuhan,
Tidak mulia Tuhan Yang Esa.*

(Pantun yang bertema agama secara tidak langsung menampakkan cara hidup masyarakat Melayu yang berpegang teguh dengan ajaran agama Islam).

TUJUAN/FUNGSI PANTUN DIHASILKAN

Pantun digunakan secara puitis di dalam satu corak komunikasi berseni di tempat yang tertentu, di upacara yang tertentu atau untuk menyampaikan kiasan atau sindiran yang tertentu. Tujuannya adalah untuk memelihara kehalusan bahasa, kelembutan jiwa bangsa Melayu secara tidak terus terang. Ini bermaksud agar yang kena sindir atau yang kena nasihat itu tidak marah, tetapi

sebaliknya ada azam untuk memperbaiki perbuatan dan perangai yang tidak disukai. Untuk selanjutnya diterangkan di bawah ini.

Antara fungsi/kegunaan pantun ialah:

1. Untuk mendidik

Di dalam sosialisasi seperti untuk tujuan menasihati atau membentuk moral yang lebih baik di kalangan orang muda mahupun kanak-kanak misalnya pantun nasihat. Mesej-mesej yang terdapat di dalam pantun nasihat adalah berdasarkan kebenaran atau penilaian masyarakat Melayu akan sesuatu, baik ia pekerjaan ataupun perbuatan. Pantun nasihat yang dihasilkan oleh orang Melayu menggambarkan akibat sesuatu perkara buruk yang jika dilakukan akan mendatangkan kesan negatif. Sebagai contoh dapatlah kita lihat pantun di bawah ini:

*Hangus bertih berwarna merah,
Mari dituang ke dalam kain;
Suami yang letih usah dimarah,
Kelak terbang ke bunga lain.*

Pantun di atas, jika diteliti adalah nasihat yang disasarkan untuk isteri-isteri demi menjaga kerukunan rumah tangga. Di sini, para isteri dinasihati supaya jangan menengking atau memarahi suami yang telah penat bekerja kerana takutnya si suami akan beristeri baru jika kerap dimarahi. Sebaliknya pantun ini mengajar isteri ataupun gadis yang bakal menjadi suri rumah tangga supaya menyambut baik kedatangan suami yang baru balik bekerja dengan kata-kata yang manis yang dapat menghilangkan rasa penat mencari rezeki.

2. Untuk meluahkan rasa kasih sayang

Masyarakat Melayu, khususnya golongan muda amat mementingkan rasa berkasih sayang. Oleh yang demikian untuk meluahkan perasaan perlu disulami dengan kata-kata yang indah, berbunga-bunga, puji-memuji yang sebenarnya memaparkan jiwa mereka yang melankolik. Dari itu, terciptanya pantun adalah sebagai cara untuk melepaskan rasa kasih dan rindu dendam golongan muda.

Pantun juga dapat menggambarkan rasa kasih sayang suami kepada isteri, anak kepada ayah dan ibu.

3. Untuk sindiran dan tempelak

Orang Melayu menggambarkan rasa tidak puas hatinya dengan bahasa yang tidak terus terang dengan tujuan mengelakkan berlakunya pertelingkahan yang serta-merta di antara sesama mereka. Ini berse-

esuaian dengan peranan pantun itu. Perhatikan pantun di bawah ini:

*Buah langsung kuning mencelah,
Keduduk tidak berbunga lagi;
Sudah dapat gading bertuah,
Tanduk tidak berguna lagi.*

Pantun ini menyatakan kepada yang ditujukan tentang rasa kesal, kecewa dan dukacita si penutur pantun. Jelas di sini bahawa pantun menyembunyikan maksud atau perasaan dengan penyusunan kata-kata yang indah. Si penutur pantun mungkin mengharapkan agar dia dapat dihargai dan tidak dilupakan begitu saja dengan kehadiran orang baru. Adapun maksud sebenar sindiran di dalam pantun ini ialah apabila seseorang itu beroleh teman baru, janganlah sekali-kali melupakan jasa baik teman lama. Inilah di antara keunikan Pantun Melayu yang penuh dengan kata-kata simbolik yang tidak terdapat dalam mana-mana bangsa lain.

4. Untuk menyampaikan rasa penghargaan atau terima kasih

Sebagai masyarakat yang tahu mengenang budi dan jasa, Pantun Melayu banyak dicipta untuk tujuan ini, antaranya:

*Pisang emas bawa berlayar,
Masak sebiji di atas peti;
Hutang emas boleh dibayar,
Hutang budi dibawa mati.*

5. Untuk menekankan pendapat dan menjelaskan maklumat

Pantun juga digunakan di dalam penghujahan supaya pendapat yang diberikan lebih berkesan.

Perhatikan contoh ini:

*Anak punai, anak merbah,
Hinggap di tonggak mencari sarang;
Anak sungai lagi berubah,
Itnik pula hatinya orang.*

Pantun ini dapat digunakan jika seseorang berhujah/bercakap mengenai perubahan yang berlaku pada seseorang.

6. Pantun dalam adat istiadat

Pantun memainkan peranan penting di dalam upacara yang berkaitan dengan adat istiadat, seperti majlis meminang, majlis perkahwinan atau majlis lain yang formal.

Pantun adat akan diucapkan sebagai mukadimah bagi menandakan bermulanya sesuatu acara rasmi, seperti majlis perkahwinan atau sebagai tanda meminta kebenaran atau untuk menyampaikan maksud di hati, di dalam upacara peminangan umpamanya.

JIKA dikaji, pantun dicipta sebelum bangsa Melayu tahu menulis dan membaca. Masyarakat Melayu lama yang menghasilkan pantun itu merupakan masyarakat yang berpegang kuat dengan sifat gotong-royongnya, masyarakat yang masih bergantung pada alam sekelilingnya. Dari aspek ketamadunannya masih di peringkat rendah atau primitif, berkepercayaan animisme, corak kehidupan mereka yang padu (kolektif) di mana setiap anggota masyarakat terikat oleh cara hidup bermasyarakat.

GERAK

OLEH SOSONJAN A. KHAN

SAKURA terkial-kial di hadapan cermin. Wajahnya resah dan bingung. Cermin diteliti betul-betul. Seluruh penjuru kanan dan kiri, atas bawah diperhatikan agak lama. Macam mencari hama. Sekali-sekala permukaan cermin disentuh oleh jari-jemarinya. Kemudian hujung-hujung jari ditengung dekat-dekat ke anak mata.

Mungkin cermin yang salah. Mungkin cermin yang tidak betul. Mungkin cermin yang sedia ada sudah perlu ditukar. Ya! Ditukar dan beli saja yang baru. Sakura berlari ke dapur mencari anak lesung, kembali ke hadapan cermin dan pang!!!!!!

Berderai. Cermin di hadapannya berkecai dengan sekelip mata. Celaka! Cermin puaka! Sakura merasa puas. Sekarang sudah tidak ada cermin puaka yang sering menghantui dirinya. Sakura tidak perlu berfikir apa-apa lagi. Kalau mahu bercermin boleh masuk bilik Nora. Bukankah Nora tidak pernah mengeluh mengenai sebarang masalah mengenai cerminnya? Malam itu Sakura tidur dengan nyenyak.

Pagi itu seperti biasa Sakura bersiap-siap untuk turun ke pejabat. Selepas mandi dan mengenakan pakaian, ia seperti merasa kehilangan sesuatu. Ya! Cermin.

Sakura kumpul semua alat solek yang perlu dan segera berlalu ke kamar Nora.

Tanpa mempedulikan Nora yang masih berulit dengan selimut dan bantal Sakura berdandan di depan cermin. Siap berdandan, Sakura berdiri tenang-tenang di hadapan cermin. Sakura perhatikan betul-betul segenap sudut wajah dan tubuhnya.

Nora yang tiba-tiba terjaga, mencelik mata lambat-lambat. Kaca mata tebal yang terletak di sudut katil segera dicapai. Begitu setelah mengenakan kaca mata, Nora segera duduk. Hairan melihat Sakura berada di kamarnya.

"Bagaimana baju aku, o.k.?" soal Sakura tanpa memandang wajah Nora.

"Ya, ya o.k. Kenapa?" jawab Nora sambil menggosok-gosok mata.

"Make-up aku bagaimana? O.k kah tidak?" soal Sakura lagi.

"Ya, ya ok. Ada apa?"

BAGI Sakura semua orang yang mengatakan bajunya biut adalah orang gila, gila, gila! Atau sekurang-kurangnya orang yang rabun mata dan tidak dapat melihat dengan jelas. Atau juga orang-orang yang pendengki kerana semua baju-bajunya dari kain-kain yang mahal. Tambahan pula Sakura jahit sendiri. Sakura pandai memilih warna kain dan pandai pula mereka banyak fesyen. Fesyen-fesyen yang direkannya hampir semuanya yang terkini, mengikut perkembangan dunia fesyen semasa.

BIUT

"Tiada apa-apa. Baiklah kau boleh sambung tidur. Aku mahu keluar kerja dulu."

Sakura terus berlalu keluar. Nora yang tidak mengerti apa-apa terus merebahkan semula tubuhnya di atas katil.

Sakura menuruni anak tangga terus berjalan ke perhentian bas. Beberapa orang kanak-kanak sekolah yang kebetulan lalu di tempat itu tersenyum-senyum sumbing melihatnya. Sakura pura-pura tidak melihat. Kemudian beberapa orang wanita separuh umur juga asyik menoleh-oleh padanya. Ada yang berbisik-bisik dan ada pula yang terang-terang merenung dirinya sambil tersenyum panjang. Bahang panas mulai merayap ke permukaan hatinya lagi. Masakan setiap kali ia keluar rumah semua orang asyik memandangnya saja. Sakura masih ingat, kira-kira satu tahun dulu sebelum berkenalan dengan Hamdi pun ia tinggal di sana. Rumah sewanya itu, laluan dan perhentian bas itu tetap sama. Tidak adapun orang yang asyik memandangi-mandangnya saja apalagi kalau sampai mengatakan bajunya biut! Tapi sejak akhir-akhir itu desas-desus sekelilingnya lebih ramai yang mengatakan bajunya biut. Ya! Biut! Memang selain menghantar kain untuk dijahit di kedai-kedai, kebanyakan baju-bajunya ia jahit sendiri. Sakura pandai menjahit.

Dulu Sakura pernah

ikut kursus jahit-menjahit. Dapat sijil. Sakura ada kemahiran.

Selain daripada menjahit pakaian, Sakura juga boleh menjahit langsir, alas tilam, meja dan lain-lain. Tidak adapun yang biut. Guru sekolah jahitan Sakura dulu tidak pula pernah mengatakan kalau-kalau jahitannya ada yang biut.

Macam mana boleh jadi biut padahal sudah diukur dan disukat betul-betul?

Mungkin kain yang buat hal! Tapi kalau kain yang buat hal, takkanlah semua jenis kain buat hal yang sama? Atau mesin jahit yang tidak betul? Tapi kalau mesin jahit yang tidak betul tentu dapat tahu juga. Bukan tidak biasa dengan mesin jahit. Dari bunyi dan jahitan yang muncul saja sudah boleh tahu sama ada mesin o.k atau k.o!

"Baju kau biut! Ha ha ha!"

"Baju kau eh, kenapa biut ah?"

"Biutkah baju kau ini?"

"Kenapa pakai baju biut?"

Begitu yang sering



Sakura dengar semenjak akhir-akhir tahun itu. Mula-mula memang Sakura tidak peduli. Orang cakap biut! Biut! Biut! Sakura memang tak kisah. Sebab ia betul-betul pasti bajunya tidak biut. Tapi setelah semakin ramai pula orang mengatakan hal yang sama, perasaannya jadi tidak sedap. Kenapa orang ramai asyik mengatakan baju yang dipakainya biut, sedangkan ia sendiri tidak pernah lihat atau merasa biut.

"Biut? Mana ada biut. Baju aku ok!"

"Balik rumah kau tengok betul-betul depan cermin."

"Aku cakap tidak biut!"

"Balik rumah dulu dan tengok betul-betul depan cermin."

Bagi Sakura semua orang yang mengatakan bajunya biut adalah orang gila, gila, gila! Atau sekurang-kurangnya orang yang rabun mata dan tidak dapat melihat dengan jelas. Atau juga orang-orang yang pendengki kerana semua baju-bajunya dari kain-kain yang mahal. Tambahan pula Sakura jahit sendiri. Sakura pandai memilih warna kain dan pandai pula mereka banyak fesyen. Fesyen-fesyen yang direkannya hampir semuanya yang terkini, mengikut perkembangan dunia fesyen semasa.

Sewaktu Sakura berjalan-jalan ke kedai, semua orang menoleh-oleh pada-

nya.

Mula-mula dulu Sakura ingat orang ramai menoleh-oleh padanya kerana tertarik pada fesyen pakaiannya. Waktu itu Sakura sendiri sering merasa bangga dan puas hati. Tapi ketika terdengar suara seorang kanak-kanak yang berkata 'biut' perasaan Sakura menjadi tidak senang dan mulai bingung. Pekerja-pekerja bandarannya yang sedang membersihkan pohon-pohon bunga di tepi jalan berbisik 'biut'. Tukang-tukang kebun, tukang-tukang cuci lantai dan tandas, tukang-tukang putik sampah bahkan tukang-tukang jual ikan pun mengatakan 'biut'. Hanya golongan cendekiawan saja yang tidak mengatakan 'biut' tapi masih saja pandang dengan sorot mata aneh berserta senyuman yang penuh bermakna. Semua orang sudah gila! Bisik hati kecilnya.

Sewaktu Sakura menaiki bas untuk pulang ke rumah sewanya, pemandu bas juga turut terlopong lama. Matanya yang hitam berkilat tidak berkedip memandang terus ke tubuh Sakura. Tanpa mempedulikan pemandu bas dan semua orang yang mengeramnya dengan sorot mata penuh tanda tanya, cepat-cepat Sakura mengambil tempat duduk. Sepanjang jalan fikirannya menerawang jauh.

Bagaimana tiba-tiba saja semua orang boleh

berbuat begitu terhadap dirinya?

Kalau cuma sehelai baju yang dikatakan biut, tentu saja Sakura boleh percaya.

Tapi setiap kali keluar rumah dengan baju yang berbeza-beza pula, setiap kali itu juga bajunya dikatakan biut dan hampir semua orang asyik memandangnya. Mana mungkin biut semua? Mana mungkin Sakura boleh silap.

Sakura bukan budak kecil. Bukan bodoh. Sakura bukan baru dalam bidang fesyen dan jahit-menjahit. Mungkin semua mata orang sudah terpeleot! Tapi Hamdi?

Bukankah Hamdi selama setahun itu tidak pernah sekali mengatakan bajunya biut? Biarpun belum dijabkabulkan secara sah mereka bebas berdua ke mana-mana saja. Hamdi yang sudah berusia cukup matang dan penuh romantik serta mempunyai pendidikan yang tinggi tidak pernah sekalipun mengatakan bajunya biut! Hamdi adalah orang yang paling dekat dan yang paling sering melihat dirinya dari semua sudut. Takkanlah Hamdi yang pengasih, penyayang, penuh kelembutan dan pengertian itu tergamak membiarkan ia berbaju biut.

Tidak mungkin juga Hamdi yang menyatakan cinta seratus persen padanya itu sanggup membiarkan orang lain mengatakan baju-bajunya

biut. Kalau betulah baju-bajunya ada yang biut pasti sudah lama Hamdi tegur dengan cara yang lembut. Atau sekurang-kurangnya Hamdi yang sopan santun itu akan menasihatinya agar mengukur baju dengan lebih teliti dan berhati-hati. Tapi mungkin juga Hamdi takut kalau-kalau ia tersinggung. Hamdi pernah berkata tidak mahu kehilangan Sakura! Dan cinta tidak semestinya ijab kabul! Ya, mungkin Hamdi takut Sakura merajuk lalu meninggalkan dirinya. Sakura bukan tidak pandai merajuk. Salah sikit saja Hamdi tegur, rujuknya sampai seminggu dua. Dalam keadaan seperti itulah Hamdi merasa kerugian. Rugi masa, rugi peluang! Segala aktiviti 'sukarela' akan terkandas. Tapi Hamdi bijak. Bijak dan berwawasan.

Sakura turun dari bas lalu cepat-cepat berjalan untuk sampai ke rumah sewanya.

Puas dicari-cari kelibat Nora tidak kelihatan. Sakura terduduk lelah di atas sofa.

Tapi buat apa tanya pada Nora yang dungu itu lagi? Nora lembap. Apa benda ditanya pun, dia tidak tahu. Dia cuma tahu kerja sebelah petang, baik makan dan tidur. Sebelah malam Nora tunggu tayangan drama atau filem-filem klasik lama.

Dari muka 12

Mahu minta komentar mengenai baju? Selama itu semua baju-baju, semua kasut-kasut, semua cakap dan semua apa saja yang Sakura lakukan Nora cakap o.k! No komen! Pernah sekali Sakura tanya pasal ikan buntu yang dibeli dari pasar. Ketika sama-sama menjamah hidangan ikan yang Sakura masak, Nora jawab, eh sedap!

Nora lembap. Orang lembap mana dapat bagi komen apa-apa. Nora hanya tahu cakap, o.k no komen! O.k no komen! Agaknya hanya itu perkataan yang telah terser di lidah dan mindanya!

"Nora, kali ini kau mesti tolong aku betul-betul. Kau tengok baju yang aku pakai ini... ada apa-apa yang tidak kenakah?" soal Sakura ketika melihat Nora keluar dari bilik air dengan wajah pucat lesu.

"Ah... apa?" Soal Nora sambil membetulkan kacamatanya.

"Alah... kau ini teruk sangatlah..."

"Aku tengah sakit perut ni..."

"Kau tengok betul-betul baju yang aku pakai ini... o.k kah? Atau ada apa-apa?" soal Sakura lagi memaksa.

"Ahhh... ohhh... baju yang kau pakai ini? Cuba aku tengok dulu, berdiri sikit."

Ah... cantik! Cantik

Sakura!" jawab Nora sambil duduk di birai katil.

"Eh! Geramnya aku! Kau ni tidak boleh diharap langsung." Sakura menggerutu marah.

"Manalah aku tahuuu... Aku tengok o.k pun," sambut Nora sambil menguap panjang.

Awal-awal pagi lagi Sakura sibuk menyelongkar isi almari. Semua baju-bajunya yang ada dilipat elok-elok dan dimasukkan ke dalam sebuah beg. Tapi sebuah beg saja memang tidak cukup. Baju-baju kurung, kebaya dan seluar panjang.

Blaus, jubah, maxi, dan seribu satu macam fesyen memerlukan lima buah beg besar lagi untuk diisi. Sakura geledah bawah katil. Cuma ada dua buah beg saja lagi.

Itu pun padat berisi pakaian-pakaian lama. Isi beg dengan pakaian-pakaian lama, Sakura tarik dan campak keluar. Baju-baju dari dalam almari Sakura asak masuk.

Masih banyak lagi yang berlonggok atas lantai. Sakura mara ke ruang dapur, capai tiga kotak besar bekas tuala wanita. Ketiga-tiga buah kotak tersebut segera dimasukkan baju-bajunya. Padat dan berat. Sakura buka sebuah almari lagi.

Ternyata ada lebih kurang 90 helai baju-baju lagi yang terbak. Sakura bingung dan berfikir seketika. Ah, tiga buah beg dan tiga buah kotak besar padat terisi sudah cukup memadai untuk dibawa terlebih dahulu. Selebih-

nya akan difikirkan kemudian. Tiga buah beg pakaian dan tiga buah kotak besar yang padat itu Sakura punggah satu persatu masuk ke dalam keretanya. Enjin dihidupkan. Sakura terus berlalu menuju ke sebuah kedai jahit yang berhampiran.

Ah Lan, tukang jahit wanita yang sudah lebih 30 tahun membuka kedai jahit tergugup hairan melihat kedatangan Sakura. Rasanya, belum pernah seumur hidupnya menerima tempahan kain untuk dijahit sebegitu banyaknya. Para pembantu Ah Lan yang seramai tujuh orang dari negara Filipina itu juga semua bangun berdiri kerana sangat hairan dan terkejut. Tiga buah beg dan tiga buah kotak besar! Tentu penuh terisi dengan kain-kain untuk dijahit, fikir mereka.

"Ah yo, ini semua mahu jahitkah?" soal Ah Lan tidak sabar dan separuh takut.

Dalam telahannya jika semua isi beg dan kotak itu mahu dijahit serentak, tentu menempah sejarah dalam penglibatannya sebagai pengusaha kedai jahit.

"Ya, ya mahu jahit. Eh... eh... maksud aku mahu kasi betul. Lu buka ini baju-baju dan kasi betul semula mana-mana sudut yang biut."

"Miut?!?! Ini semua baju-baju miutkah?" Ah Lan terperanjat buruk.

"Ya! Ya!" Sakura duduk tanpa dipelawa.

"Apa macam ini semua boleh miut? Lu jahit baju titik sukatah?"

"Biut! Bukan miut."

"Ya, piut. Apa macam boleh piut ah? Oh yo, lu



AWAL-AWAL pagi lagi Sakura sibuk menyelongkar isi almari. Semua baju-bajunya yang ada dilipat elok-elok dan dimasukkan ke dalam sebuah beg. Tapi sebuah beg saja memang tidak cukup. Baju-baju kurung, kebaya dan seluar panjang.

bikin mana?" soal Ah Lan sambil membuka sebuah beg dan menarik sehelai baju kebaya ketat warna merah menyala. Tujuh orang pekerjanya segera mengikuti tindakannya. Masing-masing menarik sehelai baju tiap seorang. Masing-masing pula membelek-belek macam tidak pernah melihat kain baju sebelumnya. Ah Lan terkebil-kebil. Ah Lan tercengang-cengang. Mulutnya terlonjong besar. Tujuh orang pembantunya juga terkebil-kebil, tercengang-cengang dengan mulut terlonjong besar.

"Lu jangan hairan tauke. Ini baju semua aku jahit sendiri," Sakura cuba memberi penjelasan.

"Oh yo, lu ada mututlah, ini baju semua ada miut... eh?" jawab Ah Lan sambil sempat memikirkan berapa kira-kira upah yang akan diperolehi.

"Biut!" Sakura melurukan.

"Ini baju ah, kalau mahu buka, mahu jahit bukan senang oh! Banyak masa mau guna."

"Lu buat saja dulu mana-mana yang dapat tauke!"

"Ini banyak lui mau bayar oh..."

"Jangan susah aku boleh bayar..."

"O.k! O.k! Lua minggu lu datang sini boleh angkat 10 pasang lulu lah."

"O.k! O.k!"

Menunggu masa selama dua minggu rasanya seperti dua tahun. Begitu yang Sakura rasakan. Pagi itu sebelum kedai jahit Ah Lan buka Sakura sudah siap berdiri di depan pintu kedainya. Begitu pintu dibuka, Sakura menerpa masuk dan meminta sepuluh pasang baju yang telah dijanjikan. Wang dan bungkusan kain segera bertukar tangan. Sakura dan Ah Lan sama-sama tersenyum gembira.

"Jangan lupa tauke, dua minggu lagi aku akan datang," kata Sakura segera meluncur pergi dengan perasaan berbunga-bunga.

Setibanya di rumah Sakura segera mengenakan

baju yang baru diambil. Sakura berjalan sekeliling desa dan kota. Sakura masuk-masuk ke kumpulan orang ramai.

Sudah tidak ada pandangan sinis, lucu atau gelak tawa yang memperli dirinya.

Sudah tidak ada jeliangan, senyuman atau bisik-bisik biut hinggap di kupingnya.

Hati Sakura melonjak gembira. Hamdi? Ya, Hamdi! Sakura mahu berjumpa Hamdi.

Dari jauh kelihatan Hamdi tersenyum sumbing memandangnya.

"Kenapa?" soal Sakura cuba mencari kepastian.

"Baju kau biut!"

"Biut?" Sakura tersentak malu segera berlari meninggalkan Hamdi.

Setibanya di rumah, Sakura segera mendapatkan Nora. Nora berdiri tegak macam patung tidak bernyawa di hadapannya.

"Aku rasa... aku kira... baju kau biutlah!"

Dari muka 11

7. Pantun sebagai hiburan

Pantun seterusnya menggambarkan cara kehidupan masyarakat Melayu dari segi mendapatkan hiburan. Di dalam nyanyian rakyat seperti nyanyian lagu 'Rasa Sayang', nyata dapat memberikan hiburan kepada masyarakat Melayu yang menghasilkan sendiri cara mereka berlibur.

Di dalam majlis perkahwinan umpamanya, acara berbalas pantun dapat menghangatkan suasana dan memeriahkan lagi majlis berkenaan. Di samping itu, pantun secara tidak langsung juga dapat mengeratkan tali silaturahmi di antara sesama sekampung atau di antara kedua-dua belah pihak pengantin.

8. Untuk menguji minda

Pantun juga dicipta untuk tujuan mencabar ketangkasan fikiran misalnya dalam pantun teka-teki. Pantun sebegini begitu digemari ramai, khususnya golongan kanak-kanak. Keindahan yang terdapat di dalam pantun jenis ini melambungkan kreativiti si penciptanya. Contohnya:

Walau dibungkus bukan kiriman,
Sudah takdir Tuhan yang satu.

Sejauh mana pantun dapat menggambarkan kehidupan masyarakat Melayu?

Mesti ditaman bukan tanaman,
Cubalah teka apakah itu?

Menguji minda bukan hanya tertumpu pada pantun teka-teki saja, akan tetapi minda kita juga akan diuji dalam pantun-pantun yang amat sukar untuk difahami. Sememangnya, masyarakat Melayu pandai mengolah sesebuah pantun itu sehingga ia menjadi begitu sukar untuk diketahui makna yang tersirat di sebalik yang tersurat. Pendek kata, orang Melayu mampu menghasilkan pantun yang penuh simbolik, mempunyai makna yang mendalam. Sebagai contoh, perbincangan pantun di bawah ini:

Cau Pandan anak bibunya,
Hendak menyerang ke Melaka,
Ada cincin berisi bunga,
Bunga berladang si air mata.

GAMBARAN LAIN MENGENAI PANTUN

1. Menggambarkan sistem hidup masyarakat yang berjaja

Sebilangan pantun menggambarkan cara hidup masyarakat Melayu yang mempunyai pemimpin. Sebagai contoh, kita lihat petikan pantun 'Kemakmuran Negeri Perak' ini:

Zaman Sultan Raja Iskandar,
Membuat negeri di Pulau Cempaka,

Eloknya pekan dengan bandar,
Tempat dagang datang berniaga.

2. Secara kasar menampakkan suasana tempat/lokasi

Penggunaan nama tempat banyak terdapat di dalam pembayang pantun. Ini dapat dibuktikan dalam pantun di bawah ini:

Pulau Pandan jauh ke tengah,
Gunung Daik bercah bang tiga;

Hancur badan dikandung tanah,
Budil yang baik dikenang juga.

Biasanya penggunaan nama tempat dalam pantun adalah berdasarkan tempat-tempat yang benar-benar wujud. Merujuk pantun di atas, keistimewannya ia ditambah dengan pernyataan lokasi tempat-tempat tersebut. Buktinya nama tempat 'Pulau Pandan' dan 'Gunung Daik' memang ada di Tanah Semenanjung, Malaysia.

3. Menggambarkan kegiatan harian masyarakat Melayu

Pantun selain mementingkan maksud dan fungsi, ia juga menggam-

barkan aktiviti harian masyarakat Melayu itu. Aktiviti yang dimaksudkan di sini ialah pantun secara langsung memaparkan cara orang Melayu mencari rezeki - iaitu melalui perniagaan, menangkap ikan di laut, bersawah padi, berniaga, bertenan kain, pertukangan besi, emas dan perak, dan sebagainya.

Hasil dari cara mereka mengharungi hidup itulah maka terjadinya pengalaman-pengalaman pahit manis, suka dan duka yang diluahkan dalam bentuk pantun.

Sebenarnya terlalu banyak jenis pantun yang menceritakan pekerjaan orang-orang Melayu itu, di antaranya:

i. Kain selendang tenunan Kapar,
Putus sehelai atas kasur,

Dialas dengan saputangan,
Dibungkus dengan kain kasap,

Dilak dengan kain sutera;
Hidangan sudah terhantar,

Pahar dan cerik sudah teratur,
Jawat air basalah tangan,

Tambahkan nasi akan disantap,
Kami di pangkalan bersama-sama.

(Pantun 10 kerat)
ii. Tempayan pecah jangan ditiarap,
Boleh dibuat pengisi dedak,

Dedak basah penjemur padi;

Orang miskin apa diharap,
Budil tiada bahasa pun tidak,

Emas perak jauh sekali.
(Pantun 6 kerat)

Dua contoh pantun di atas ini jelas membuktikan/menunjukkan bahawa orang Melayu itu mahir dalam hasil kerja tangan (bidang tenunan kain) dan rajin bersawah padi.

KESIMPULAN

Dari apa yang telah dibincangkan, nyatalah bahawa pantun itu menggambarkan identiti kehidupan masyarakat Melayu yang kaya dengan khazanah seninya. Sejauh mana? Sebenarnya tidaklah dapat diukur atau dijangka dengan tepat. Hanya yang dapat dikatakan bahawa pantun itu amat memainkan peranan dalam mempengaruhi gaya hidup masyarakat baik dari peringkat kanak-kanak, orang dewasa dan orang tua. Pengaruhnya merangkumi daya berfikir, beradab, kreativiti, bekerja, berbahasa, bertindak atau dalam erti kata lain ia merangkumi banyak aspek kehidupan masyarakat Melayu.

MENGUJI minda bukan hanya tertumpu pada pantun teka-teki saja, akan tetapi minda kita juga akan diuji dalam pantun-pantun yang amat sukar untuk difahami. Sememangnya, masyarakat Melayu pandai mengolah sesebuah pantun itu sehingga ia menjadi begitu sukar untuk diketahui makna yang tersirat di sebalik yang tersurat.

Dari itu, untuk mengekalkan warisan kita ini kita perlu menghargai, mengenali dan menyayangi pantun kita ini supaya ia tetap kekal menjadi warisan kita turun-temurun.

"Tak kenal maka tak cinta."

BIBLIOGRAFI

A. Bakar Hamid, *Diskusi Sastra Jilid 1 : Sastra Tradisi* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K. L., 1987.

Mohd. Yusof Md. Nor & Dr. Abd. Rahman Kaeh, *Puisi Melayu Tradisi* : Fajar Bakti Sdn. Bhd., K.L., 1993.

Darodji, *Kesusasteraan Melayu Lama* : Seri Kota, Subang Jaya, Selangor, 1984.

M. G. Emeis, *Bunga Rampai Melayu Kuno* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L., 1975.

Alwi Salim, *Puisi Melayu* : Fajar Bakti Sdn. Bhd., Petaling Jaya, Selangor, 1983.

Hj. Hashim b. Hj. Abd. Hamid, *Riak Sastra Darussalam* : Hikmah Enterprise, K.L., 1994.

Zalila Sharif & Jamilah Hj. Ahmad, *Kesusasteraan Melayu Tradisional* : Dewan Bahasa dan Pustaka, K. L., 1992.

Halaman Puisi... Halaman Puisi... Halaman Puisi...

DALAM DOA DAN ZIKIRKU

Di bawah pintu malam yang remang
berlalu dalam mesra manja sebuah kehidupan
berserta kekejaman mengatasi kedamaian
titik pertemuan menjadi tentangan.

Antara kejujuran berbelukar bara
begitu terasa musim berubah
di satu lorong bersua teluk-teluk hidup
menggila-gila dalam kemelut rasa.

Seekali kuhanyutkan rasa rindu
membawa erti percantuman hati
dalam doa dan zikirku
menggenggam kebahagiaan penuh takwa
dalam kehidupan.

DI LORONG HIDUP

Riak cuaca muram bagai hujan panas
betapa getirnya dikonyah khaldu kehidupan
bergerak, berkembang, menyala atas waktunya
cuma tahu memunda tekad batas dunia.

Merah-merah lagi hati untuk melangkah
darah jadi beku menyambut bayi bisu
mata hitam punya pandangan berubah-ubah
ditelan suara guruh menggetar.

Hari ini terlepaslah bicara walau separuh nyawa
bila semua dalam mimpi
sedangkan malam semakin hampir maut berlegar
setiap derap melontar azam membalut hati.

Di lorong hidup kepunyaan kita
janjian harapan semanis janji orang bercinta
dalam kebodohan manusia yang kian
bermuka dua
setiap pembicaraan tanpa persatuan.

Alwi S. M.

BERANI

Pastinya
kebenaran tidak akan wujud
atau diperolehi
selagi manusia itu penakut
menyepi dan membekukan diri
tidak tahu dan mahu mencari
berusaha dan menggantinya
walau sampai bila-bila.

Adalah diyakini
untuk menegakkan kebenaran
kita mesti berani menentang arus
berani menempuh bahaya
berani bergadai nyawa
sebab
jiwa, hati dan seluruh urat saraf ini
telah merasakan
tanah air adalah kewajiban
hamparan yang mesti dijejaki
dalam menanti harap dan cita rasa
hingga ke akhirnya.

Berani!
berani!
berani!
kita perlakukan ini
demi membangun dan melestarikan
maruah bangsa
kesucian agama

martabat negara
yang berdaulat lagi merdeka
di sinilah hidup dan mati kita.

TAMU II

Kenang-kenangkan
fikir-fikirkan
perjalanan hayat kita ini
bagaikan waktu yang datang
dan perginya tanpa kembali.

Di sini kita harus tahu
kita hanya sebagai tamu
hidup sementara
dunia fana ...
bukan destinasi sebenar kita.

Dari itu sedarlah
wahai insan mulia di sisi Allah
selagi nafas masih berhembus
manfaatkanlah hidup ini
ke jalan yang sebaik-baiknya
jalan hakiki yang diredai-Nya.

Panjatkanlah syukur ke hadrat Ilahi
atas kurnia hayat dan limpah rahmat-Nya
yang kita nikmati selama ini
mudah-mudahan kita tidak akan lari
atau ingkar dari tanggungjawab
amar makruf nahi mungkar.

Ya, ingatlah!
kita hanya sebagai tamu
tiba waktunya nanti
kembali kepada Ilahi.

Rahim M. S.

GILA MENGGILA

Gila di dalam gila
gila di luar gila
gila di atas gila
gila di bawah gila.

Gila menggila kasta
gila menggila harta
gila menggila kuasa
gila menggila nama.

Semua gila menggila
gila adalah menggila
menggila adalah gila
itulah hakikat gila.

MAUT

Siang melabuh tirainya
malam pun bermukim di tempatnya.

Hamparan hikmat merenggut jantungnya
pancaran hikmat memancarkan sinarnya.

Diri menjemput diri tersungkur
diri menjunjung diri terlebur.

Bukalah hikmat untuk kusambat
beri cahaya azimat hebat.

Diri terkhyal di alam fana
maut pun sampai mengundang lara.

Abil Hassan

DI SISIMU

Aku ingin selalu di sisi-Mu
setiap detik jantungku
setiap hembusan nafasku
aku mengingati-Mu.

Aku ingin menjamah-Mu
aku tahu tidak semudah itu
tapi aku akan cuba memeluk-Mu
dengan iman
dengan takwa
bersama hati yang tulus.

"Ingat padap-Ku
Aku akan ingat padamu."

GILA-GILA

Orang yang betul-betul gila
tidak mengatakan dirinya gila
tapi ... orang tidak gila
ingin mengaku dirinya gila
kalau orang gila itu tau
orang yang tidak gila
mau mengaku dirinya gila
maka ... orang gila itu
akan bertambah gila
sebaliknya ...
Jika orang tidak gila itu tau
bagaimana gilanya
orang gila itu
pasti ... orang yang tidak gila itu
benar-benar akan menjadi gila.

Maya Brunei

ORANG BAIK DISEBUT BAIK

Suaramu memunduk hati
lontaran madahmu luahan sejati
terlentur pokok mendengar doa-doamu
dedaun gugur dan terbang menjejarmu
kau yang terhormat, dipuja disegani
hatimu baik budimu luhur, semua akur
yang dikata kau kota dan jauh sekali
berpura-pura
belum pernah kudengar kau berbohong dan
engkau tidak pernah mengejar kemewahan
kekayaan
kaulah pembela sejagat pejuang rakyat yang
miskin dan marhain
kau rela bersama basah, susah dan payah
keprihatinanmu berterusan tanpa olok-olok
dan khianat
panas, kering, hujan, badai kau lalui
bersama kami
dalam sejuta, tapi kau hanya satu
pembela bangsa, pembela rakyat dan
pembela agama
engkau pandai mengambil hati pengaman
sejati
berbudi tinggi pengamal Sunnah Rasulullah
tersirat menusuk dan sebat di jiwamu
Allah akan bersama melindungiimu selalu
di manapun kau berada kau tidak akan kecewa
orang baik dibalas baik, bumi terbuka luas
mendoakan kesejahteraan untuk menerima
kehadiranmu
teruskan baik, jangan belajar jahat seperti
orang di sebelahmu itu
orang jahat pengkhianat bangsa markahnya
sifar

bumi tetap memandang serong dan
menyumpah sambil berlutah
kubur juga enggan menerima kehadiranmu.

MENCARI DIA

Kehalusan budi sejati
menyinar pancaran kasih pekerti
hormat bersama dihayati
ikhlas subur di samubari.

Kasih disimpan
lambang peribadi yang sopan
budaya halus ikhlas dan tulus
Melayu Islam yang cantik mulus
adat resam agung yang sempurna lurus.

Tanpa ilmu agama menghias
hancur binasa tersasar terbias
tanpa segenggam zikrullah
enggan berjihad di bumi Allah.

Jadilah insan tulus
di bumi haruman kudus
jangan sampai tersungkur tidak bermoya
anak cucu malu saat kecundang menggapai
dada
menyesal kakai-kakai mencari Dia.

Ilmu yang baik bekal diri
dalam beramal menginsafi rohani
pengelak sesal berpanjangan
perjalan di sana amat jauh
di bumi berasap padang pasir kontang
berjuta tahun kekal di alam keseorangan
hanya diri pengembara abadi mencari
sampai ketemu Dia.

Haji Mat Noor Matussin

SETAPAK UNTUK BERJAYA

Pada mulanya semangat hangat membara
konon apa yang dikata pasti dikota
seluruh langkah dikerah tekun berusaha
namun
tatkala tiba rasa jemu, bosan dan letih
akan terpacul segala macam dalih
sebenarnya setiap usaha ada tiga tapak
bermula, berusaha, berjaya
memang ada muncul kegagalan
tetapi
itulah sebaill-baik teguran
untuk mengatur langkah bergerak ke hadapan.

Setiap insan ada kekurangan dan kelebihan
sering kita mendengar dan mengakui sendiri
tiada yang sempurna selain Yang Maha
Pencipta
namun jika hati memang lemah dan mudah
mengalah
biarlah engkau pergi dan jangan lagi kembali
kembali ke jalan memijau jaya yang tinggal
setapak
sudah jauh perjalananmu beribu batu
setelah bermula dengan langkah yang satu
engkau layak ditertawakan
kerana takut kepada sesuatu yang tak pasti
rela menderita dan berputih mata
kekal sahaja engkau di jurang yang salah.

Hamiduddin Haji Mohammad



سنتاوس برسام بيسكيت
Santiaus Bersama Biskita

سوسون رنچاغن تيلييشن

susunan rancangan TELEVISYEN

PIHAK RTB berhak menukar mana-mana jua rancangan

| | | | | | | | |
|---|-------------|-------------------------------|-------------------------------|------------------------------|-----------------|----------------------------|----------------------------|
| R A B U 1 JUN | PAGI | | Sambungan | PETANG | 6.30 | AZAN MAGHRIB | 'Misteri Di Balik Tabir' |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 10.00 RANCANGAN HARI INI | 4.00 LAGU KEBANGSAAN | 6.45 | SINAR | 9.30 RHYTHM FIESTA |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 10.02 TELENODELA - 'Daniella' | 4.02 TILAWAH AL-QURAN | | | 10.00 NEWS AT 10 |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 10.50 PASPORT | 4.15 RANCANGAN HARI INI | MALAM | | 10.30 BRUNEI LEAGUE 2005 |
| | 9.00 | BERITA | 11.20 LIPUTAN SEMASA | 4.20 SESAME STREET YR. 32 | 7.00 | LIPUTAN SEMASA | 11.00 COSBY SHOW SR. 3 - |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - | 11.35 DRIVE | 5.20 GILLETTE WORLD OF SPORT | 7.30 | CRB | 11.30 THE PRACTICE YR. 8 - |
| | | 12.00 SIARAN TAMAT | 5.45 BERITA | 8.00 | BERITA NASIONAL | 'The Lonley People' | |
| | | | 6.00 INNOV 8 - Siri Baru | 8.50 | DRAMA - | 12.20 DOA DAN SIARAN TAMAT | |

| | | | | | | | | | |
|---|-------------|-------------------------------|--|--|--------------|---------------------|----------------|----------------------------------|-------------------------|
| K H A M I S 2 JUN | PAGI | | Sambungan | 12.00 | SIARAN TAMAT | 5.35 | THE LAST EDENS | 8.00 | BERITA NASIONAL |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 10.00 RANCANGAN HARI INI | PETANG | 5.45 | BERITA | 8.50 | AN NUUR - | Siaran Langsung |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 10.02 TELENODELA - 'Daniella' | 4.00 LAGU KEBANGSAAN | 6.30 | AZAN MAGHRIB | 10.00 | NEWS AT 10 | |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 11.00 RESIPI PILIHANKU - 'Tiramitsu dan Biskut Jagus Bercocklat' | 4.02 TILAWAH AL-QURAN | 6.45 | FIQHUL MIRATS | 10.30 | DRAMA - 'Mimpi Di Garis Pelangi' | |
| | 9.00 | BERITA | 11.30 LIPUTAN SEMASA - | 4.15 RANCANGAN HARI INI | MALAM | | 11.00 | WAYANG PILIHAN - | 'Isaac Little Feathers' |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - | Ulangan | 4.20 ANIMATION HOUR - 'Kid Paddle/Teletubbies' | 7.00 | SURAH-SURAH PILIHAN | 12.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT | |
| | | | 5.10 ON THE BALL | 7.45 | AZAN ISYAK | | | | |

| | | | | | | | | | |
|---|-------------|------------------------------------|-------------------------------------|-------------------------------------|--------------------------------|-----------------------------------|--------------|-------------------------|------------------|
| J U M A A T 3 JUN | PAGI | | RANCANGAN HARI INI | TECHNOLOGY | | | | | |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 10.02 GLADTOR ACADEMY | 12.30 | SEMBAHYANG FARDU | 3.45 | Chalen' | 7.20 | DEKOR |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 10.25 WHAT DO YOU THINK ABOUT THAT? | PETANG | 3.50 | TAYANGAN GAMBAR HINDI - Sambungan | 8.00 | AZAN ISYAK | BERITA NASIONAL |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 10.50 BEING EVE | 1.30 | VISI SUCI | 5.45 | BERITA | 9.00 | FIKIR-FIKIR SR.4 |
| | 9.00 | BERITA | 11.15 PUSAT EHSAN | 2.00 | TETAMU SUKAN - Siaran Langsung | 6.00 | SIYAR MASJID | 10.00 | NEWS AT 10 |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | 11.30 BERITA | 2.30 | DIARI KEHIDUPAN | 6.30 | AZAN MAGHRIB | 10.40 | KHUTBAH JUMAAT |
| | | 12.15 GREAT MOMENTS IN SCIENCE AND | 3.15 | TAYANGAN GAMBAR HINDI - 'Ab Ab Laut | 6.45 | SUTERA HATI | 10.55 | TELEDRAMA - | |
| | | | | | MALAM | | 12.25 | 'Jangan Urai Kasih Ini' | |
| | | | | | 7.00 | LIPUTAN SEMASA | 12.55 | THE GAME PLAN | |
| | | | | | | | | DOA DAN SIARAN TAMAT | |

| | | | | | | | | | |
|---|--------------------|-------------------------------|---|---|---------------------------|----------------------------|----------------------------|----------------------|---------------------------|
| S A B T U 4 JUN | PAGI | | KIDS HOUR - 'Bug Alert/Li' Elvis Jones & The Truckstoppers' | - Ulangan | 4.10 | BLUE PLANET - | 7.30 | INCREDIBLE JOURNEY - | |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 10.05 | 12.20 | AZAN ZUHUR | A NATURAL HISTORY OF OCEAN | 7.46 | AZAN ISYAK | |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 10.55 | 12.45 | PANGGUNG PETANG | 5.00 | KIDS HOUR - | 8.00 | BERITA NASIONAL |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 11.20 | PETANG | SABTU - 'Little Big Foot' | 5.45 | 'The Great Book Of Nature' | 8.50 | HIBURAN HUJUNG MINGGU |
| | 9.00 | BERITA | 11.30 | 2.15 | DOKUMENTARI | 6.00 | BERITA | 10.00 | NEWS AT 10 |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | 12.05 | 2.45 | EXPERIENCE BRUNEI | 6.30 | LATITUDES | 10.30 | ARE YOU BEING SERVED SR.1 |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI | | 3.15 | CHICAGO HOPE YR. 6 - 'You Gotta Have Heart' | 6.45 | AZAN MAGHRIB | 11.00 | TAYANGAN GAMBAR - | |
| | | | 3.45 | AZAN ASAR | MALAM | 7.00 | DUNIA ASIA | 12.30 | DOA DAN SIARAN TAMAT |

| | | | | | | | | | | | |
|---|--|-------------------------------|-------------------|------------------------------------|---|---|---|--------------------------|---------------------------|------------------------------------|------------|
| A H A D 5 JUN | PAGI | | 'Time Blazers' | 'Preview' | | | | | | | |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 11.00 KIDS CORNER | 1.45 | ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - 'Highlights' | 5.05 | 'Keibubapaan Membina Keyakinan Diri Anak Biskita' | 8.00 | BERITA NASIONAL | | |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 11.15 | SUNDAY MATINEE - 'Magic Kid 2' | 2.40 | JUARA - Siaran Langsung | 5.30 | ANIMATION - 'Maple Town' | 8.50 | TIRAI KELUARGA - 'Panggilan Pulau' | |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 11.30 | 11.45 | SUNDAY MATINEE - Sambungan | 3.15 | RIPLEY'S BELIEVE IT OR NOT | 5.45 | WILDLIFE DIARY | 10.00 | NEWS AT 10 |
| | 9.00 | BERITA | 12.20 | AZAN ZUHUR | 3.45 | AZAN ASAR | 6.15 | MODERN MANAGEMENT | 10.30 | TIRAI KELUARGA - Sambungan | |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | | | 4.10 | PERTUKARAN RANCANGAN MOU (RTB/TV12) 'RAKAN' | 6.31 | AZAN MAGHRIB | 11.10 | H & S (TALK SHOW) - Ulangan | |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI | PETANG | 1.15 | ENGLISH PREMIER LEAGUE 2004/2005 - | 4.40 | KAUNSELING MASYARAKAT- | MALAM | 7.00 | NYPD BLUE - 'You Da Bomb' | | |
| 10.05 | ANIMATION HOUR - 'We All Live Here' Sr. 2/ | | | | | | 7.46 | AZAN ISYAK | 12.25 | DOA DAN SIARAN TAMAT | |

| | | | | | | | | |
|---|-------------|-------------------------------|-------------------------------|--|--------------|-----------------------|-------|-------------------------------|
| I S N I N 6 JUN | PAGI | | RAMPAI PAGI - Sambungan | PETANG | 5.15 | SPORT PAGES | 8.00 | BERITA NASIONAL |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 10.00 RANCANGAN HARI INI | 4.00 LAGU KEBANGSAAN | 5.45 | BERITA | 8.50 | DRAMA - 'Meniti Sinar' |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 10.02 TELENODELA - 'Daniella' | 4.02 TILAWAH AL-QURAN | 5.55 | ANIMALIA | 9.30 | RHYTHM FIESTA 2005 |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | 11.00 SELERA ASEAN | 4.15 RANCANGAN HARI INI | 6.31 | AZAN MAGHRIB | 10.00 | NEWS AT 10 |
| | 9.00 | BERITA | 11.30 BODY AND SOUL | 4.20 ANIMATION - 'Nanook's Great Hunt/Super Little Fanta Heroes' | 6.45 | BIMBINGAN KELUARGA | 10.30 | SUKAN GLOBAL |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | 12.00 SIARAN TAMAT | | MALAM | | 11.00 | NILE - 'Crocodiles And Kings' |
| | | | | | 7.00 | LIPUTAN SEMASA | 12.00 | DOA DAN SIARAN TAMAT |
| | | | | | 7.20 | SAJIAN ORIENTAL SR. 3 | | |
| | | | | | 7.46 | AZAN ISYAK | | |

| | | | | | | | | | | |
|---|-------------------------|-------------------------------|--------------------------------|------------------|---|--------------|----------------------------|-------------|--|---------------|
| S E L A S A 7 JUN | PAGI | | Ulangan | 4.40 | NEW ADVENTURES OF OCEAN GIRLS - 'Possessed' | 7.30 | 'Tamu' | KOD 486 - | | |
| | 6.00 | PEMBUKAAN/LAGU KEBANGSAAN | 11.15 LIPUTAN SEMASA - Ulangan | 5.10 | THE WHOLE STORY | 7.47 | DOKUMENTARI - 'Orang Kita' | 'Terjerat' | | |
| | 6.02 | TILAWAH AL-QURAN | 12.00 SIARAN TAMAT | 5.45 | BERITA | 8.00 | AZAN ISYAK | 10.00 | NEWS AT 10 | |
| | 6.15 | RAMPAI PAGI - Siaran Langsung | PETANG | 6.15 | KID SINAR | 8.50 | BERITA NASIONAL | 10.30 | ASEAN-EC INTERNATIONAL HRD CONVENTION & EXHIBITION | |
| | 9.00 | BERITA | 4.00 | LAGU KEBANGSAAN | 6.31 | AZAN MAGHRIB | 9.30 | DRAMA: BIRO | 11.35 | WITHOUT TRACE |
| | 9.15 | RAMPAI PAGI - Sambungan | 4.02 | TILAWAH AL-QURAN | 6.45 | AL ISLAM | MALAM | 7.00 | DRAMA: BIRO | |
| 10.00 | RANCANGAN HARI INI | 4.15 | RANCANGAN HARI INI | | | | | 12.00 | PRETENDER - 'The Assassin' | |
| 10.02 | TELENODELA - 'Daniella' | 4.20 | KIDS HOUR: 'Button And Rusty' | | | | | 12.45 | DOA DAN SIARAN TAMAT | |
| 10.45 | MUTIARA HUTAN SR. 1 - | | | | | | | | | |



TIMBALAN Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan ketika melancarkan Projek Menjejak Kampung yang dikendalikan oleh kelima-lima rangkaian Radio Brunel.



PRODUK keluaran sebuah syarikat swasta turut menarik perhatian Yang Dimulikan ketika meninjau pameran yang melibatkan agensi kerajaan, sektor swasta dan masyarakat kampung.

Bincangkan persiapan acara

KUALA BELAIT, 10 Mei. - Lebih 20 acara keramaian termasuk acara baru antaranya rakit klasik, sukan olahraga, balapan dan bercucuk di air akan dimuatkannya sempena menyambut ulang tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Ke-59 bagi Daerah Belait pada tahun ini.

Demikian dinyatakan oleh Pegawai Daerah Belait, Dato Paduka Awang Haji Mohd. Yusop bin Bakar ketika mempengerusikan mesyuarat kedua sambutan ulang tahun Hari Keputeraan baginda yang diadakan di Dewan Santap di sini.

Mesyuarat yang dihadiri oleh pengerusi-pengerusi

acara persembahan yang terdiri daripada pegawai-pegawai kerajaan, sektor swasta dan wakil persatuan Daerah Belait bagi membincangkan format persembahan padang dan mengatur persiapan acara yang akan diadakan di sepanjang musim perayaan di daerah ini.

Seperti tahun-tahun sebelumnya acara kemuncak perayaan ialah keberangkatan baginda di Majlis Bersama Rakyat dan pada tahun ini format persembahan padang bertajuk 'Semerbak Haruman Kasih'. Acara tersebut dijadualkan berlangsung di Padang Bandaran yang antara lain dimeriahkan dengan perlawanan akhir tarik kalat peringkat kebangsaan kategori 'heavy weight'.

Mesyuarat pada hari itu berjalan dengan lancar dan persiapan-persiapan termasuk pengedaran borang bagi acara yang disusun. Acara dan gerai perayaan di daerah ini akan bermula serentak dengan daerah-daerah lain pada malam 15 Julai nanti.

Menurut Pegawai Daerah pada tahun ini satu pembaharuan akan dilaksanakan dalam persembahan pementasan iaitu persembahan daripada sektor swasta yang akan diadakan di Taman Jubli selama lebih kurang dua minggu yang akan dikendalikan oleh jawatankuasa yang terdiri daripada pengurus-pengurus syarikat. Sementara itu seperti tahun-tahun sebelumnya persembahan hiburan juga akan diadakan di Gerai Tudung Saji.

10 kumpulan mara peringkat akhir

KUALA BELAIT, 12 Mei. - Sebanyak 10 kumpulan, lima kumpulan lelaki dan lima kumpulan perempuan telah berjaya memasuki Pertandingan Tausyeh Belia peringkat akhir sempena sambutan Maulidur Rasul bagi Daerah Belait.

Pertandingan anjuran Persatuan Kebajikan Perempuan Daerah Belait (PKPDB) yang diadakan di Dewan Bandaran bagi menyemarakkan lagi sambutan Maulidur Rasul serta

menyebarkan syiar Islam melalui tausyeh.

Yang Dipertua PKPDB, Dayang Hajah Kertini OKPSD Abang Haji Abu Hanifah berharap melalui pertandingan serupa itu akan dapat menghindarkan para belia dari terlibat dalam gejala sosial yang tidak sihat yang boleh membahayakan pembangunan ummah.

Pertandingan tersebut disasarkan kepada belia-belia yang masih di bangku sekolah dan yang telah mening-

galkan alam persekolahan. Tetamu kehormat, Ketua Pegawai Agama Daerah Belait, Ustaz Haji Harun bin Haji Junid menyampaikan hadiah kepada para pemenang.

Menurut pihak penganjur disebabkan jumlah penyertaan amat menggalakkan, mereka telah mengadakan peringkat saringan yang disertai 21 kumpulan tetapi hanya 10 kumpulan sahaja dipilih untuk ke peringkat akhir.

LUMUT, 13 Mei. - Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Dimulikan Pehin Orang Kaya Johan Pahlawan Dato Paduka Haji Awang Adanan berharap perkhidmatan Radio Brunei perlu menyediakan program yang kreatif dan inovatif yang dapat memenuhi selera dan kehendak masyarakat.

Selain itu, kata Yang Dimulikan, penglibatan masyarakat dalam apa jua program yang diunggulkan oleh perkhidmatan Radio Brunei akan

Berita dan gambar-gambar oleh
Dk. Hajah Saidah Pg. Haji Omaralli
saidah.omaralli@information.gov.bn

menjadi perkhidmatan yang popular dan diminati bukan sahaja oleh masyarakat negara ini malah juga di luar negara.

"Dengan memanfaatkan kecanggihan teknologi infokomunikasi (ICT) dengan mewujudkan 'Net Radio' melalui internet akan membolehkan penyiarannya lebih meluas kepada pendengar-pendengarnya, bukan hanya di dalam negeri malah ke seluruh dunia," Yang Dimulikan berucap demikian ketika melancarkan Projek Menjejak Kampung yang dianjurkan oleh Seksyen Perkhidmatan Rancangan Radio yang diadakan di Kelab Rekreasi Liang Lumut di sini.

Yang Dimulikan menambah, tidak dinafikan kehebatan saingan yang wujud pada masa kini melalui media massa bukan sahaja di peringkat serantau malah global, namun dengan pendekatan melalui projek seumpama itu bertepatan dan perlu diteruskan dari masa ke semasa.

Projek tersebut akan

dapat mengetengahkan kegiatan yang terdapat di kampung masing-masing bukan sahaja akan dapat diketahui secara langsung oleh pendengar tempatan, malahan juga mereka yang berada di luar negara, sekali gus memperkenalkan dan mempromosikan Negara Brunei Darussalam di luar negara serta di peringkat antarabangsa, jelas Yang Dimulikan.

"Program seperti ini juga dapat menggambarkan kehidupan orang Brunei yang sebenarnya yang sentiasa hidup dengan penuh keharmonian, perpaduan, kesejahteraan dan keadaan aman damai serta dapat menangkis gambaran yang negatif dan tidak berasas ke atas negara ini," ujar Yang Dimulikan.

Dalam pada itu, tambah Yang Dimulikan, kepimpinan daripada Penghulu dan Ketua Kampung dengan dukungan Ahli Majlis Perundingan Mukim/Kampung, di samping penduduk tempatan di kawasan yang terlibat dalam melaksanakan pro-

jek berkenaan akan dapat mempromosikan produk, keunikan dan kemajuan kampung, di samping kebudayaan, amalan dan nilai tradisi masyarakat setempat yang akan menonjolkan identiti dan keistimewaan kampung mereka.

Selain itu juga akan dapat membuka peluang dalam mempergiatkan lagi aktiviti perekonomian yang boleh meningkatkan pendapatan dan taraf hidup penduduk mukim dan anak buah kampung, tambah Yang Dimulikan.

Projek Menjejak Kampung yang buat pertama kali diadakan oleh kelima-lima rangkaian Radio Brunei iaitu rangkaian Nasional, Pelangi, Nur Islam, Harmoni dan Pilihan merupakan langkah terpenting bagi menyatukan pegawai-pegawai Perkhidmatan Rangkaian Radio dengan masyarakat kampung dan orang ramai.

Ianya bagi mempromosi dan menonjolkan realiti dan gambaran sebenarnya akan perkembangan serta kemajuan sosial, ekonomi, budaya setempat, di samping perpaduan dan adat resam 'ke-bruneian' yang masih kukuh terpelihara serta dia-

malikan sejak sekian lama.

Di samping itu projek yang diadakan secara langsung itu juga merupakan landasan bagi merealisasikan hasrat untuk memasyarakatkan maklumat melalui rancangan yang diterbitkan oleh perkhidmatan Rangkaian Radio melalui Radio Televisyen Brunei (RTB) khususnya.

Radio Brunei telah bertapak sejak 48 tahun yang lalu di negara ini. Dari semenjak itu telah banyak rancangan dikeluarkan bukan sahaja berbentuk rakaman tetapi juga disiarkan secara langsung mendekati peminat-peminatnya dan lima tahun lalu Perkhidmatan Radio Brunei mula melayari internet.

Projek yang diadakan selama tiga hari itu diisi dengan pelbagai rancangan melibatkan penyertaan orang ramai, masyarakat dan warga Perkhidmatan Radio antaranya Pertandingan Tausyeh Belia Remaja, Peraduan Cabaran Kualiti, Cafe Pelangi, Sukan Muhibah, Sukan Ria, Peraduan Teh Tarik, Mesra Pengantin dan Talian Kasih.

Di majlis tersebut Yang Dimulikan juga melancarkan laman web khusus bagi projek berkenaan, di samping perkhidmatan 'netradio' yang boleh didapati melalui Laman Web RTB. Ianya merupakan suatu contoh aplikasi e-kerajaan yang mana para pelayar internet dapat mendengar siaran Radio Brunei dan juga Antarabangsa RTB (Saluran Satelit RTB) melalui komputer.

Satu lagu khas juga telah dicipta selari dengan mendukung tema Menjejak Kampung 'Bersama Membina Masyarakat Penyayang' yang dinyanyikan beramai-ramai oleh belia Kampung Lumut dan sketsa kampung berkenaan turut menyeronokkan majlis tersebut.



PEGAWAI Daerah Belait ketika mempengerusikan mesyuarat.

Kem Motivasi persiapan hadapi PSR

KUALA BELAIT, 12 Mei. - Lebih 300 orang pelajar darjah enam daripada lima buah sekolah-sekolah rendah Bahagian Zon Belait menyertai Kem Motivasi

Peperiksaan Sijil Rendah (PSR) yang diadakan di Sekolah Rendah Pengiran Setia Jaya Pengiran Abdul Momin di sini.

Kem Motivasi tersebut dibahagikan kepada 12 kumpulan di bawah pengawasan 48 orang guru darjah enam termasuk Guru-guru Kaunseling Daerah Belait dan setiap kumpulan ditempatkan di beberapa kawasan termasuk Dewan Sekolah, kawasan lapang sekolah

berkenaan dan juga Dewan Kemasyarakatan Kampong Pandan.

Antara projek yang diadakan sepanjang kem itu termasuklah ceramah motivasi berbentuk aktiviti yang disampaikan oleh Guru-guru Kaunseling, teknik memahami soalan, mengulang kaji-pelajaran dan pengurusan masa serta doa selain memberikan risalah doa-doa untuk kegunaan harian para pelajar sebagai persiapan menghadapi peperiksaan nanti.

Projek Kem Motivasi anjuran Ahli Jawatankuasa Guru Besar Daerah Belait telah diadakan sejak bebe-

rapa tahun lalu dan dijadikan projek tahunan sekolah-sekolah rendah bagi mencapai peratus lulus sasaran kebangsaan iaitu 80 peratus ke atas. Sejak projek tersebut diadakan peningkatan peratus pelajar yang lulus dalam peperiksaan di daerah ini amat menggalakkan dari setahun ke setahun.

Selain itu pelajar-pelajar juga merasakan keseronokan menghadapi aktiviti yang diadakan dan setiap latihan yang diberikan sepanjang projek akan diaplikasikan ke dalam pembelajaran mereka semasa berada di sekolah

dan ketika mengulang kaji di rumah.

Antara objektif projek itu diadakan bagi memberi motivasi peningkatan kemajuan untuk lulus dalam peperiksaan PSR dan memberi kesedaran belajar secara berterusan, pelajar-pelajar boleh mengulang kaji pelajaran secara bersendirian dan menanamkan semangat bekerjasama dan berpasukan di kalangan guru-guru.

Pelajar-pelajar darjah enam di negara ini akan menghadapi peperiksaan PSR pada 8 hingga 12 Oktober akan datang.